

Volume III
No. 42



Monday
27th February, 1967

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**THIRD SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 5597]

MOTION:

The Development Estimates, 1967—

Committee:

Head 122 [Col. 5602]

Head 123 [Col. 5664]

Head 124 [Col. 5691]

Head 125 [Col. 5696]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Third Session of the Second Dewan Ra'ayat

Monday, 27th February, 1967

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable MR SPEAKER, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, TAN SRI V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Education, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting and Minister of Culture, Youth and Sports, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

- The Honourable the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports,
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K.
(Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, TUAN LEE SIOK YEW,
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Health,
TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH, S.M.K. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN
(Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johore Bahru Timor).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

The Honourable TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ TUAN THOMAS KANA (Sarawak).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.P., (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

- The Honourable TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SANDOM ANAK NYUAK, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister and Minister of Foreign Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, TUAN TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister for Local Government and Housing, TUAN KHAW KAI-BOH (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sabah Affairs, TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ O. K. K. DATU ALIUDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

- The Honourable DATU GANIE GILLONG, P.D.K., J.P. (Sabah)
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ DATO' S. P. SEENTIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

LEPASAN SEKOLAH MENENGAH YANG AKAN DI-BERI LATEHAN PERGURUAN

1. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok) bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa ramai lagi lepasan² sekolah menengah yang akan di-beri peluang menjalani kursus latehan perguruan dalam tahun 1966.

The Minister of Education (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, bilangan penuntut² sekolah

menengah yang di-ambil masuk ka-dalam kursus² latehan guru dalam tahun 1966 ada-lah seperti berikut:

(1) Untuk Latehan Guru² Sekolah² Menengah—

(a) Maktab² Perguruan dalam Tanah Melayu—925 orang.

(b) Pusat² Latehan Daerah—1,384 orang.

(2) Untuk Latehan Guru² Sekolah² Rendah—1,636 orang. Jumlah besar ia-lah 3,945 orang.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Soalan tambahan. Berhubung dengan pertanyaan ini, apa-kah pehak Menteri Pelajaran tidak berfikir ia-itu latehan² guru ini patut-lah di-adakan di-tempat yang paling dekat bagi penuntut² itu untuk mengikuti kursus

ini, macham mana di-Kelantan, umpama-nya, patut-lah kursus² untuk latehan guru itu di-adakan di-dalam negeri Kelantan sendiri sa-bagaimana di-adakan di-Pengkalan Chempa, tetapi kenyataan hari ini banyak guru² yang ada di-Kelantan itu dapat latehan jauh daripada tempat itu.

Yang kedua, apa-kah tidak bagus pehak Kementerian ini membuat hanya satu jenis sahaja Pusat Latehan ini, tidak-lah seperti mana ada hari ini Day Training Centre-kah, Teachers Training Centre-kah yang bermacam² jenis pusat. Jadi, kalau di-adakan satu jenis sahaja, boleh jadi mencheptakan lagi di-dalam mengeluarkan guru² daripada latehan ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, sa-berapa yang boleh maka memang-lah menjadi dasar bagi Kementerian menempatkan penuntut² itu berdekatan sa-kali dengan tempat kediaman-nya. Tetapi perkara ini tidak dapat kita jalankan dalam prektik bagi seluroh-nya. Di-Kota Bahru, umpama-nya, kita mengadakan tempat pusat latehan, ia-itu bagi guru² sekolah rendah sahaja. Jadi apabila dapat kesempatan nanti kita akan mendirikan pusat latehan guru bagi latehan guru menengah pula. Maka pada masa itu kita akan memberi peluang yang lebeh banyak lagi kepada penuntut² daripada kawasan Pantai Timor khas-nya. Jadi pada fikiran saya, soal bagi hendak mengatasi guru² yang enggan hendak pergi berkhidmat di-Pantai Timor ia-lah dengan jalan kita mengadakan pusat² latehan yang di-khaskan untuk penuntut² atau pun bakal² guru di-Pantai Timor. Hal ini sudah pun di-jalankan, di-mana kita adakan beberapa pusat latehan, ia-itu D.T.C. di-Pantai Timor dan kita akan banyakkan lagi pada masa yang akan datang.

Soal yang kedua, berkenaan dengan—saya sudah lupa

Tuan Mustapha bin Ahmad: Menyamakan sa-jenis sahaja.

Tuan Mohamed Khir Johari: Berke-naan menyamakan sa-jenis sahaja, ini kita akan jalankan untuk masa ka-hadapan seperti mana saya telah sebut-

kan dalam jawapan saya pada masa kita membahathkan Budget dahulu. Saya telah menerangkan ia-itu pusat² latehan daerah, umpama-nya, ia-lah satu crash programme yang terpaksa kita jalankan dengan sebab kita mengadakan pelajaran bagi sekolah menengah rendah yang terpaksa kita mengeluarkan guru² yang banyak. Tetapi ini ia-lah untuk sementara sahaja. Saya berharap dalam masa dua tiga tahun lagi kita dapat mengadakan satu sahaja pusat latehan guru bagi satu jenis sahaja pusat latehan guru dalam tanah ayer kita ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah saya memahami bahawa rancangan latehan guru ini merupakan satu rancangan sementara (ad hoc) sa-mata² tidak-lah sa-bagai rancangan yang tetap. Dan yang kedua-nya ada-kah latehan guru yang kita ambil pada tahun 1966 ini, apabila bersambung kepada tahun 1967 maseh berharap kepada sumber daripada luar negeri, tidak daripada wang dalam negeri sendiri. Dan yang ketiga ada-kah benar khabar² angin yang sampai kepada saya—saya tidak bertanggung-jawab di-atas khabar ini tetapi sebab sampai kepada saya—ia-itu oleh kerana segala rancangan ini merupakan *ad hoc* dan wang-nya pun berharap kepada sumber daripada luar negeri, maka Yang Berhormat Menteri kita yang sangat² di-harapkan untuk melaksanakan dan menguruskan projek² ini sudah merajok dan tidak mahu lagi memegang jawatan Menteri ini dalam sedikit masa ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan, apa yang boleh di-sifatkan sa-bagai *ad hoc* itu ia-lah pusat² latehan daerah itu sahaja. Pada masa yang lalu kita tidak dapat mengadakan satu jenis pusat latehan ia-lah dengan sebab kita terpaksa mengambil latehan bakal² guru yang kelulusan-nya berlainan—umpama-nya ada yang lulus Sijil Rendah Pelajaran, ada yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia. Tetapi mulai daripada tahun ini kita telah memulakan satu dasar yang mana semua guru² yang hendak mengajar dalam sekolah

rendah baik, atau pun sekolah menengah, mesti lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia sa-kurang²-nya. Maka dengan itu dapat kita menyatukan dasar latehan perguruan itu.

Yang Kedua berkenaan dengan kita bergantung kepada wang luar negeri untuk menjalankan latehan guru ini, tidak benar. Memang dalam Budget kita, kita ada peruntukan yang tertentu untuk menjalankan perojek² bagi melatehkan guru kita. Chuma apa yang kita bergantung kepada luar negeri ia-lah wang² untuk *capital expenditure* sahaja.

Yang ketiga berkenaan dengan saya merajok—nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu lebih daripada nujum lagi, dia boleh nampak hati saya merajok atau tidak. (*Ketawa*). Saya tidak-lah ada perasaan yang sa-macam itu. Sa-lagi Yang Berhormat itu suka saya menjadi Menteri Pelajaran, sa-lagi itu-lah saya akan menjadi Menteri Pelajaran (*Ketawa*).

SEKOLAH² MENENGAH UGAMA YANG BUKAN SEKOLAH KERAJAAN

2. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pelajaran sa-jauh mana-kah kemajuan yang telah tercapai oleh kerajaan dalam usahanya hendak mengambil aleh sekolah² menengah agama bukan kerajaan sabagaimana yang di-beritakan dalam akhbar baharu² ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, chadangan Kementerian untuk memberikan bantuan penoh kepada sa-sabuah sekolah ber-sendirian atau pun sekolah² menengah agama negeri dalam tiap² negeri telah di-persetujui pada dasar-nya oleh Kerajaan² Negeri masing² dalam Malaysia Barat ini. Beberapa Kerajaan Negeri telah mengeshorkan sekolah² yang tertentu untuk di-timbangan oleh Kementerian ini. Butir² lanjut ada-lah sedang di-kaji dengan Kerajaan² Negeri yang berkenaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan usaha² hendak

mengambil aleh sekolah² yang bukan Kerajaan, sekolah² agama ini, yang saya tahu Kementerian telah mengadakan dua jawatan-kuasa. Di-dalam jawatan-kuasa itu ada di-jemput beberapa orang termasuk saya sendiri. Saya ini termasuk dalam jawatan-kuasa mana saya tidak tahu. Tetapi yang saya hendak tanya, ada-kah usaha² ini di-jalankan oleh salah satu daripada jawatan-kuasa itu, dan kalau di-jalankan oleh jawatan-kuasa itu, mengapakah langsung tidak ada meshuarat sakali pun sa-sudah sampai sa-tahun lebih. Dan di-atas nama siapa-kah maka kerja² itu di-jalankan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak di-jalankan oleh jawatan-kuasa tersebut bahkan di-jalankan oleh Kementerian sendiri. Berkenaan dengan jawatan-kuasa yang tidak ada meshuarat itu, barangkali waktu di-adakan meshuarat Yang Berhormat itu telah pergi berjalan di-Manila atau pun lain² tempat, barangkali ta' dapat hadir, saya pun ta' faham.

MOTION

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1967

Committee

Order read for resumption of the Development Estimates for 1967 (Cmd 50 of 1966) in the Committee of the whole House (25th February, 1967).

House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

(Mr Speaker in the Chair)

Head 122—

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas dua perkara sahaja ia-itu Pechahan-kepala 1 dan 14. Berkenaan dengan Pechahan-kepala 1—Primary Education, saya hendak berchakap ini satu perkara berkenaan dengan sekolah Suleiman School di-daerah Bentong. Sunggoh pun sekolah ini bukan dalam kawasan saya, tetapi saya mendapat persetujuan daripada wakil daerah itu, siapa

yang dahulu dapat berchakap, hendaklah berchakap berkenaan hal sekolah Suleiman School ini.

Suleiman School ini ada-lah satu sekolah primary yang budak²-nya ada mengaji sa-banyak dua ribu orang pada masa ini. Jadi tempat-nya sangatlah kechil dan rumah² sangat-lah tua. Sunggoh pun ada ranchangan di-chadangkan untuk membuat bangunan baharu di-satu kawasan yang berjauhan daripada itu, tetapi sunggoh pun ada chadangan yang baharu itu, tetapi akan memberi chuma tempat murid² belajar lebeh kurang separoh yang ada sekarang. Sunggoh pun separoh dapat di-keluarkan daripada sekolah yang ada sekarang, maseh juga tidak chukup tempat bagi murid² yang tinggal lebeh kurang 1,400 orang lagi dalam sekolah yang ada sekarang ini. Jadi ini-lah satu soal yang saya minta dapat Yang Berhormat Menteri memberi satu perhatian yang berat menghantar satu jawatan-kuasa penyelidik yang boleh melihat sendiri supaya dapat di-tambah dengan segera bangunan² untuk kanak² kita yang begitu ramai dengan tempat yang begitu sempit² sangat dalam sekolah itu.

Yang nombor 14 ini ia-itu Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya berharap, Tuan Pengerusi, Dewan Bahasa dan Pustaka ini di-jadikan satu chawangan khas yang di-kanun supaya terjemahan² daripada bahasa² asing kapada bahasa kebangsaan—tujuan² bahasa kebangsaan itu biar-lah mu'tamad. Kita tidak lagi berkehendakkan tiap² Kementerian menterjemahkan satu perkataan yang akan di-terjemahkan oleh Kementerian lain pula dengan lain² perkataan. Jadi, saya hendakkan supaya Dewan Bahasa ini menjadi satu badan yang rasmi—tiap² perkara yang telah di-terjemahkan itu rasmi yang di-pakai tunggal dalam negeri kita ini. Ini saya rasa, saya pandang, yang telah saya lihat perbezaan terjemahan² daripada satu Kementerian atau pun satu pejabat dengan satu pejabat lain.

Bahkan ada juga dalam satu pejabat dua terjemahan sa-umpama-nya Pejabat Kerja Raya mengatakan "awas" di-daerah², saya tengok ada tempat lain di-gunakan "jaga²", jadi satu perkara,

dua perkataan. Terjemahan perkataan "caution" di-bahasa Inggeris itu "awas" maka awas-lah di-gunakan sa-bagai bahasa rasmi tidak lagi ayat "jaga²" di-gunakan. Bagitu juga perkataan saterus-nya dan sa-lanjut-nya, ini dua perkataan ma'ana satu tetapi di-gunakan dua, jadi saya mahu Dewan Bahasa ini menjadi satu Badan yang rasmi—"authority"—ia-itu apa yang di-terjemahkan itu-lah menjadi rasmi tidak-lah kita pakai terjemahan², fikiran² daripada lain² chawangan. Jadi Tuan Pengerusi, itu-lah dua perkara yang saya minta perhatian daripada Menteri Yang Berhormat kita, terima kaseh.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya bersama² hendak membahathkan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Pelajaran ini. Terlebeh dahulu, saya suka hendak berchakap Kepala 122 Pechahan-kepala 1 dan 14. Di-atas Pechahan-kepala 1 ini, Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Kerajaan yang telah menguntokkan wang sa-banyak \$10,500,000 bagi pelajaran rendah.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana kita ma'alum, bahawa pelajaran rendah ini ada-lah merupakan satu perkara yang sangat² mustahak bagi Kemajuan murid² sekolah kerana dalam pelajaran rendah ini merupakan satu tunas yang bakal menyampaikan kapada pelajaran menengah kapada pelajaran tinggi dan hingga sa-terus-nya kapada University. Dengan peruntukan yang sa-rupa ini, saya perchaya akan membawa kapada kemajuan yang lebeh bagi perkembangan pelajaran terutama di-dalam kelas² rendah di-seluruh negara kita ini, tetapi walau bagaimana pun saya suka memberi satu shor kapada Kementerian ini bukan-lah dengan hanya wang yang bagini banyak akan dapat memajukan, tetapi kita mesti-lah patut sangat mengambil perhatian kapada sa-tengah² ibu bapa atau penjaga² murid yang tidak begitu mengambil berat di-atas pelajaran anak²-nya. Walau pun sa-bahagian besar ibu bapa dan penjaga² murid

di-dalam negara ini telah pun mengambil berat tetapi ada satu golongan lagi yang memang sengaja tidak mengambil berat dalam pelajaran anak-nya, tidak mengambil perhatian hanya mereka² ini semata² menyerahkan kepada guru di-sekolah itu sahaja yang dalam masa 5 atau 6 jam dan mereka tidak mahu mengambil berat atau pun memerhatikan di-atas masalah pelajaran anak²-nya. Mereka² ini biasa-nya mementingkan hal diri-nya sendiri dan perhiasan-nya sendiri.

Tuan Pengerusi, di-sini, jadi mengatasi masalah² yang sa-rupa ini suka-lah saya mengshorkan kepada Kementerian ini kalau dapat menggalakkan Persatuan² Ibu Bapa dan Penjaga² Murid di-dalam negara kita ini, kerana dengan ada-nya Persatuan² yang sa-rupa ini orang² yang belum lagi mempunyai keinsafan dan kesadaran di-dalam masalah pelajaran kepada anak²-nya ini akan dapat kita beri galakan melalui dan menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Penjaga² Murid yang mana saya dapat tahu di-negeri Johor telah ada Persatuan yang sa-rupa ini dan saya perchaya dengan ada-nya Persatuan yang sa-rupa ini dan kemajuan pelajaran anak² kita, terutama dalam kawasan² luar bandar, akan dapat lebih maju lagi.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya masok-lah kepada Pechahan-kepala 14 ia-itu mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka. Begitu juga saya menguchapkan terima kaseh kerana mendapat kelebihan peruntukan bagi Dewan Bahasa dan Pustaka ini kalau kita bandingkan dengan tahun 1966 yang lalu. Kita patut-lah memberi ucapan tahniah kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah mengambil daya usaha dan yang telah bergerak dengan chergas bagi mengembangkan dan menyesuaikan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi dalam negara ini dan segala gerakan dan kechergasan ini ada-lah membawa kepada kelayakan bahasa kebangsaan ini untuk di-rasmikan di-dalam negara kita ini pada tahun ini juga.

Tuan Pengerusi, di-sini walau pun telah banyak atau pun boleh di-katakan sa-bilangan besar ra'ayat negeri

ini telah memberi sambutan yang baik di-dalam perkembangan bahasa kebangsaan ini, tetapi maseh ada lagi sagelintir manusia yang belum lagi mahu menerima dan mahu memberi sambutan yang baik kepada perkembangan bahasa kebangsaan ini. Di-sini di-dalam sempena bagi membincangkan masalah estimate atau anggaran Dewan Bahasa dan Pustaka ini, saya mohon izin bagi menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini terutama kepada Menteri Muda Pelajaran, kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kulim Bandar-Baharu dan Ahli Yang Berhormat daripada Bruas yang telah mengambil berat dan chuba menggunakan dengan sa-daya upayanya menggunakan bahasa kebangsaan di-dalam Dewan ini, mudah²an dengan ada-nya beliau² ini menjadi pelupor memulakan dan chuba menggunakan bahasa kebangsaan dalam Dewan ini akan menjadi satu contoh dan tauladan kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain.

Satu perkara yang saya merasa agak sedeh, Tuan Pengerusi, berhubung dengan kertas di-dalam Anggaran Pembangunan yang ada di-hadapan kita pada hari ini, maseh menggunakan bahasa Inggeris terus menerus dengan tidak ada bahasa kebangsaan sedangkan kalau kita tengok di-dalam Anggaran Kementerian yang ada di-sini semua boleh di-terjemahkan dalam bahasa kebangsaan. Jadi, ini satu perkara yang amat sangat menyedehkan. Saya berchakap kalau kita selalu menyeru supaya ra'ayat menggunakan bahasa kebangsaan dan meng'amalkan seruan² daripada Kementerian Penerangan, daripada segala alat penerangan dalam negara ini, jadi mengapa-kah agak-nya perkara yang sa-bagini kechil tidak boleh kita terjemahkan dalam bahasa kebangsaan? Saya harap sangat perkara ini akan dapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, dukachita saya berchakap berhubung dengan perkara Head 122, Pelajaran.

Tuan Pengerusi, saya tertarek hati kepada Anggaran Pembangunan bagi

pelajaran ini pada mula-nya bagaimana yang telah di-ishtiharkan oleh Menteri Muda Pelajaran mengatakan bagi Malaya sahaja \$73 juta yang akan di-belanjakan, Sabah \$4,500,000 dan Sarawak \$7,200,000, yang berjumlah \$84,700,000. Tuan Pengerusi, bila saya halusi lagi, maka saya dapati di-dalam jumlah yang pada mula-nya mengem-birkan saya dan ra'ayat Malaysia ini di-dalam Pembangunan Pelajaran bagi tahun ini, tetapi bila di-halusi saya dapati bahawa dalam beberapa perkara yang penting ada tanda yang menun-jukkan bahawa kewangan ini berharap kepada pinjaman daripada luar negeri. Tuan Pengerusi sa-jauh mana harapan itu, itu-lah masaalah yang menjadi tanda tanya kepada saya dan saya berharap pihak Menteri Pelajaran memberi penjelasan jika sa-kira-nya tidak mendapat pinjaman daripada luar negeri untuk di-belanjakan kepada pelajaran ini, ada-lah beberapa perkara yang penting ini akan terbantut, akan tersekat atau pun akan terhalang kemajuan-nya.

Tuan Pengerusi, banyak Ahli yang telah berchakap dalam soal pemba-ngunan pelajaran ini berharap ber-sungguh² supaya pelajaran rendah bagi negeri ini di-majukan, di-lengkapkan dan di-perbaiki dengan sungguh². Tetapi kalau-lah soal pelajaran rendah ini baik, tetapi kalau soal pelajaran menengah yang menunjukkan di-dalam ini mengharapakan kepada pinjaman daripada luar negeri, mithal-nya, sa-banyak \$37 juta, Aneka Jurusan \$2,500,000, Menengah Teknik \$2,500,000, Pelajaran Pertanian \$3,300,000, Latehan Guru \$5,500,000 yang berjumlah bagi Malaya sa-banyak \$50,800,000 ini sa-kira-nya tidak men-dapat pinjaman dan tidak akan dapat di-belanjakan, maka saya perchaya-lah kemajuan pelajaran yang hendak menyambungkan daripada darjah rendah kepada menengah dan dari menengah ka-Universiti itu terhalang dan tidak akan dapat berjalan dengan baik.

Jadi, sekarang ini Tuan Pengerusi, sudah menjadi tanda tanya kepada saya ada-kah dasar atau pun tujuan Menteri Pelajaran yang telah mengishtiharkan bahawa pihak Kementerian Pelajaran

akan menjimatkan wang di-Kemen-terian-nya dan satu jawatan-kuasa khas akan di-tubuhkan dan ini-lah langkah lebeh awal telah di-jalankan. Kalau ini-lah satu langkah yang awal telah di-jalankan, Tuan Pengerusi, saya maseh berharap lagi pada bebe-rapa perkara supaya Menteri Pelajaran tidak memotong perbelanjaan-nya bagi meneruskan kemajuan dan perkem-bangan pelajaran di-dalam negeri ini.

Soal yang pertama, Tuan Pengerusi, ia-lah harapan saya berhubung dengan perkara hadiah Pelajaran Minor Scho-larship mithal-nya bagaimana yang saya telah pernah sebut di-dalam rumah yang mulia ini dan saya ucapkan terima kaseh kepada Menteri Pelajaran sa-kali lagi nampak-nya dari tahun ka-tahun telah menambahkan hadiah pelajaran kechil ini dengan harapan supaya dapat kanak² daripada sekolah menengah dapat hadiah pelajaran dan dapat pula melanjutkan ka-Universiti.

Soal-nya yang kedua, Tuan Penge-rusi, sudah pun menjadi masaalah yang besar dan banyak Ahli² Yang Berhor-mat di-dalam Dewan ini berchakap berhubung dengan perkara buku text dan pihak Kementerian Pelajaran juga sedang mengusahakan buku text itu di-buat satu bureau supaya di-jalankan dengan lebeh baik lagi. Apa yang saya hendak sampaikan di-dalam Rumah yang mulia ini, Tuan Pengerusi, banyak ibu bapa di-seluruh Malaya ini apa yang saya tahu yang telah menemui saya dan memberitahu, menyatakan kalau pihak Kerajaan mengadakan ranchangan Pembangunan Negara bagi lima tahun apa-kah sebab-nya pihak Kementerian Pelajaran atau pun pihak Kerajaan tidak boleh mengadakan buku text bagi lima tahun di-tukarkan sa-kali sa-kurang²-nya.

Jadi patut-lah hendak-nya sa-kurang²-nya biar-lah selaras, sa-jajar menepati dengan kehendak ranchangan lima tahun atau pun Five-Year Plan ini, maka buku text itu pula di-tukar. Ini satu harapan daripada seluroh ra'ayat di-Malaysia ini.

Soal yang ketiga-nya, Tuan Penge-rusi, ia-lah berhubung dengan perkara hendak membesarkan asrama. Ini juga

saya harap dapat satu penjelasan yang lebih jelas dan terang supaya dapat di-faham oleh ra'ayat dalam negeri ini. Saya tidak persoalkan-lah soal hendak membesarkan atau pun tidak masaalah asrama atau pun hostel ini, tetapi yang menjadi masaalah dan menjadi harapan seluroh ra'ayat ia-lah mengadankan sa-chukup² hostel atau pun asrama di-mana ada-nya sekolah menengah rendah, menengah atas dan menengah tinggi di-seluroh tanah ayer kita ini. Kalau pehak Menteri Pelajaran dapat mengadakan cukup dengan penuntut² yang ada di-sekolah menengah rendah, menengah atas dan menengah tinggi tadi, Tuan Pengerusi, saya perchaya-lah terima kaseh yang tidak terhingga akan di-berikan oleh pehak ra'ayat kepada Menteri Pelajaran ini.

Tuan Pengerusi, masaalah pelajaran ini sama² kita tahu bahawa kalau perkembangan kemajuan-nya tidak dapat berjalan dengan baik, maka nyata-lah kemajuan dan perkembangan di-dalam negeri ini tidak akan dapat berjalan dengan baik.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya menyimpulkan dengan harapan bahawa perbelanjaan sa-banyak \$84,700,000 ini akan dapat di-belanjakan bagi tahun 1967 ini sama ada dengan chara pinjaman atau pun dengan apa chara sa-kali pun. Sebab kalau tidak dapat pinjaman ini maka akan mengechewakan-lah kepada ra'ayat dalam negeri ini. Sebab kalau di-jumlahkan daripada \$84,700,000 ini yang berharap kepada pinjaman sa-banyak \$57,536,772 yang berarti yang menjadi jaminan hanya-lah \$37,163,228 sahaja. Itu sahaja kewangan yang telah terjamin, arti-nya yang belum terjamin itu lebih besar percentage-nya atau pun lebih besar agak-nya daripada apa yang terjamin.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntokan yang diminta untuk Kementerian Pelajaran ini, saya suka-lah menyentuh beberapa perkara bersangkut-paut dengan butir² yang tersebut di-dalam peruntokan ini.

Tuan Pengerusi, sa-belum daripada itu saya rasa keraguan yang di-timbul-

kan oleh Ahli dari Besut itu hanya wujud pada orang² yang tidak tahu menguitkan tenaga. Bagi orang yang hidup, bagi orang yang ada perinchian tentu-lah perkara itu bukan menjadi persoalan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya minta jalan. Saya minta di-terangkan apa arti-nya tanda ini? Kalau wakil daripada Kuala Trengganu Utara itu chuba hendak melayakkan diri-nya menjadi Menteri, saya perchaya barangkali tidak dapat hendak menjadi Menteri lagi.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Bukan soal apa², tetapi saya menyatakan keraguan yang di-timbulkan-nya itu hanya biasa-nya hidup dalam kalangan orang yang mati. Mati tenaga berfikir macham Ahli dari parti yang di-anuti oleh beliau itu sahaja. Itu sahaja dia biasa-nya Ahli Yang Berhormat itu sendiri pernah menjadi ketua sa-buah Kerajaan yang mati juga tenaga berfikir-nya.

Mr Chairman: Saya suka tumpukan perbahathan dalam perkara ini sahaja. Tak usah-lah chuit menchuitkan dalam perkara lain.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Pehak sa-belah sini ada hak menjawab pehak sa-belah sana, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, perkara yang pertama hendak saya sentoh ia-lah tentang Butiran 9, Kolej Islam, yang pada tahun ini sudah habis-lah peruntokan pembangunan yang di-untokkan kepada-nya sa-banyak \$2½ juta. Pada masa ini terdiri-lah dengan jasa Kerajaan Perikatan yang ada ini Kolej Islam yang kita megahkan itu dalam sa-buah kawasan tanah luas-nya 33 ekar. Tetapi pembangunan untuk Kolej Islam itu begitu ranchak dan begitu lancar berjalan sa-hingga pada hemat saya yang memerhatikan perkembangan Kolej Islam itu, kawasan yang 33 ekar ini sudah sempit yang berkehendakkan perinchian baru bagi membesarkan-nya.

Sekarang sa-buah dewan baharu akan di-dirikan dalam kawasan Kolej Islam itu. Bila terdiri-nya Dewan ini maka sudah tidak ada kawasan yang

lebih lagi dari tanah 33 ekar itu dan menghendaki satu pertimbangan yang baru kerana Kolej Islam ini bertambah luas dengan begitu pesat dari sa-tahun ka-satahun.

Maka perlu di-fikirkan satu kawasan tanah yang lain bagi menjadi tapak perkembangan² baru dan pembesaran² yang bagi Kolej ini yang tidak dapat di-bendong dan di-tahan sa-kali². Jadi, saya perchaya sekarang ini tanah sudah tidak ada, barangkali di-kawasan tanah di-batu tiga yang hendak di-ranchangkan untuk membesarkan Kolej Islam ini pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya merasa di-samping perkara ini, soal Kolej Islam dan soal Pengajian Tinggi Islam yang sentiasa menjadi perhatian Kerajaan ini dan Kementerian Pelajaran, harus di-beri keutamaan perhatian lagi bagi perinchian yang lebeh lanjut di-masa depan. Kerana saya tahu sekarang ini Kolej Islam sa-telah di-serahkan kapada sa-buah Council yang baru yang di-anggotai oleh ahli² yang bijak pandai dan progressive dan saya rasa memang ada dalam perhitongan untuk mengangkat tingkatan Kolej Islam ini kapada satu tingkatan yang lebeh tinggi menjadikan dia Universiti Kolej pada akhir tingkatan itu.

Dan saya rasa process ini tidak boleh lagi kita lambat²kan dia. Kerana sa-panjang yang di-pandang pada masa ini, dalam dunia sa-belah sini hanya di-Malaysia-lah yang merupakan pusat bagi perkembangan pengajian Islam ini. Saya mengambil kesan daripada lawatan rombongan Republic Arab Bersatu, yang baru² ini melawat Malaysia dan kesan yang di-dapati-nya sa-telah dia melawat semua negeri² di-sabelah sini, termasuk Indonesia, termasuk Filipina, pada pendapat mereka itu bahawa taraf dan chara pengajian di-sini lebeh baik daripada negeri² lain yang telah di-lawati-nya. Ini satu pengakuan di-atas kedudukan kita, dan harus kita melancarkan langkah² bagi memenohi harapan yang di-tumpu kapada negeri ini dalam menampong dan mendukung Pengajian Tinggi Islam yang lebeh besar, yang lebeh luas dan yang lebeh sempurna. Maka saya rasa proses untuk menjadi-

kan Kolej Islam sa-bagai sa-buah Universiti Kolej, tidak boleh lagi di-lambat²kan bahkan harus di-timbang-kan dan di-beri perhatian yang penoh simpati supaya perkara ini dapat di-chapai dalam masa yang sengkat.

Berthabit dengan ini, Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh tentang Universiti Malaya dari segi Jabatan Pengajian Islam, kerana ini bersangkut-paut dengan apa yang telah di-chakapkan sa-kejap tadi. Saya rasa keadaan pengajian di-Jabatan Pengajian Islam di-Universiti itu harus di-perbaiki lagi daripada banyak segi. Kerana daripada segi Sukatan Pelajaran-nya sahaja saya merasa tidak lagi meningkat pada tingkatan yang boleh kita banggakan sa-bagai sa-buah Jabatan Pengajian Islam. Kerana siapa sahaja yang ada sedikit sa-banyak pengetahuan dan Pengajian Islam dan menengok akan Sukatan Pengajian² Islam yang ada di-situ akan merasa bahawa banyak lagi lapangan yang maseh terbuka untuk di-majukan, di-tinggikan lagi taraf pengajian dan mata pelajaran yang di-kaji dalam Jabatn Pengajian itu.

Kerana sa-tengah²-nya terlalu rendah. Kerana ini bukan salah siapa tetapi kedudukan daripada penuntut² yang masuk ka-Universiti yang biasa tidak ada latar belakang pengajian Islam yang lebeh tinggi sedikit untuk dapat menyambung dalam jabatan dengan chara yang lebeh tinggi. Maka itu-lah barangkali sukatan itu di-buat sa-bagitu rupa. Tetapi, saya rasa untuk menjaga keharuman nama dan taraf pengajian Islam itu sendiri Sukatan Pelajaran yang ada dalam Jabatan Pengajian Islam itu harus di-tinjau kembali. Demikian juga tentang pengambilan Pensharah²-nya. Sekarang ini sa-panjang yang saya tahu hanya satu orang sahaja warganegara Malaysia yang di-terima menjadi Penolong Pensharah, yang lain semua-nya di-datangkan daripada luar. Dan taraf academy masing² pun bukan-lah terlalu tinggi, lebeh tinggi daripada taraf academy yang ada pada anak² negeri ini sendiri. Entah apa ada-nya dalam Jabatan Pengajian Islam ini sa-hingga di-utamakan Pensharah² Kajian Islam

yang dari luar yang daripada Pakistan-kah, India-kah, kadang² mazahab-nya pun tak sama dengan mazahab orang sini, di-sabelah sini, di-pileh, dan di-tinggalkan anak² Malaysia sendiri yang ada kelulusan tinggi. Ada yang kelulusan M.A. dan lain² lagi daripada Azahar dan lain² Universiti. Di-tinggalkan, di-panggil interview tidak di-pileh mereka itu di-pileh orang² daripada luar yang kita tidak tahu lagi taraf academy mereka itu sa-benar-nya daripada kacha mata Islam sendiri dalam perkara itu. Jadi, perkara yang sa-bagini harus-lah di-beri kajian dan di-timbang sa-mula bagi menjaga dan mempertahankan taraf pengajian Islam yang ada di-Jabatan Pengajian Islam di-Universiti.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh sedikit tentang Pechahan-kepala 14 Dewan Bahasa dan Pustaka. Dan peruntukan tahun ini telah di-beri \$200,000 untuk membesarkan bahagian penjualan-nya barangkali dalam pembahagian-nya. Saya rasa satu perkara yang telah lama di-kehendaki untuk Dewan Bahasa ini yang telah memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan bahasa kebangsaan dan menyediakan buku² pembacaan dalam bahasa kebangsaan baik untuk Sekolah² Rendah dan Menengah atau untuk bacaan umum. Ia-lah supaya Dewan Bahasa ini ada perchetakan-nya sendiri. Pada tahun ini chita² ini belum lagi dapat di-penuhi dengan peruntukan pembangunan yang ada pada tahun ini. Padahal saya rasa sudah sampai masanya perchetakan sendiri di-punya² oleh Dewan Bahasa yang menchetak ber-million² buku pada tiap² tahun dan segala upah perchetakan ini pergi terus kepada sharikat² perchetakan persendirian. Padahal jikalau dapat Dewan Bahasa ini mengadakan perchetakan² sendiri maka kita dapat menyelamatkan duit Kerajaan dan kita dapat membesarkan suatu usaha yang besar dalam perkara menchetak dan mengeluarkan buku².

Saya berharap-lah bahawa walau pun tahun ini tak dapat di-adakan perchetakan sendiri lagi maka tidak lewat daripada tahun depan Dewan Bahasa harus mempunya² perchetakan-nya sendiri. Kerana saya tahu pada

masa ini Dewan Bahasa akan membesarkan bangunan-nya sa-mula pada masa yang tak lama ini. Jadi, dengan ada bangunan yang baru itu barangkali akan di-sertakan-lah pula kemudian oleh sa-buah perchetakan sendiri kepunyaan Dewan Bahasa supaya lebeh pantas dan laju Dewan Bahasa berjalan menerbitkan buku² untuk hendak mengembangkan bahasa kebangsaan kepada warganegara kita.

Berthabit dengan perkara ini, Tuan Pengerusi, saya suka-lah mengatakan tentang buku² text ini yang maseh berkurangan sekarang dan kita pada tahun ini akan memulakan penggunaan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal dan perkara ini harus-lah di-tampong dengan begitu segera bagi mengeluarkan buku² text yang chukup terutama sa-kali di-Sekolah² Menengah. Jadi, ini juga suatu beban yang harus di-pikul sa-bahagian besar oleh Dewan Bahasa sendiri. Jadi, saya rasa sangat-lah elok di-tinjau kembali dalam membolehkan Dewan Bahasa memberi tenaga yang sa-penoh-nya dalam mengeluarkan buku² text yang chukup bagi semua peringkat pengajian yang ada sekarang ini. Dan saya rasa segala apa kemudahan yang patut di-beri dalam perkara ini patut-lah di-beri dengan tidak ternanti² lagi.

Satu perkara yang bersangkutan dengan buku text ini, Tuan Pengerusi, ia-lah tentang pengaduan yang banyak di-dengar sa-tiap masa tentang mahal-nya buku² text ini yang di-jual kepada anak² sekolah. Murid² yang mengaji di-Sekolah Rendah sahaja pun tidak kurang dari dua tiga puluh ringgit buku² text-nya. Kalau sampai ka-Sekolah Menengah, sampai Tingkatan IV, Tingkatan V \$80.00, \$100 pada sa-orang anak—jikalau sa-orang bapa mempunya² dua tiga anak, satu di-Sekolah Rendah, dua di-Sekolah Menengah satu tahun dia keluar tidak kurang daripada tiga, empat ratus ringgit atau dua tiga ratus ringgit untuk buku text sahaja. Ini satu bebanan yang sangat besar yang di-rasa² oleh orang di-luar bandar. Orang dalam bandar ada pendapatan besar sedikit tidak begitu berat juga, tetapi tidak begitu sangat. Tapi, bagi orang

di-luar bandar ini satu bebanan yang sangat berat. Jikalau buku² text ini dapat di-keluarkan dengan bagitu chara oleh Dewan Bahasa dan di-kurangkan harga-nya sedikit daripada sekarang, di-jual dengan harga cost price—kurangkan dalam 25% daripada yang ada sekarang, barangkali boleh tahan-lah sedikit orang² luar bandar ini dalam menanggung harga² buku² text sekolah ini.

Ini satu perkara, satu halangan yang sangat besar kepada ibu bapa di-luar bandar dalam menghantar anak²-nya ka-sekolah² menengah umpama-nya. Jadi apabila kata hendak menghantar anak²-nya ka-sekolah menengah, terbayang di-hadapan mata-nya bagitu mahal-nya dan banyak kena di-keluarkan oleh-nya untuk membeli buku² text sekolah ini dia siang² kata, “baik-lah anak aku tidak usah di-hantar ka-sekolah menengah.” Ini-lah sebab-nya. Jadi perkara ini saya harap dapat kajian yang serious daripada Kementerian ini dan sa-bagaimana saya tahu sedang di-perhatikan sangat berat kerana ada di-tubuhkan Bureau Buku text di-Kementerian Pelajaran, maka ini harus di-tinjau oleh Jawatan-kuasa Bureau yang di-lantek oleh Menteri Pelajaran ini. Saya merasa dasar yang di-jalankan sekarang oleh Kementerian Pelajaran tentang buku² text ini ia-lah di-berikan kebebasan kepada semua pengarang yang boleh mengarang untuk mengarang buku² text ini asal sesuai dengan sukatan yang di-tetapkan oleh Kementerian. Dasar-nya, dasar prescription dan kata-nya bukan proscription, dasar kita meletakkan sukatan ini, awak buat-lah menurut sukatan ini, bukan menahan orang lain membuat buku atau satu sahaja membuat buku ini. Saya rasa dasar ini, walau pun di-terima sa-bagai suatu theory pelajaran, harus di-kaji. Saya rasa sapatut-nya Dewan Bahasa dan Pustaka atau Kementerian Pelajaran mengeluarkan buku text yang sama bagi semua sekolah² dan dapat di-control (kawal) harga-nya. Sekarang kalau saya ada 3 orang anak, tidak dapat saya hendak menghantar anak² saya ini pada sa-buah sekolah satu di-Bukit Bintang, satu di-St. John dan satu di-Sekolah Assunta atau di-mana²—tidak

dapat, walau pun dia itu ada masok Primary II, anak yang satu lagi Primary III, anak yang lain Form I di-sekolah lain, tetapi buku² di-sana tidak dapat hendak di-gunakan kerana sekolah A pakai buku lain—kelas itu juga, sekolah B pakai buku lain walau pun kelas itu juga. Jadi ini bebanan yang berat bertambah² kepada ibu bapa yang menghantar anak-nya ka-sekolah². Kalau boleh di-tinjau dasar ini samula, kalau tidak boleh ini hendak di-hapuskan dasar prescription dan bukan proscription ini sekurang²-nya di-bekukan dahulu—bukan 3 tahun macham di-chadangkan oleh Text Book Bureau ini, saya menhadangkan buku ini 5 tahun. Buku² text yang ada sekarang ini di-tinjau kesan-nya bagaimana, ada-kah turun darjah pelajaran atau mutu pelajaran anak² yang menerima satu jenis buku text sa-lama 5 tahun ini atau tidak. Sa-lepas di-tinjau dan di-bekukan sa-lama 5 tahun di-tinjau-lah apa-kah kesan-nya dengan kita membekukan, meletakkan satu jenis buku text sahaja bagi semua sekolah ini, di-tentukan sa-lepas di-tinjau 5 tahun baharu kita dapat tahu. Saya rasa perkara ini, buku text ini, harga buku² text ini, patut mendapat perhatian yang sangat berat kerana ini-lah perkara yang sangat berat di-pikul oleh ibu bapa terutama di-luar² bandar.

Tuan Tan Sak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I wish to speak on Sub-head 43, Teacher Training Programme, Sarawak.

Sir, in his reply to my Oral Question on the training of teachers for the secondary schools in Sarawak, the Honourable Minister of Education told this House that there was a shortage of suitably qualified applicants for the Batu Lintang Training College in Kuching. Sir, we have thousands of students who passed the School Certificate each year who could be admitted to the Training College there. Why is there a shortage? The main reason is that the salary scale and conditions of service of teachers in Sarawak are not favourably compared with that of other branches of the Government service. So, the students who possessed the

School Certificate would prefer to be in Government service or commercial firms than to go for teacher training. The same reason applies to the shortage of candidates for teaching scholarships. Most students who possessed the full Higher School Certificate would prefer to apply for scholarships for overseas training in courses other than education, because when they complete their courses of studies they would be able to get into Government service, receiving a much better pay; for instance, a B.A. graduate, who is employed by Government can get as much as \$690 (basic) for a start, whereas with the same academic qualification, if he takes up the teaching profession, either in Government or Government-aided secondary schools, he will only receive over \$400. This disparity in pay between the Government service and the teaching profession discourages young men and women to choose teaching as their career. If this state of affairs is allowed to continue, the shortage of secondary school teachers in Sarawak will become more and more acute as the time goes by. Therefore, in my opinion, in order to encourage young men and women to choose teaching as their profession and to alleviate the shortage of secondary school teachers, it is essential that the teachers' salary scale in Sarawak should be reviewed and brought in line with that of other branches of the Government service. Thank you, Sir.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Mr Chairman, Sir, I would like to reverse my usual procedure of talking from the general to the particular and begin from the particular to the general with the hope that the Honourable Minister of Education will understand what I am driving at.

Sir, I would refer first, particularly, to the provisions in Sub-head 6, University of Malaya, in this particular case \$7 million for this year under "Direct Grant". We would like to ask the Honourable Minister of Education whether in this provision of \$7 million any special provision has been made to help the establishment of a nucleus of the University College in Penang.

We have heard a great deal about the University College in Penang. I believe that by its Report the Special Committee in the State has submitted their recommendations to the Central Government. It has, I believe, reached the Honourable the Prime Minister, but I do not know whether it has come down to the Honourable Minister of Education. We have heard a great deal also of the Central Government's desire and intent to help establish this university level or college level of education in the State of Penang through the "blood-debt" grant from the Japanese Government, but we would prefer, Sir, if the Honourable Minister could tell us whether one small part, at least a \$10 token vote, of this University of Malaya grant is accorded to the University College of Penang. I think the Honourable Minister is aware that the preliminary intention is to establish a College in Penang, which is only an extension of the University of Malaya, and that this College would draw its staff from the University of Malaya.

Sir, the second point in particular that I would like to touch upon, which already brings us towards the more general views that I would like to express, is to refer to Sub-head 14, Dewan Bahasa dan Pustaka. Sir, we have heard in the course of the debate here that the Dewan Bahasa dan Pustaka is already preparing a dictionary, and the dictionary is coming out in the National Language. Sir, having got the dictionary in the National Language in the stage of publication, I would urge the Honourable Minister to have the Dewan Bahasa dan Pustaka investigate the possibility of promoting dictionaries or translations of the National Language into English or National Language into Chinese dictionaries. It may not necessarily be done by the Dewan Bahasa dan Pustaka itself but the Dewan Bahasa dan Pustaka can initiate and promote the publication of these dictionaries as soon as possible, and I think it would be particularly useful if we have immediately the preparation of a National Language into Chinese language dictionary.

Sir, the third point which I would like to touch upon brings us to the general observations that I would like to touch on—that is, Capital Grants to Fully-Assisted Schools (Non-Government owned)—Sub-head 12. In actual fact, Sir, in so touching upon this particular item, I have in fact to touch upon the actual whole total allocation that is made for education. Sir, I say this, with your permission, because it is difficult for us to see the rationale, or the actual reasons, for these capital grants to the fully-assisted schools, firstly, because of the conditions which determine what is a fully-assisted school, and, secondly, because of what we now know is going to be the use of the National language, because we now have in our hands a copy of the National Language Act.

Sir, I do hope you will permit me a certain amount of latitude because at the last public rally which my Party held in Penang, we were stopped halfway by the Police and we had to close down, and I hope, Sir, this House will be above Police action, because we were told that the language and the education issues must not be linked together, and we say it is impossible. I hope the Honourable Minister will agree with me that it is at this present stage impossible.

During our debate over the Supply Bill, I had indicated to the Honourable Minister the need for establishing a committee of review to look into the whole problem of education, and the Minister in his reply had indicated that he was only interested in establishing a ministerial committee and that the committee of review should certainly be not all-party, because “too many cooks spoil the soup”. What I am trying to tell the Honourable Minister, Sir, is that the soup is already bad and we are trying to make it possible for other people to try and take the soup which is already sour. Sir, the position, I think, is this: unfortunately, I think, the review of the educational policy in 1960, which led to the basis of the present education policy, is that examinations should be held in the Official language. Sir, under all definitions there is no special term “Official

language” in the Constitution, but Article 152 and the new Language Act in actual fact deal with the whole question of the Official language. What we would like to know from the Ministry of Education is: What is the direction of all these extensive programmes of development which will take us five years; and, in particular, what is the allocation for the capital grants to fully-assisted schools? Sir, under the present Education Act and under the present education policy, it is true that the examinations must be held only in the Official languages, but if the National Language Act goes through the only Official language will be the National language, unless the Government chooses to exercise section 4 of the National Language Act to allow English to be continued to be used as a basis of examinations. Sir, this is important because we feel that the present Government's policy on education, in general has got to be reviewed, firstly to establish a truly nationally integrated education system. Sir, it is quite clear that the Honourable Member from Sarawak, who last spoke on this subject, has brought up a very cogent point of view and it is interesting and chastening, because the point of view that he has brought up, particularly over this question of teachers, who are underpaid and who are not forthcoming to join the training, is the kind of view which we used to hear in the States of West Malaysia ten years ago. There has been an attempted provision for a Unified Teachers' Salary Scheme, and up to now the Government has not yet been able to establish a unified teachers salary scale in West Malaysia; far less would the Government be able to establish a unified salary scale for the whole of Malaysia including Sabah and Sarawak, unless the Government chose to have a radical review of its policy. That is why, Sir, we have asked the Minister to provide for this review, so that we can have a fully nationally integrated educational system.

Secondly, Sir, it is quite clear that the Government will have to set up and to state clearly the functions and status of the Examinations Syndicate—what the

values of these examinations are—because I think one of the major conditions which has led to all the controversies on language and education has been that the fully-assisted schools must train their students to sit for the Government sponsored examinations, and so long as the Government sponsored examinations are held only in the Official languages, it is quite clear that privately-owned schools which do not train their students to sit for that type of examination, or a very narrow type of examination, will not qualify to become fully-assisted schools, and in future if the National language is the sole Official language—and English will obviously have a status which is far less than what it will have or has up to this stage—then the Government must make special provision for English to be made a medium of examination, and if the Government does so make English the medium of examination, then the question will arise: what about the other schools and what about the other media of instruction?

Sir, we have always stated that the Government in order to meet its bill of education should help build more private schools and, as such, Sir, the provision of capital grants to fully-assisted schools (non-Government owned) of \$2 million this year—a total of \$7 million in the Five-Year Malaysia Development Plan—is, to our minds, too small to assist in the development of more private schools. However, more private schools, I am sure, Sir, would take place if the Government were to accept the principle that the medium of examination should be in the medium of instruction, and if that were so then we could see more private schools taking place and the Government's assistance to these schools either diminishing or increasing depending on the review of its policy.

Sir, I urge the Minister not to be so absolutely sure that he is the only cook who can make a good soup.

Tuan Haji Zakariah bin Haji Mohd. Taib (Langat): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan menyokong Anggaran Belanjawan ini. Saya suka berchakap sedikit di-atas Kepala 122,

Pechahan-kepala 1, 2, 3 ia-itu berkenaan dengan Sekolah Rendah Kebangsaan. Di-kawasan saya di-Pekan Semenyeh, Pekan Semenyeh ini bandar nombor dua dalam kawasan saya, di-sana ada sekolah kebangsaan. Jadi inilah saya hendak merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menimbangkan untuk menggantikan bangunan sekolah kebangsaan itu yang mana bangunan sekolah kebangsaan itu sudah-lah tua dan uzor dan bangunan ini di-bena 50 tahun dahulu. Jadi masa 50 tahun dahulu sesuai-lah bangunan ini pada masa itu tetapi sekarang ini Pekan Semenyeh sedang bertambah besar dan bertambah maju murid²-nya pun ramai dan sa-belah sekolah itu sekarang ini sedang di-bena sa-buah masjid yang berharga \$90,000. Ini menjunjokkan bandar itu besar tetapi sekolah-nya itu maseh burok dan tua,

Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat menimbangkan untuk membena sa-buah bangunan yang baharu yang sesuai untuk pekan Semenyeh itu. Pehak yang berkenaan di-sana telah pun berurus dengan Pejabat Pelajaran Negeri Selangor dari sejak tiga tahun dahulu; utus punya utus banyak-nya, tulis pergi, tulis datang; jawapan-nya ia-lah ta' chukup wang. Kementerian ta' ada wang dan ini nampak-nya ada di-untokkan wang lebeh \$10 juta dan saya berharap-lah supaya sa-bahagian daripada wang ini di-hantar kepada kawasan saya itu.

Yang kedua, berchakap di-atas Sub-head ini juga, di-Pekan Semenyeh ini ada Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris, ada Sekolah Jenis Kebangsaan China, dan ada Sekolah Kebangsaan Melayu yang saya sebutkan tadi, tetapi di-sana ada banyak orang² India di-sakeliling-nya dan mereka telah merayu beberapa lama supaya di-dirikan sa-buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di-pekan Semenyeh itu. Di-sekeliling pekan Semenyeh ini ada banyak estate² dan ada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di-estate² tetapi keadaan-nya itu jauh dan tidak bersesuaian.

Di-dalam kawasan saya kalau hendak chari orang India, datang-lah di-Semenyeh, sebab di-Semenyeh ini banyak kedapatan masyarakat orang²

India. Jadi, mereka sudah kechil hati sadikit oleh kerana di-bandar Semenyeh ini semua sekolah ada; Sekolah Inggeris, Sekolah China, Sekolah Melayu tetapi Sekolah Tamil tidak ada. Jadi, saya berharap-lah kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat-lah membena sa-buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di-pekkan Semenyeh ini. Pada fikiran saya hendak membena sekolah² rendah ini, khas-nya di-kawasan saya, tidak-lah bagitu kesusahan, tanah² ada, ada kala-nya alasan² daripada pehak yang berkenaan susah hendak dapat tanah untuk mendirikan bangunan sekolah, tetapi alasan² ini tidak-lah menasabah, saya rasa ia-lah kerana semangat, semangat hendak membangunkan, semangat hendak membangunkan sekolah itu tidak bagitu kuat—tanah ada banyak, ladang² getah ada banyak, tanah² ada banyak dan boleh-lah di-ambil tanah² ini untuk hendak membangunkan sekolah² itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berchakap di-atas Kepala itu juga, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat menimbangkan, mendirikan sa-buah sekolah kebangsaan di-Kampung Sungai Buah Dalam di-Bangi—Kampung Sungai Buah Dalam, Bangi. Kampung ini ada-lah terpenchil daripada pekan Bangi. Murid² di-sana terpaksa berjalan 4 batu pergi ka-sekolah Bangi dan pergi balek 8 batu, dan sangat-lah kesusahan kepada murid² ini. Kenderaan tidak ada, bas pun tidak ada di-Sungai Buah Dalam sana; lombong ada 3 buah dihadapan kampung itu tetapi kampung Melayu di-sabalek lombong² itu, keadaan-nya hendak menghantar anak² ka-sekolah, terpaksa-lah mereka ini berjalan kaki—kenderaan tidak ada. Jadi, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menimbangkan, menubuhkan sa-buah Sekolah Kebangsaan di-kampung itu. Tanah sudah ada sedia, dan pehak Pejabat Pelajaran telah berjanji hendak mendirikan ranchangan tahun sekian, ranchangan tahun 1966, ranchangan tahun 1965 tetapi belum dapat di-dirikan lagi.

Akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, di-kawasan saya sekarang ini ada dua sekolah menengah, satu Sekolah Menengah yang di-namakan Sekolah

Menengah Khir Johari di-Beranang dan sekarang ini satu Sekolah Menengah Rendah akan di-dirikan lagi di-pekkan Ulu Langat, tetapi ranchangan ini sangat lambat-nya sejak dua tahun dahulu dan khabar²-nya kesusahan berkenaan dengan wang, kesusahan berkenaan dengan tanah. Saya harap dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri, apa-lah kira-nya kalau dapat melihat dan menyiasat perkara itu supaya dapat-lah ranchangan yang telah di-buat itu, pelan-nya pun telah di-buat, dapat-lah di-dirikan dengan segera-nya Sekian, terima kaseh.

Tuan Chia Chin Shin (Sarawak):

Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Sub-head 41, Secondary Schools. The subject I wish to bring up is in connection with private students going for overseas studies after graduation from secondary schools.

Mr Chairman, Sir, year in and year out, we have a considerable number of students going for overseas studies, but recently it has become more and more difficult for these students to obtain visas or entry permits to go overseas, presumably owing to the increasing number of students going for education abroad and the change of immigration regulations for tightening control by foreign countries from time to time. Moreover, nearly all foreign embassies establish their offices in the Federal Capital. The lack of up-to-date knowledge of the procedures and conditions in applying for visas and entry permits and the long distance between Sarawak and the Federal Capital have caused a great deal of difficulties and delay to the students in Sarawak. In view of this, I would strongly urge the Honourable Minister of Education to establish a Section in the Education Department in each district in Sarawak to give advice regarding the choice of universities, as to how the students can apply to them, and also to provide information and assistance to these students in obtaining visas and entry permits. Thank you, Sir.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemanan): Tuan Pengerusi, berchakap

dalam Kepala 122 Kementerian Pelajaran, Pechahan-kepala 1 dan 2, ia-itu Sekolah Rendah dan Menengah, saya suka menarek perhatian Menteri Yang Berhormat, yang mana saya rasa telah sampai masa-nya untuk di-beri perhatian kepada sekolah² yang saya sebutkan sa-kejap tadi, ia-itu satu perkara mengenai Sekolah Menengah Kebangsaan Kemaman. Kita tahu Sekolah Menengah Kebangsaan ini telah pun di-buka lebeh kurang lima tahun dahulu, tetapi sa-hingga masa ini belum pun ada kemudahan ia-itu padang sekolah. Dan terpaksa-lah sekolah ini dari satu masa ka-satu masa, terutama sa-kali pada tiap² tahun meminjam padang sekolah jenis kebangsaan ia-itu Sekolah Sultan Ismail yang jauh-nya lebeh kurang sa-batu lebeh. Jadi saya rasa, oleh sebab itu-lah banyak kesukaran² terutama dalam latehan badan yang akan di-laksanakan oleh murid² sekolah itu tergendala dan terpaksa pergi ka-sekolah yang saya sebutkan tadi. Oleh itu saya harap-lah kepada Kementerian ini dapat memberi peruntokan dari jumlah peruntokan yang telah di-buat bagi tahun ini untuk sekolah itu dan juga bagi Sekolah Menengah Komasek yang baharu di-buka pada tahun ini. Kerana, saya tahu juga peruntokan padang sekolah tidak ada juga yang di-beri oleh Kementerian ini.

Soal yang kedua, saya rasa pehak Kementerian ini telah pun tahu ia-itu sekolah rendah kebangsaan Kampong Nyior, Paka, ta' dapat di-gunakan lagi semenjak dari pertengahan tahun yang lalu dan penuntut² pada masa ini sedang pun belajar di-balai² raya dan di-rumah guru. Dan saya harap-lah peruntokan ini dapat di-beri untuk di-segerakan pembinaan-nya supaya dapat pelajar² itu mengaji di-sekolah dengan terator dan baik. Jadi, itu-lah sahaja dua perkara yang saya harap dapat perhatian daripada Menteri Yang Berhormat. Terima kaseh.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditangguhkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11.23 a.m.

Sitting resumed at 11.45 a.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Committee

The House immediately resolved itself into Committee of the whole House.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat saya suka mema'alumkan ia-itu perbahathan Kementerian ini akan saya tamatkan pada pukul satu hari ini, dan pada pukul empat Menteri yang berkenaan akan menggulung perbahathan itu. Dari itu saya harap-lah Ahli² yang belum lagi berchakap, berchakap-lah sa-berapa rengkas supaya dapat ramai berchakap lagi hingga sampai pukul satu ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, dengan sa-berapa rengkas-nya saya hendak berchakap hanya tiga perkara, ia-itu berkenaan dengan Primary Education saya pinta Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi penegasan bahawa murid² daripada sekolah rendah yang hendak masok pergi sekolah menengah yang di-pileh, ia-itu kalau melalui Malay Medium, sekolah² kebangsaan, akan pergi ka-sekolah Tuanku Abdul Rahman Ipoh dan Sekolah Tun Abdul Razak di-Tanjong Malim, budak² ini tidak payah-lah dikenakan bayaran pemereksaan doctor. Sebab, yang saya tahu pada tahun ini maseh lagi sa-orang budak kena \$20. Kementerian Kesihatan telah menyatakan bahawa pembayaran ini tidak dikenakan yang sa-benar-nya di-kenakan. Saya mempunyai resip² untuk membuktikan. Saya minta-lah penegasan dalam hal ini.

Yang kedua, saya hendak mengadu kepada Menteri ini, ia-itu sa-patut-nya Menteri kita Yang Berhormat mengambil tahu betul² berkenaan dengan Islamic Studies di-Universiti Malaya. Saya shak ada-kah Yang Berhormat Menteri kita ini tahu betul apa yang berlaku di-situ sa-betul-nya. Sebab jawatan-kuasa yang bertanggung-jawab berkenaan dengan syllabus Islamic

Studies itu sudah tiga tahun tidak bermeshuarat. Yang pelek-nya termasuklah sahabat saya daripada Kuala Trengganu sendiri. Tiga tahun sudah! Oleh itu degree² Honours yang diberikan kepada Mahasiswa² atas nama B.A. (Honours) Islamic Studies ada-lah tidak munasabah dan saya pandang degree itu ridiculous. Saya minta Menteri kita menchatitikan bahawa kenya-taan saya bahawa degree Honours bagi Islamic Studies ini ridiculous, tidak berm'a'ana langsung, supaya Menteri kita menyasat betul² dalam perkara ini.

Yang ketiga dan yang terakhir-nya ia-lah berkenaan dengan Muslim College. Tuan Pengerusi, banyak orang tidak faham berkenaan dengan Muslim College ini. Orang memikirkan ini Universiti atau pun ini tempat pengajian tinggi. Tetapi dari segi undang², apabila Muslim College itu kita letakkan di-bawah undang² Pelajaran, Education Act tahun 1952, kalau tidak salah saya, section 25 (f) maka baru-lah Muslim College atau Kolej Islam itu terta'alok kepada layanan yang diberikan kepada sekolah² menengah sahaja tidak sa-bagai kolej. Jadi, ini maseh menjadi keliru kepada orang ramai. Yang menjadi pelek-nya, Tuan Pengerusi, sama ada di-pandang sa-bagai sekolah menengah, intermediate, mithal-nya atau pun di-pandang sa-bagai yang lain, yang pelek-nya per-untukan di-beri kepada Kolej Islam itu termasuk di-bawah Special Expenditure, perbelanjaan khas, arti-nya tidak mesti di-adakan peruntukan, ma'ana Special Expenditure itu, kalau saya tidak salah. Jadi, arti-nya kalau tidak hendak bagi, kita bagi, kalau bagi, sudah—sa-bagai grant begitu sahaja. Jadi, ini boleh tengok di-dalam kenyataan Anggaran Belanjawan kita pada tahun ini.

Walau bagaimana pun, saya meng-harap²kan bahawa kalau duit itu tidak di-beri di-bawah O.C.A.R., mithal-nya, atau pun di-bawah Education yang sa-benar, saya mengharap²kan ada di-dalam Development ini. Rupa²-nya di-dalam Development ini satu sen pun tidak ada.

Tuan Pengerusi, kita patut tahu bahawa Kolej Islam pada masa ini

menghendaki anggaran belanja bagi tahun 1967 tidak lebih daripada \$300,000. Apabila Kerajaan memberi sa-bagai satu belas kasehan di-bawah Special Expenditure \$100,000, maka deficit-nya ia-lah \$200,000 lagi. Saya perchaya Yang Berhormat Menteri kita akan melompat pada hari ini dengan sedeh-nya bahawa untok menampung yang \$200,000 itu pehak Kolej Islam menaikkan bayaran daripada \$400 lebih sedikit kepada \$600 lebih sedikit. Jadi, ini Tuan Pengerusi, ada-lah satu perkara yang amat menyedeh-kan. Padahal di-bawah Sub-head 12, atau Pechahan-kepala 12 di-bawah Head ini, ia-itu Capital Grant for fully Assisted School, boleh kita bagikan begitu banyak dan untok menampung kekurangan Kolej Islam itu kita tidak boleh memberi. Maka ini amat-lah sedeh dan tambah pula lagi kedudukan Kolej Islam itu tidak tahu kedaraf-nya apa—Kolej pun bukan, intermediate pun bukan. Biseng-lah sa-tengah² orang yang hendak buat Universiti Kolej begitu bagini, dan yang saya tahu Menteri kita, Yang Berhormat ini, walau pun dia sayang kepada Kolej Islam itu, oleh satu² sebab dia tidak membenarkan supaya Form Six atau pun Tingkatan Enam berjalan dengan terator di-situ, kerana kekurangan guru begitu dan bagini. Jadi, jikalau Form Six tidak boleh berjalan di-situ, saya tidak fikir Kolej Islam itu boleh merupakan satu Universiti Kolej. Dan ini hanya sa-bagai satu chara yang *ad hoc* nampak-nya, kesemua-nya kerja² ini *ad hoc* dan Kementerian pun *ad hoc*. Menteri pun barangkali *ad hoc*, tak lama lagi hendak pergi ka-lain. Jadi sa-belum itu, saya harap-lah Menteri ini tolong beri tegasan yang tegas dalam perkara itu.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Pengerusi, dalam per-bahathan di-atas Kepala 122, per-untukan bagi Kementerian Pelajaran ini, saya suka-lah berchakap dalam Cheraian 1 ia-itu Bantuan Kapada Sekolah² Rendah.

Tuan Pengerusi, saya suka-lah menarek perhatian Kementerian yang berkenaan ia-itu berhubung dengan Sekolah² Kebangsaan di-kawasan saya.

Sejak dua tiga tahun yang lampau, pehak Jabatan Pelajaran telah pun membaiki sa-bahagian besar daripada sekolah² dalam kawasan saya yang dahulu-nya berbumbongkan atap nipah dan sekarang ini bumbong itu telah di-tukarkan dengan atap zinc. Tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang menyedehkan, oleh kerana atap zinc ini telah tidak di-bubuhkan siling maka jadi-lah sekolah² itu sa-bagai satu tempat yang menyeksakan kanak² yang belajar di-dalam-nya. Kerana, Tuan Pengerusi, kawasan saya oleh kerana sa-bahagian besar-nya kawasan sawah, maka sekolah² ini ada-lah terletak di-kawasan² yang lapang. Oleh yang demikian sekolah² tersebut apakala waktu pukul 10 ka-atas biasa-nya anak² yang belajar yang dudok di-dalam bangunan yang tersebut kalau tak keluar terpaksa-lah membuka baju. Dan kadang² kalau-lah sekolah² itu berhampiran atau keliling-nya ada pokok² yang rendang maka terpaksa-lah guru² mengarahkan budak² ini turun daripada sekolah belajar di-bawah pokok² untuk melarikan daripada kepanasan yang di-dapati dalam sekolah itu.

Di-atas perkara ini kami Wakil² Ra'ayat pernah membawa di-dalam Meshuarat Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah meminta bantuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya di-untokkan wang bagi membuboh siling sekolah yang beratap zinc yang tidak mempunyai siling ini. Tetapi, apa yang di-jawab oleh pehak Pegawai Kemajuan Negeri ia-itu perkara ini ia-lah di-bawah tanggong-jawab Kementerian Pelajaran. Dan perkara tersebut telah pun di-buat satu senarai oleh pehak Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah di-hantar kepada Kementerian ini sejak hampir dua tahun, tetapi hingga sekarang berpuluh² buah sekolah yang saperti itu maseh belum lagi di-buat siling-nya. Jadi, saya harap-lah perkara ini akan dapat perhatian daripada pehak Kementerian yang berkenaan supaya jangan anak² kita yang belajar di-sekolah² yang saperti itu akan beku otak² mereka oleh keterekan panas mata hari yang mereka alami itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-atas cheraian ini juga, saya suka-lah meminta pehak Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian pada sa-buah sekolah di-kawasan saya, ia-itu Sekolah Kebangsaan Kampong Kedah. Pada sedikit masa yang lalu dalam lawatan Yang Amat Berhormat Tun ka-daerah Krian, pehak Lembaga Pengurus sekolah tersebut telah membuat rayuan pada Yang Amat Berhormat Tun supaya memberikan perhatian untuk membena bangunan baru bagi sekolah itu. Dan Yang Amat Berhormat Tun telah pun berjanji yang perkara itu akan di-berikan perhatian yang berat.

Jadi, baru² ini pehak yang berkenaan itu telah pun menuntut janji² itu, mereka datang berjumpa saya dan juga menulis dalam surat khabar. Jadi, saya harap-lah perkara ini akan dapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan. Pertama sa-kali oleh kerana Sekolah Kebangsaan ini terletak di-tepi jalan raya yang besar yang kalau di-biarkan tentu-lah tidak manis kedudukan sa-buah Sekolah Kebangsaan yang begitu burok.

Yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya juga suka menarek perhatian Kementerian yang berkenaan ia-itu berhubung dengan kawasan Sekolah² Kebangsaan di-kawasan saya juga. Dan saya perchaya-lah Menteri yang berkenaan telah sedia ma'alum kawasan Krian Laut ada-lah merupakan kawasan lembah—kawasan yang rendah. Oleh yang demikian maka boleh di-katakan di-tiap² kawasan sekolah di-kawasan Krian Laut ada-lah di-tenggelami ayer. Jadi, amat susah-lah bagi murid² di-Sekolah² Kebangsaan itu untuk hendak berbaris atau pun hendak bersenam dan sa-bagai-nya langsung tidak mempunyai tempat.

Berhubung dengan hendak menambah kawasan ini juga, pehak Jawatan-kuasa P.L.B. daerah telah pernah membuat permohonan² pada pehak negeri—Jawatan-kuasa Kemajuan Negeri, tetapi jawapan yang di-berikan sa-rupa juga dengan meminta bantuan mengadakan siling tadi. Ia-itu perkara ini ada-lah di-bawah Kementerian Pelajaran. Jadi,

saya harap-lah pada pehak Kemen-terian ini dapat memberi peruntokan untok menambah kawasan² sekolah yang sentiasa di-tenggelami ayer di-kawasan Krian Laut itu. Sekian.

Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah): Tuan Pengerusi, saya juga mengalu²-kan Belanjawan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini dan di-sini suka saya berchakap sedikit dalam muka surat 21, Kepala 122, Pechahan-kepala 31, Primary Schools Programme, dan Pechahan-kepala 32 Secondary Schools Programme.

Tuan Pengerusi, dengan ada-nya perbelanjaan yang di-untokkan pada Sabah ini, saya minta-lah pada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya kerja² untok bangunan sekolah primary mahu pun secondary, terutama sa-kali di-luar bandar, saya harap di-tambah lebeh banyak lagi.

Tuan Pengerusi, di-sini suka saya merayu pada Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi keterangan pada saya sebab²-nya secondary school di-kawasan saya, di-Mengatal Penampang, yang mana sa-patut-nya sudah di-kerjakan bangunan-nya, kerana sa-tahu saya tanah tempat tapak bangunan tersebut sudah pun di-sediakan oleh Kerajaan Negeri; oleh itu dengan ada-nya wang peruntokan tersebut saya berharap kerja itu dapat di-jalankan tahun ini juga.

Tuan Pengerusi, izinkan-lah saya melafadzkan sa-patah dua bagi menyampaikan dukachita dan terperanjat-nya ra'ayat Sabah yang mana Yang Berhormat Tun Dr Ismail meletakkan jawatan beliau dari Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan sa-terus-nya dari Cabinet Kerajaan.

Tuan Pengerusi, ra'ayat Sabah tidak lupa atas jasa beliau melindungi keselamatan ra'ayat di-Sabah sa-masa menghadapi konfrantasi sa-lama tiga tahun ini. Tuan Pengerusi, di-sini saya berdoa' pada Tuhan sa-moga beliau dan keluarga-nya di-lanjutkan usia dan di-murahkan rezki oleh Tuhan yang maha kuasa. Sekian, terima kaseh.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I wish to touch on Head 122, page 21, Education. The provisions shown for Sarawak are:

- (a) Secondary Schools, \$4,461,072 and
- (b) Teacher Training Programme, \$733,228.

Sir, I would not like to ask the Honourable Minister of Education about the number of Secondary Schools for Sarawak to be built under the provision, but I would like to know where the places for these Secondary Schools are going to be built.

Sir, with regard to the question of qualified Malaysians, which some Honourable Members have touched on in their speeches in this House, I would like to draw the attention of the Honourable Minister to the small number of students who have been sent for training abroad. This small number of students were supposed to get qualified. Sir, it is obviously too small to meet the demand for qualified Sarawakians to take over the positions in the Education Department when these posts are Borneanised. In this respect, the Government should train more Sarawakian Malaysians abroad, in order that we shall have enough qualified local men to fill the higher posts in the Education Department in Sarawak.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan Kementerian Pelajaran pada Kepala 122. Yang pertama saya menhadangkan buku text minta di-kurangkan harga-nya 25% oleh Menteri dalam semua mata pelajaran. Chadangan ini telah pun di-suarakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka kerana satu daripada sebab anak² Melayu dalam negeri Melaka kurang pergi melanjutkan pelajaran ka-sekolah menengah ia-lah kerana tidak mampu hendak membayar harga buku² text ini, terlampau tinggi.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu dalam pembangunan saya hendak

berchakap berhubung dengan sa-buah Sekolah Tamil di-ladang Getah Merlimau. Sekolah ini telah buruk tidak boleh di-gunakan lagi dan kanak² yang belajar di-sekolah itu telah di-tompangkan ka-Sekolah Inggeris, Merlimau, bukan sahaja budak² ini di-pindahkan ka-lain pula lagi sekolah ia-itu di-Sekolah Kebangsaan Merlimau yang jauh-nya 2½ batu.

Tuan Pengerusi, rayuan daripada ibu bapa orang² Tamil telah pun di-kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri tetapi sa-hingga hari ini belum lagi dapat di-bangunkan sa-buah Sekolah Tamil. Saya berharap sangat² mustahak sekolah itu di-bangunkan dengan kadar yang segera, kerana sudah dua buah sekolah di-pindahkan budak² ini menompang boleh jadi apabila Sekolah Kebangsaan Merlimau ini besok sesak akan di-pindahkan ka-sekolah lain lagi.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu berhubung dengan bangunan Sekolah Kebangsaan, Jasin. Telah dua tahun yang lalu juga perkara ini telah di-suarakan, telah di-rayukan oleh Jawatan-kuasa Sekolah itu supaya dapat tambahan sekolah kebangsaan Jasin ini. Satu daripada syarat dapat tambahan ini telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri ia-itu murid² belajar pagi dan petang telah dua tahun lama-nya budak² sekolah kebangsaan ini belajar pagi dan petang patut-lah sekolah itu dapat tambahan dan bukan sahaja tambahan untuk di-besarkan sekolah itu tetapi padang permainan di-Sekolah Kebangsaan Jasin ini tidak menchukupi, pada hal sekolah kebangsaan Jasin ini terletak di-tengah² pekan Jasin patut-lah dapat di-perbaiki.

Sa-lain daripada itu, Sekolah Melayu Kebangsaan Kuala Sungai Baharu. Ini juga murid² sekolah ini menompang belajar di-sekolah China di-sana. Jadi saya berharap sangat supaya dapat ranchangan ini di-mulakan dengan sa-berapa segera bagi menetapkan kedudokan kanak² yang belajar sekolah menengah di-Kuala Sungai Baharu. Juga sa-buah sekolah kebangsaan di-Lereh. Budak² sekolah menengah belajar menompang di-

sekolah kebangsaan Lereh. Jadi saya berharap dapat timbangan dan di-segerakan bangunan sekolah itu.

Tuan, Pengerusi, berhubung dengan rayuan juga untuk pembangunan, saya suka-lah mengemukakan satu dua surat daripada Guru Besar, Chong Hua School, Sungai Rambai, Melaka. Ini pembangunan juga, Tuan Pengerusi, saya berpendapat. Rayuan-nya ia-itu meminta bantuan scholarship daripada Menteri Pelajaran oleh sa-orang murid-nya bernama Mat Riffin bin Mat Elah yang sedang belajar di-Universiti Cheng Chi, Taipeh, Taiwan.

Tuan Pengerusi, kanak² Melayu ini belajar pada 11/10/66 saya tahu keadaan ibu bapa Enche' Mat Ariffin ini memang orang miskin, orang kampong saya di-Sungai Rambai. Patut kita hargai sa-orang kanak² hendak melanjutkan pelajaran-nya dalam bahasa lain terutama sakali bahasa Tiong Hua ini yang di-fikirkan sangat mustahak menjadi perhubungan di-antara kaum yang besar dalam negeri ini, tentu-lah Yang Berhormat Menteri akan menjawab tidak boleh di-bantu kerana belum ada perhubungan atau pun Universiti Cheng Chi ini tidak di-akuī. Tetapi saya berharap ada-lah kerana simpati ra'ayat dalam negeri ini yang hendak bersungguh² belajar bahasa Tiong Hua kita dapat memberi scholarship yang istimewa kepada mereka ini. Dia belajar di-sana sa-lama 3 tahun.

Tuan Pengerusi, ini-lah sahaja.

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara): Mr Chairman, Sir, before I commence my observations, I would like to compliment the Honourable Minister of Education for the general progress in the educational field under his portfolio.

Sir, speaking under Sub-head 6, I would like to enquire from the Honourable Minister the intention of setting up a University College at the Island of Penang. Much has been publicised about the acquiring of the land through the generosity of the State Government of Penang and the landowners and the philanthropists, who have started to

donate quite an enormous sum to this University College Fund at Penang Island. We have also heard from the Chairman of that Committee that lessons, or courses, would start somewhere around the middle of the year. Therefore, it is quite surprising that such an item is not itemised under the heading with a token vote, or perhaps the Honourable Minister of Education has in mind the setting up of this University through other means or other available funds. I am sure at this juncture that if any country would like to create and cultivate goodwill, especially Japan, this will be the right and the correct Fund to support. The University College at Penang could be developed through this Goodwill Fund and the complex could have a boost or a start with the goodwill of the Japanese people and the Government as a whole.

Sir, touching under Secondary Education, it has come to my notice that it is now becoming problem in Penang Island, in the State of Penang, in that each year we have many students passing out from the Chinese-stream primary schools going for secondary education in *Sekolah² Menengah* and most of these students select Chung Ling High School as their first choice, with the result that Chung Ling High School has been so saturated that they cannot accommodate any more students. I would like to request the Honourable Minister to consider this—not only in the Island of Penang, or the State of Penang, but in general, the country needs more *Sekolah² Menengah* in the Chinese stream, and if an increased provision could be made one for each State where we have Chinese primary education, more of these *Sekolah² Menengah* could be created in centralised States, so as to absorb or make a provision for these students—in Penang, in particular, if a branch school of the Chung Ling High School could be set up, I am sure it will solve the problem. As it is, most of the students have to be sent to the Chung Ling High School on an allocation basis somewhere around 25 per cent and the rest have got to be chan-

neled into the other streams, especially to the Scotland Road. I understand that the parents are not very happy about it, as most of them are businessmen, or small traders, and they would like their children to learn the trade and to progress in that field rather than being sent to other schools of their choice. Besides, Chung Ling High School has won the praise of the Minister of Education for many years, and he has publicly declared that Chung Ling High School has practised the correct and the best system for the education of our Malaysian citizens. Therefore, I am sure it will be quite favourable to appeal to him for a request of setting up of another *Sekolah Menengah* at Penang Island on the Chung Ling High School system.

Sir, speaking under Secondary Education and Primary Education as whole (Sub-head 1 and 2) I notice that there have been quite a lot of problems between the school boards of management and the officials. It will be difficult to say who is to be blamed, but the root of it lies with the headmasters of the schools, who have to interpret the instrument of management under the Education Act, and whether this is done correctly or wrongly, or to suit their purpose, it is always at the mercy of the headmasters of the schools. So, I would like to make a request to the Minister of Education to have this Instrument of Education translated into Chinese—and even if he has to sell it at a cost of twenty cents per copy, I am sure the schools and the boards of management would be too glad to pay for it. The most important point is this: it is a translation from the Ministry of Education and all the headmasters have got to accept it as a true translation; otherwise, it might have been misconstrued as a translation to suit the means of the headmasters and sometimes I doubt some of the headmasters can give a correct translation of the Instrument of Education. Sir, this Instrument is very important, because we have heard many a time of the problems of teacher employment. Vacancies have got to be advertised by the schools and applicants have to be sent to the Education Department for

final selection, and each tries to pass the buck and sometimes the supervisors of education will seize the control of this employment, it is quite pitiful at times, when some teachers applying for transfers have to resign on the advice of the officers before they could take up appointments in that particular school as advertised—and some of the teachers are left unemployed.

Purchase of school books has been manipulated as a private business by the headmasters or sometimes by the boards. Therefore, I fail to understand why if it can be successfully done by the English schools and the other streams, why cannot it be done in the Chinese stream in particular, where the board controls the tenders and the profits are being channeled through the students directly, through school activities, and through the book funds from which the poorer students could utilise such profits under an item of free books, and which can be interchangeable by the next year's students.

The selection of books, I understand, according to the instrument of management, comes under the board of management. If the Minister were to check up he will find out that it is usually interpreted to the convenience of headmasters, who insist and persist that this is under the control of the headmasters of the schools, and the boards have no say in this. This results in a lot of problems, as have been expressed by Members of this House, in that books have been changed—sometimes the same books but with different publishers, sometimes the same books with a few pages being changed. I have taken this up in this House many years ago and, I think, I have seen the Minister of Education on this matter and the result was this: that the students could use their books and just ignore the few extra new lessons included in the book. I feel that directions should be more definite, and school headmasters and school supervisors and C.E.O.s should be directed as to what to do with the buying of these books and the of set books and the particular books to be used, and this should not be left in the hands of the boards or the headmasters

to manipulate at the expense of the students and their parents.

Petty cash control and calling of meetings and the interpretation of instruments, as I said, are very important. It is quite shocking that at this juncture headmasters are allowed to control school funds and it is not stated in the instrument of management as to what amount they keep or operate, with the result that in some schools the headmasters keep as much as over a thousand dollars. I have come across a school, where the headmaster kept this money in his own private drawer in his house and I happened to ask him, "If you die, what will happen to this fund? Will your widow produce this fund as a school fund, or will you just keep it as your private fund?" as there will certainly be a quarrel between the board and the widow concerned. Therefore, I still feel that it is very essential that school petty cash should be under strict control, and it is only through means of interpretation of this instrument of management that we can have full control of the school petty cash, the buying of books, teacher employment and calling of meetings. It is quite surprising that even in a simple thing like calling a meeting, there has been a struggle between the chairman of the board of management and the headmaster—sometimes the headmaster feels that it is his duty to call a meeting and without his wishing to call a meeting it is not correct or appropriate for the chairman of the board to call for a meeting; and sometimes the headmaster even keep the school chop for calling meetings to prevent the board, or any member of the board, to hold any meeting at all. Therefore, this is the state of affairs in the Chinese education stream. Now, I, for one, feel that this must be looked into. If, as everyone says, we are for the improvement of Chinese education and we are for improvement of the educational field of the country in general, it is our business and it is the business of the Minister to look, in particular, into this stream to see that it progresses together with the English and other streams.

Sir, I would not go into the other matters as the time is short, and I will stop here. Thank you.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk berchakap sedikit di-dalam Ranchangan Pembangunan bagi Kementerian Pelajaran di-dalam Sub-head, Primary Education. Perkara yang saya mahu bangkitkan, Tuan Pengerusi, ia-lah berhubung dengan masaalah efficiency sekolah² rendah yang ada di-luar² bandar. Ada dua masaalah yang tidak memuaskan hati kebanyakannya daripada ibu bapa di-luar bandar mengenai sekolah² rendah ini, satu di-antara-nya dari segi murid, yang kedua-nya dari segi guru-nya. Dari segi murid-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah akibat ada-nya Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar Kerajaan hari ini, maka timbul perpindahan daripada ra'ayat daripada satu tempat ka-satu tempat yang lain yang berjauhan. Akibat daripada itu anak² yang akan menumpukan pergi sekolah ada yang terlampau jauh, terpaksa mereka berjalan kaki berpuluh² batu, kerana tidak ada kenderaan, maka anak² itu sampai ka-sekolah lewat pada waktu-nya. Dan ini banyak berlaku di-dalam kawasan² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, atau ada-nya perpindahan ra'ayat di-dalam negeri ini.

Segi yang kedua ia-lah guru itu sendiri, kerana tidak ada quarters, atau pun tidak ada rumah² guru di-tempat yang ada sekolah di-dalam luar bandar itu menyebabkan guru itu sendiri ikut juga terlewat. Jadi, dua² factor ini menyebabkan tidak ada efficiency di-dalam pelajaran dan masa belajar murid² di-luar bandar. Sebab itu, Tuan Pengerusi, saya minta kepada pehak Kementerian supaya chuba mengkaji balek masaalah ini dan membentok satu Jawatan-kuasa Peringkat Negeri dan mementingkan ada-nya sekolah di-luar² bandar mengikut keadaan tempat dan tidak sangat mengikut bangunan itu besar, atau pun guru-nya memang ramai, kerana di-luar bandar seperti mana yang saya sebutkan tadi tidak ada kenderaan seperti mana yang ada di-dalam bandar.

Perkara yang kedua ia-lah masaalah Secondary Education. Bagi negeri Kelantan, atau pun ada di-Negeri² lain, bangunan Sekolah Menengah Rendah Anika Jurusan ini baharu sahaja di-laksanakan bagi tahun yang lalu. Pada tahun ini boleh jadi pemereksaan akan di-lakukan bagi sekolah² ini, tetapi ada kelengkapan² yang tidak cukup untuk pelajaran science dan lain²-nya ini seperti alat letrik, ayer dan lain² lagi. Ini berlaku di-dalam negeri Kelantan dalam beberapa sekolah. Jadi, saya minta pehak Menteri yang berkenaan dapat menyelesaikan masaalah mustahak ini di-dalam mata pelajaran bagi anak² di-dalam Sekolah Anika Jurusan ini.

Perkara yang kesepuluh ia-lah Centralised Hostels. Nampak-nya bagi tahun ini ada Centralised Hostels yang saya tidak tahu bentok bagaimana Menteri akan melakukan di-dalam hostel ini. Saya mengeshorkan ada-lah lebih baik hostel² yang akan dipusatkan ini hanya mengenai bagi anak² di-dalam pelajaran sekolah menengah, kerana anak² dalam sekolah menengah ini ada-lah sekolah²-nya ditempatkan pada tempat yang strategic—dekat dengan bandar² dan anak² kita boleh-lah di-tempatkan di-dalam hostel² dan dapat-lah anak² kita belajar dengan baik di-tempat² itu.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Snawi bin Ismail (Seberang Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap di-atas Kepala 122, Pechahan-kepala 1 dan 2 ia-itu berkenaan dengan sekolah² rendah.

Tuan Pengerusi memandangkan keadaan murid² dari sa-tahun ka-satahun bertambah, tentu-lah ada di-mana juga kesulitan² di-dalam bidang pelajaran pada hari ini, tetapi saya menarek perhatian, Tuan Pengerusi, bagi kawasan saya, ia-itu Sekolah² Rendah Kebangsaan ada sa-banyak 14 buah sekolah dan sekolah rendah bagi orang² China ada 6 buah sekolah, orang² Tamil ada 4 buah sekolah, ia-itu sekolah² yang di-dirikan di-dalam estate² sa-masa tempoh penjajah dahulu.

Jadi yang saya menarek perhatian Menteri, Tuan Pengerusi, ia-itu ada tiga buah sekolah, ia-itu sekolah kebangsaan. Satu sekolah di-Tasek Junjong, satu sekolah di-Sungai Acheh, dan satu sekolah di-Bukit Tambun. Sekolah Tasek Junjong, Tuan Pengerusi, sekolah yang lama, ia-itu maseh sekolah rendah lagi yang di-tinggalkan oleh penjajah dan sa-buah sekolah yang di-buat di-dalam tahun 1942 ia-itu ada baik sadikit, tetapi murid² yang belajar pada hari ini ada 530 orang murid. Jadi, berhampiran dengan sekolah ini, Tuan Pengerusi, ada satu buah Madrasah dan ada satu buah balai raya. Jadi, pada dua tahun yang lepas Jema'ah Pengurus di-situ telah menerima murid² yang lebih ini menompang di-balai raya dan juga di-Madrasah. Jadi, pada tahun ini pula, Tuan Pengerusi, ada lebih lagi daripada itu, jadi budak² ini ada lebih kurang 40 orang lebih, jadi bergilir²-lah; kalau musim ta' hujan di-bawah² pokok, kerana mengikut kelaziman sekolah kita pagi dan petang, dan bagitu juga di-Bukit Tambun, macham itu juga, Tuan Pengerusi, kerana sekolah itu tinggi di-bawah itu dengan tidak ada satu dinding. Jadi, murid² banyak, kalau hujan dan panas, terpaksa-lah murid² itu naik ka-atas dengan tidak dapat di-gunakan di-bawah. Yang ketiga, ia-itu Sekolah Acheh, penduduk-nya 7,000 orang. Murid²-nya dekat 800 orang ia-itu tiga sekolah, ia-itu sekolah yang di-dirikan daripada sekolah ra'ayat, ia-itu Sekolah Ugama Ra'ayat, yang di-pinjamkan oleh orang² kampong dan juga sekolah yang lama dua buah. Jadi, sekolah ini pun, Tuan Pengerusi, sangat² menyedehkan.

Perkara yang kedua, saya bawa, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sekolah Tamil, ia-itu saya mendapat tahu pada dua tahun yang lepas, katanya Kerajaan hendak membuat satu Sekolah Menengah Tamil dalam Caledoria Estate, Nibong Tebal. Jadi, tanah sedang di-adakan, tetapi sampai hari ini orang² Tamil yang bekerja di-dalam² estate di-daerah Nibong Tebal itu sedang menunggu² di-atas

jasa baik Yang Berhormat Menteri Pelajaran minta di-adakan segera.

Jadi sungguh pun bagitu, Tuan Pengerusi, di-kawasan saya ada dua buah sekolah kebangsaan yang Kerajaan bena dengan belanja lebih kurang \$300,000 yang sa-buah di-Simpang Empat, ia-itu telah di-buka oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri, dan yang kedua sedang di-bena di-dalam Nibong Tebal. Jadi ini saya menyampaikan ucapan terima kasih daripada penduduk² dari kawasan saya, terutama sa-kali kapada Menteri yang berkenaan kerana jasa baik-nya tentang mengadakan sekolah yang bagitu baik dan harga yang maseh tinggi. Ini sahaja, Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak² terima kasih.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, dalam menyokong Rang Perbelanjaan Pembangunan di-bahagian Pelajaran ini, gemar saya menarek beberapa perhatian bagi Kementerian ini. Pertama berhubung dengan Sekolah Rendah. Dalam masa Menteri Muda mengemukakan permintaan wang ini telah mengatakan tahun ini akan membuat 700 bilek darjah. Saya chuma hendak sentoh, hal ini ada berkait dengan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita, dan saya berterima kasih dalam perkara ini—Yang Berhormat Menteri Pelajaran membahagi wang sa-banyak \$50,000 kerana Sekolah Perempuan Bandar Tangkak—hal ini telah di-laksanakan. Tetapi pada masa itu, Pentadbir Pelajaran Negeri—Ketua Pelajaran Negeri—berhak boleh membahagikan peruntukan itu, malang-nya bangunan Sekolah Perempuan itu di-buat dengan hanya \$32,000, yang baki itu di-buat sekolah rendah yang lain. Jadi pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, sekolah ini sangat sesak kerana murid 350 orang dan saya merayu-lah supaya di-tambah bilek darjah bagi Sekolah Perempuan Bandar Tangkak itu.

Di-samping itu, dua sekolah rendah yang saya pandang dalam kawasan saya, sangat mustahak di-adakan bilek tambahan; nombor satu, Sekolah Serom (8)—ada murid² hampir 400

orang duduk dalam sekolah yang di-benai oleh ra'ayat. Nombor dua, Sekolah Seri Ma'amor, Tangkak.

Kemudian saya beraleh kepada perkara Sekolah Menengah Rendah. Saya bagi pehak ra'ayat dalam kawasan saya menguchapkan banyak terima kasih kepada Kementerian ini sebab saya rasa kawasan saya-lah yang terbanyak di-beri sekolah² menengah, sama ada sekolah menengah jenis kebangsaan atau sekolah menengah rendah jenis kebangsaan, ia-itu dua sekolah menengah jenis kebangsaan dan empat sekolah menengah rendah kebangsaan. Patut-nya saya ta' payah bangkitkan dalam Dewan ini, tetapi ada perkara yang saya fikir patut di-pertimbangkan oleh Kementerian ini; dalam sekolah menengah jenis kebangsaan Inggeris yang tiada guru ugama. Hingga sekarang belum dapat di-datangkan guru ugama di-dua² buah sekolah—di-Sekolah Ledang Tangkak dan Sekolah Pi Wah di-Sungei Mati.

Berhubung dengan sekolah menengah kebangsaan ini, Tuan Pengerusi, empat sekolah menengah telah di-buat di-bandar Tangkak, di-Sungei Mati, di-Bukit Gambir dan di-Kundang Hulu. Satu perkara yang saya fikir patut Kementerian ini memikirkan ia-itu membena sekolah menengah atasan di-Tangkak. Pehak Kerajaan Negeri telah bersedia memberi tanah. Sebab, pada tahun ini, di-sekolah menengah rendah di-Tangkak itu telah mengadakan kelas tingkatan empat menumpang di-sekolah menengah rendah. Jadi saya fikir pada tahun yang akan datang, untuk menampung murid² daripada empat sekolah rendah ini, patut-lah di-segerakan bangunan sekolah menengah atas pada tempat yang saya chakapkan itu.

Saya menyebut dalam bahagian University, Tuan Pengerusi. Bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Menteri Muda Pelajaran ia-itu ada minta wang sa-banyak \$7 juta di-kehendaki untuk University berhubung dengan hendak meneruskan ranchang-usaha berhubung dengan berbagai² faculty yang termasuk kejuruteraan, ekonomi, pentadbiran, yang baharu

di-tubuhkan. Dengan ini maka akan menambahkan, pensharah²-nya atau lecturer²-nya di-bahagian² tersebut. Kita berada dalam tahun mengisi perlaksanaan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi dalam negeri ini. Dari sudut yang benar² hendak di-isikan ia-lah daripada puchok University. Oleh itu perlaksanaan ini, saya harap Kementerian ini dapat memandang dan memikirkan dalam beberapa perkara yang saya hendak fikirkan, ia-itu bagi mengambil pensharah² di-faculty yang tersebut itu—pensharah-nya yang boleh memberi kuliah dalam bahasa Melayu hendak-lah di-teruskan. Mahasiswa yang bukan Melayu hendak-lah di-berikan kursus dalam bahasa Melayu. Dalam masa peralehan lima tahun merupakan persediaan kepada pensharah² itu untuk memberi kuliah dalam bahasa Melayu, maka pensharah itu kelak hendak-lah di-utamakan yang ada mempunyai kelayakan dalam bahasa kebangsaan. Walau pun dalam University ini kita memberi kuasa autonomi yang tertentu, tetapi dengan perbelanjaan yang macham ini, kita mahu University ini menuju kepada chorak kebangsaan kita.

Saya menyentoh, Tuan Pengerusi, dalam lapangan Latehan Guru, Pechahan-kepala 7. Kerajaan telah membena banyak Maktab Perguruan dan Maktab² Harian. Saya sentoh dalam pembenaan Maktab Harian ini. Di-Muar telah ada satu Maktab Harian yang menumpang, di-sewa daripada Kerajaan Negeri. Keadaan tempat itu, saya fikir, tidak sesuai dengan tempat Maktab Latehan Guru² ini. Saya juga di-beri tahu, bahawa Kementerian ini hendak membena sa-buah maktab yang sempurna, tetapi malang-nya di-Muar itu tanah-nya rendah—dalam Bandar Maharani itu tanah-nya rendah, dan juga di-Batu Pahat, Tuan Pengerusi, di-katakan tanah rendah—jadi dia hendak menchari satu tempat tanah-nya tinggi, tanah yang baik, saya menchadangkan Maktab Harian yang di-Muar itu, supaya di-dirikan dalam kawasan saya diTangkak. Sebab, di-Tangkak itu tanah-nya tinggi² semua. Dan Kerajaan Negeri

sedia memberi tanah kerana Maktab Perguruan Harian itu.

Saya berchakap dalam hal Dewan Bahasa dan Pustaka ini, Tuan Pengerusi, ia-itu Pechahan-kepala 14. Saya minta Kementerian ini supaya menyemak dan mengkaji balek apa sebab pekerja² kita dalam Dewan Bahasa dan Pustaka ini banyak lari, erti-nya dia banyak keluar, ta' mahu bekerja dalam bahagian ini. Mungkin juga boleh jadi layanan gaji kepada mereka itu tidak saimbang dengan pengetahuan yang ada pada mereka, mereka pergi ka-luar mengambil jawatan M.C.S. dan lain². Terutama sa-kali, yang kita tengok, dalam bahagian penterjemahan dan dalam bahagian penyelidekan. Dalam bahagian penterjemah ini saya hendak bertanya kepada Kementerian ini berapa banyak buku² yang dapat di-usahakan oleh badan ini, dan juga dalam bahagian penyelidekan. Bagitu juga, pada masa sekarang kita bangga-lah dengan pengeluaran buku yang di-keluarkan oleh Dewan Bahasa ini, tetapi sa-takat ini yang banyak pengeluaran buku² itu dalam sekolah² rendah. Saya harap pada masa akan datang di-perbanyakkan buku² dalam peringkat sekolah² menengah.

Satu perkara yang saya menyokong atas chadangan yang di-kemukakan oleh rakan sa-jawat saya berhubung dengan buku text supaya di-kurangkan harga-nya. Buku² yang keluar daripada Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberikan ka-sekolah itu saya mahu di-kurangkan 80% daripada harga yang ada sekarang. Sebab, ini satu perkara yang menjadikan tanda-tanya, sa-bagaimana telah di-katakan oleh rakan sa-jawat saya, Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara, ibu-bapa ta' dapat menyekolahkan anak²-nya di-sekolah² menengah walau pun kita buat sekolah² menengah yang baik², kita hantarkan guru² yang ada berkelayakan, tetapi ibu-bapa tidak berupaya membeli buku dengan sebab harga buku yang di-keluarkan itu mahal.

Saya harap kalau boleh di-pertimbangkan keluaran buku sekolah

menengah kebangsaan, sekolah rendah, daripada Dewan Bahasa dan Pustaka ini di-kurangkan 80% daripada yang ada sekarang. Erti-nya, kalau anak yang hendak masuk sekolah menengah itu di-kenakan \$100, pada masa akan datang dia hanya kena \$20 dia tidak juga berlepas tangan. Ini telah di-buat oleh negeri² yang berkemajuan. Negeri yang berkemajuan, memberi perchuma segala buku². Jadi, itu pandangan saya, Tuan Pengerusi, dalam masaaalah buku² bagi anak² sekolah kita. Satu perkara lagi

Mr Chairman: Panjang sangat nam-pak-nya Ahli Yang Berhormat berchakap—beri peluang kepada orang lain.

Tuan Ahmad bin Arshad: Sudah tabi'at—saya na' chakap dua perkara lagi, Tuan Pengerusi. Dalam bahagian penyelidekan, saya minta Kementerian ini melalui Kerajaan, supaya mendapatkan buku sejarah bangsa Melayu purba yang di-simpan di-kutub-khanah negeri Kambodia dan Thailand. Buku sejarah tua ini, Tuan Pengerusi, biarlah saya chakap lanjut sedikit, gunanya supaya di-ambil untok di-bacha di-sekolah menengah kita, di-kolej kita dan untok pengetahuan orang² Melayu, orang Malaysia dalam negeri ini.

Sejarah Melayu tua ini di-pelajari sa-chara lanjut di-Sekolah Menengah dalam Negeri Thai, Kemboja, Vietnam dan Negeri² di-Tenggara Asia, kerana mereka kagum dengan ketinggian peradapan Bangsa Melayu yang di-jadikan tauladan pada masharakat mereka. Sa-takat ini kita hanya dapat membacha buku *Sejarah Melayu* yang di-chatit oleh Tun Seri Lanang dan juga oleh buku² yang di-karang oleh bangsa² penjajah. Buku *Sejarah Melayu* ini, Tuan Pengerusi, menggambarkan lebeh luas asal usul orang Melayu ini yang telah wujud di-mayapada ini sejak 10,000 tahun sa-belum Masehi dan ini dapat-lah mengetahui kedudukan bangsa Melayu daripada negara di-Tenggara Asia ini. Dan berhubung dengan buku yang saya sentoh ini, Tuan Pengerusi, ini ada-lah satu sinaran keagongan Melayu tua tunas-nya telah di-buat oleh Y.T.M. Tunku

Perdana Menteri dengan mewujudkan ASA ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, biar-lah saya berchakap berhubung dengan pembenaan rumah² guru di-luar² bandar. Saya minta Kementerian ini mengkaji balek sa-mula rumah guru itu sebab kita memang bersimpati kapada guru² yang tidak ada rumah, tetapi sa-telah kita adakan rumah di-luar² bandar, banyak rumah ini yang di-tinggalkan oleh guru², dia tidak mahu tinggal di-tempat itu, mereka bermaksud bahawa dia sa-bagai pegawai yang Bahagian II, Bahagian III tidak layak dudok rumah yang berharga \$6,000 itu.

Dalam kawasan saya, Tuan Pengerusi, saya terima kaseh kapada Kerajaan yang telah membuat banyak rumah guru, tetapi 4 buah rumah yang di-buat oleh Kerajaan guru² ta' mahu tinggal, sa-tengah guru² dia balek ka-rumah masing². Sa-tengah guru me-mikirkan rumah itu kecil sangat tidak sesuai dengan dia. Jadi saya fikir di-kaji balek berhubung dengan pembenaan rumah guru² ini, kalau tempat² yang tak sesuai jangan kita bena. Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh ada beberapa perkara dalam Kepala 122 ia-itu Pechahan 1, Primary Education atau Sekolah Rendah.

Tuan Pengerusi, saya dari kawasan Perlis Selatan tentu-lah menguchapkan banyak terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-atas pembenaan² Sekolah Rendah baharu di-dalam kawasan saya, tetapi walau bagaimana pun, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menjelaskan di-sini bahawa di-dalam kawasan saya, ke-banyakan tempat² yang di-dirikan Sekolah Rendah ini ada-lah di-dalam sawah. Jadi, oleh kerana itu menda-tangkan beberapa kesulitan bagi murid² yang dalam Sekolah Rendah itu teru-tama sa-kali berkenaan dengan latehan² saperti sokan dan sa-bagaimana-nya kerana mereka tidak mempunyai padang permainan. Kalau ada padang

permainan pun, maka padang² itu ta' dapat di-gunakan apabila musim hujan.

Jadi, saya merayu-lah kapada Menteri yang berkenaan supaya menim-bangkan bagaimana chara supaya menda-pat wang untok memberi peruntokan berkenaan dengan padang permainan ini. Ini saya rasa ada-lah sangat² mustahak. Saya teringat-lah pada satu masa ia-itu di-dalam penerangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengata-kan kalau ta' salah saya, mengikut beliau pada satu masa mengatakan bahawa kita ada satu yayasan di-Luar Negeri yang akan memberi bantuan berkenaan dengan menubuh padang permainan ini. Jadi, saya merayu-lah supaya dapat di-segerakan dan di-bagi²kan wang peruntokan untok padang permainan ini.

Pechahan-kepala 6, Universiti Malaya. Saudara saya dari Pulau Pinang telah menerangkan bahawa di-Pulau Pinang akan di-adakan sa-buah Universiti College. Ini tentu-lah menjadi bertuah kapada kita di-Malaysia ini kerana kita adakan Universiti College. Jadi apa harapan saya, Tuan Pengerusi, bahawa Universiti College itu jangan hendak-nya di-tubuhkan di-Pulau Pinang sahaja, ini memandang kapada perkem-bangan dan banyak-nya penuntut² kita pada masa ini yang berchita² kapada pelajaran tinggi. Jadi, saya harap Universiti College yang sa-macham itu, kalau ta' boleh pun, biar-lah di-adakan Intermediate College untok belajar ka-Universiti, umpama-nya saperti satu di-Johor Bahru dan bagitu juga di-Pahang untok Pantai Timor-nya dan Pulau Pinang. Jadi, dengan ini akan memberi peluang bertambah banyak penuntut² kita yang akan dapat masok ka-Universiti tidak saperti sekarang ini kerana kita, Universiti Malaya sekarang ini mempunyai tempat yang berhad. Jadi, dengan ini maka dapat-lah peluang yang keemasan yang akan memberi peluang kapada pemu-da² kita bagi masa di-dalam perkem-bangan pengetahuan bagi masa yang akan datang.

Jadi, saya berharap-lah supaya Menteri yang berkenaan dapat membuat satu ranchangan jangka panjang supaya

dapat kita perbanyakkan lagi Universiti College atau Intermediate College untuk penuntut² akan masuk ka-Universiti.

Dan dalam Pechahan-kepala 14 berkenaan Dewan Bahasa. Banyak-lah daripada Ahli² dalam Dewan ini yang telah berchakap berkenaan dengan Dewan Bahasa, umpama-nya, kekurangan buku, kelambatan buku dan sa-bagai-nya. Jadi, saya memandang satu, Tuan Pengerusi, kalau kita hendak percheptakan bagaimana supaya buku² itu dapat di-keluarkan dengan banyak-nya maka ta' dapat tidak Dewan Bahasa ini mengadakan printing press sendiri. Jadi sa-lagi kita mengadakan buku² dalam Dewan Bahasa itu kita konterekkan kepada press² yang di-luar maka dengan sebab itu-lah ada selalu tergendala berkenaan dengan penchetakan buku ini. Jadi, saya dapat tahu bahawa Bangsa² Bersatu tentu-lah ada satu yaysan untuk memberi bantuan bagaimana melatehkan supaya macham mana menjalankan press yang modern itu. Jadi saya perchaya Menteri yang berkenaan tentu-lah dapat memikirkan bagaimana supaya kita menchari bantuan teknik atau memberi latehan kepada orang² kita supaya mereka itu mempelajari bagaimana supaya menjalankan press yang bersendirian. Dengan ada-nya press bersendirian di-Dewan Bahasa ini, maka saya perchaya-lah dapat kita mengatasi segala tudohan² yang di-lemparkan kepada Dewan Bahasa dari satu masa ka-satu masa.

Akhir-nya sa-kali, saya balek kepada Primary Education saperti Menteri yang berkenaan tahu bahawa di-negeri Perlis, berkenaan dengan penuntut² rendah ini, kita telah mengadakan beberapa² kali ia-itu perlawanan sokan di-antara penuntut² di-dalam negeri Perlis dengan penuntut² di-negeri Thai. Ini saya rasa ada-lah satu chara bagaimana kita dapat mengeratkan lagi perhubungan di-antara Malaysia dengan Thai, tetapi chara² itu hanya di-buat chara bersendirian sahaja. Jadi, oleh kerana kita negeri² banyak yang berjiran dengan Thai saperti Kedah, Perlis, Kelantan, Perak dan lain² lagi, maka saya rasa ini-lah satu kalau dapat Menteri yang berkenaan menganjorkan apa

yang kita adakan satu sokan yang besar di-antara penuntut² Malaysia dengan penuntut² di-Thailand. Kita berganti² satu tahun kita pergi main ka-negeri Thai satu tahun budak² Thai datang ka-tempat kita. Ini ada-lah akan menjadi satu perhubungan yang baik bagi kita di-masa yang akan datang dan bagitu juga dalam permainan sokan ini kerap kali, macham di-Perlis, kita terpaksa mengusahakan wang ia-itu seko-lah² yang akan mengambil bahagian menghantarkan penuntut² pergi ka-Thailand terpaksa menchari wang bersendirian dengan mengadakan Fun Fair dan sa-bagai-nya. Tetapi kalau Menteri yang berkenaan dapat mengikhtiarkan satu peruntukan wang untuk kemajuan ini, maka saya rasa ini tentu-lah lebeh berkesan dan lebeh baik lagi dan lebeh erat lagi perhubungan di-antara Malaysia dengan Thailand bagi masa² yang akan datang.

Jadi, sa-takat ini-lah, Tuan Pengerusi, saya memberi sokongan penoh di-dalam peruntukan ini.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan mengalu²kan ranchangan Kementerian Pelajaran ini yang nampak-nya ada lebeh memberi harapan kepada kemajuan pelajaran pada masa yang ka-hadapan. Dan yang demikian ingin-lah saya mengambil kesempatan menguchapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran khas-nya bagi ra'ayat Perlis, yang amat berasa shukur kerana ranchangan pembangunan ini di-Perlis sedang mempunyai beberapa perubahan yang penting terutama sa-kali sekolah² rendah dan juga sudah banyak terdiri-nya sekolah² menengah.

Dan mengikut ranchangan² yang ada di-sini saya penoh yakin bahawa bantuan² akan di-kejarkan lebeh banyak lagi kepada negeri Perlis termasuk padang permainan dan juga pagar sa-bagaimana yang telah di-janjikan oleh Yang Berhormat Menteri itu sendiri dalam lawatan beliau itu ka-Perlis tempoh hari.

Berthabit dengan ranchangan ini, maka bagi pehak ra'ayat negeri Perlis amat-lah terhutang budi dan memberi

keperchayaan kapada Menteri Pelajaran memimpin pelajaran di-negeri ini dan saya rasa amat kesal dengan chadangan yang akan di-buat oleh sa-orang ahli Kesatuan Guru² National Union of School Teachers Chawangan Perlis baharu² ini yang terkandung di-dalam akhbar *Straits Times* bertarikh pada hari Ithnain yang lalu yang akan mengambil tindakan undi tidak perchaya kapada Menteri itu dan akan menggesa Menteri itu meletakkan jawatan. Maka chadangan ini memang-lah tidak berasas sama sa-kali. Dan tiada penoh tanggung-jawab dan saya penoh yakin guru², rakan² dan sahabat² saya yang lain tidak akan terpengaruh dengan chadangan yang tidak bertanggung-jawab ini. Saya amat faham dengan tujuan perjuangan sahabat² saya itu ia-itu daripada gulongan KKGSK/PTM yang saya dahulu ada-lah sa-orang daripada wakil dan sa-orang pengasas pada masa penubuhan Kesatuan itu pada tahun 1953 dahulu di-Muar.

Jadi tujuan persatuan ini di-tubuhkan ia-lah untuk membuat tuntutan terhadap nasib guru² yang berkelulusan Normal dan Un-trained dan minta di-aku² guru² normal sa-belum perang yang sedang di-perjuangkan sekarang. Saya rasa kalau soal ini sahaja yang harus di-perjuangkan ada lebeh baik persatuan ini sendiri menchari jalan menentukan ketua mereka yang ada pada masa ini dengan ketua yang baharu yang saya rasa ada diplomasi untuk berunding, bertukar² fikiran dan bertolak ansor dengan Menteri ini. Kerana, saya tahu Menteri yang berkenaan itu amat suka dengan chara perundingan² begitu, dengan chara² tolak ansor begitu dan saya rasa perjuangan ini sudah sampai sa-kerat jalan, akan sampai kapada jalan kema-juan² dan akan cherah pada masa hadapan.

Jadi, yang demikian saya rasa perkara ini tidak-lah menjadi susah bagi rakan² dan sahabat² saya dengan chara terlanjur mengeluarkan chadangan yang tidak bertanggung-jawab itu.

Tuan Pengerusi, saya berbalek pula kapada soal sekolah menengah di-dalam negeri Perlis. Bagaimana saya katakan tadi, bahawa Perlis amat bershukur

dengan ada-nya beberapa buah sekolah menengah dan terima kaseh kapada Menteri yang berkenaan yang telah menghantar sa-orang guru besar di-sekolah Derma, Kangar, yang sudah berbulan tidak mempunyai guru besarnya. Dan di-samping itu saya sukachita menyampaikan rayuan ra'ayat² negeri Perlis, kerana dalam negeri Perlis belum ada lagi kelas Form 6, supaya di-adakan di-dalam negeri Perlis ini dan kalau sa-kira-nya Menteri ini nampak-nya mengatakan di-Perlis belum sesuai lagi di-adakan Form 6 bagi sekarang ini kerana perkakas dan guru² yang berkelayakan tidak mencukupi, saya shorkan satu jalan yang lebeh senang kapada Menteri yang berkenaan supaya memberi peluang lebeh banyak lagi kanak² negeri Perlis melanjutkan Form 6 ka-luar negeri dimana tempat yang mempunyai asrama yang penoh.

Kerana apa, kerana negeri Perlis patut-lah di-beri satu keistimewaan untuk memberi peluang kapada anak² negeri Perlis dapat melanjutkan pelajaran lebeh tinggi dan lebeh senang lagi pada masa ka-hadapan.

Tuan Pengerusi, berbalek kapada soal Pechahan-kepala 9 ia-itu Muslim College. Saya mengambil kesempatan di-sini menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Menteri yang berkenaan yang telah memberi bantuan penoh kapada sekolah Arab Al-Wiyah, Arau, yang sekolah itu yang sa-belum-nya telah di-tanggung oleh bantuan zakat fitrah dan di-samping itu saya mengalu²kan ada-nya chawangan Kolej Islam yang bertempat di-Petaling Jaya pada masa sekarang ini yang mertabat serta darjah pelajaran tinggi serta kelulusan-nya di-aku² oleh Kerajaan. Dan bagi meneruskan soal pengajaran Islam dalam Negeri ini, maka ini-lah saya shorkan kapada Kerajaan supaya menubuhkan sa-buah Universiti Islam dalam tanah ayer kita ini kalau boleh Universiti Islam yang akan menjadi simbol di-Asia Tenggara ini akan bertempat di-Pantai Timor umpama-nya, saya rasa, yang baik sa-kali di-negeri Kelantan, supaya dapat penuntut² meneruskan lagi pelajaran bukan sahaja bagi tanah ayer kita ini, tetapi bagi negeri² jiran terutama sa-kali macham Thailand

yang menghantar penuntut² mereka itu belajar di-Mekah, negeri Islam yang lain, yang menghantar penuntut²-nya membacah Quran di-sini, Vietnam, Burma, Korea dan negeri² lain yang berhampiran dengan negeri kita ia-itu sa-bagai pusat pengajian Islam di-Tenggara Asia.

Jadi, kalau shor saya ini di-terima, maka saya rasa segala faham² yang karut marut yang di-bawa² oleh pehak² yang tidak berkenaan yang sengaja hendak mengelirukan pengajaran Islam dengan ajaran² yang tidak munasabah itu akan terhapus dengan sendiri-nya dan kanak² atau pemuda² kita pada masa hadapan tidak akan terpengaruh dan tidak akan terkorban dengan asutan² dan ajaran² yang tidak bertanggung-jawab yang di-luar batasan yang tidak mengikut saloran² ugama yang tertentu dan akan mengikut pengajian sa-bagaimana pengkajian Universiti Islam pada masa itu.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 4 petang ini.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4.04 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

THE DEVELOPMENT ESTIMATES, 1967

The House immediately resolved itself into a Committee of the whole House.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat di-atas komen² dan juga ucapan² daripada mereka itu sama ada dari pada pehak Kerajaan atau pehak Pembangkang yang telah menyentoh Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Pelajaran.

Oleh sebab tidak ada masa yang cukup, saya tidak dapat menjawab

satu persatu di-atas butir² yang telah di-kemukakan itu. Tetapi, pada keseluruhannya Ahli² Yang Berhormat banyak mengemukakan kekurangan² sama ada dari segi bilek darjah, bangunan² sekolah baru, padang² permainan dan juga sa-terusnya alat² persekolahan yang tertentu bagi sekolah di-dalam kawasan masing². Uchapan² dari Ahli² Yang Berhormat itu boleh di-katakan merupakan satu panduan dan juga peransang kepada saya untuk berusaha lebeh giat lagi bagi menyediakan alat² persekolahan yang lebeh lengkap kepada anak² kita dengan tidak memikirkan ada-kah murid² itu datang daripada luar bandar atau pun daripada bandar.

Kerana chita² saya ia-lah hendak memberi layanan yang sama kepada tiap² orang anak yang ada di-dalam sekolah kita supaya mereka itu dapat bertanding sa-chara adil di-dalam bidang pelajaran. Saya sendiri memang sedar terhadap ada-nya sekolah² yang maseh lagi kekurangan² alat dan juga sekolah² yang maseh lagi kurang buku². Ini bukan-lah berma'ana Kementerian Pelajaran mengabaikan tanggung-jawab-nya tetapi ada-lah berdasarkan kepada dua faktor yang besar.

Yang Pertama, naik darjah sa-chara automatik dari Sekolah Rendah ka-Sekolah Menengah. Dan yang kedua, jumlah murid² yang bertambah² dari sa-tahun ka-sa-tahun yang memasoki darjah satu. Dengan lain² perkataan—speed atau pun kederasan. Jumlah murid² yang berhak mendapat tempat di-sekolah² sama ada di-perengkat rendah atau pun menengah lebeh banyak atau pun lebeh maju lagi jika di-bandingkan dengan usaha Kerajaan kita untuk membena sekolah².

Kalau dahulu-nya sa-banyak lebeh kurang 35% daripada murid² Darjah VI berhak mempunyai tempat di-Tingkatan I sekarang ini maka angka² itu sudah naik dan kita telah memberi hak kepada 100% daripada murid² Darjah VI mempunyai tempat di-Tingkatan I begitu juga jumlah murid² yang hendak memasoki sekolah dalam

Darjah I bertambah dari sa-tahun ka-sa-tahun. Mithal-nya dalam tahun 1965 sa-ramai 236,516 orang yang memasuki Darjah I. Tahun 1966 pula sa-ramai 243,026 orang; dalam tahun ini, tahun 1967, sa-ramai lebih kurang 250,000 orang budak² baru yang masuk ka-darjah satu.

Sungguh pun kedudukan itu nampak-nya susah dan berat, dan memang berat, tetapi harus-lah kita berasa bangga kerana tidak ada sa-orang pun murid² yang terkorban akibat tidak mendapat tempat di-sekolah² sama ada di-Sekolah Rendah atau pun di-Sekolah Menengah, walau pun sa-tengah² tempat murid² terpaksa belajar dalam bangunan² tumpangan dan sa-bagainya. Saya juga mengakui maseh ada banyak lagi peratus murid² yang tidak pergi ka-Sekolah Menengah. Tetapi dengan kita menjalankan berbagai² ikhtiar tidak shak lagi peratus ini akan meningkat tinggi dari sa-tahun kasatahun. Di-samping kita menghadapi segala kesusahan dan kekurangan ini, maka kita dapat menaikkan sa-saorang murid itu berhenti sekolah daripada 12 tahun dahulu menjadi 15 tahun sekarang ini.

Dengan ini juga dapat kita menjamin sa-orang anak ini berhak mendapat pelajaran sa-kurang²-nya sembilan tahun. Kejayaan ini ada-lah merupakan satu kejayaan yang chemerlang dan dengan itu juga dapat kita meletakkan taraf kemajuan pelajaran di-negara kita ini di-peta Antarabangsa.

Sekarang saya chuba menjawab perkara² yang berkehendakkan jawapan. Pertama sa-kali ada satu atau dua orang Ahli tadi yang telah menyentuh berkenaan dengan peruntukan bagi pembangunan baru sekolah². Dengan sebab mengikut Anggaran Perbelanjaan ini ada sa-tengah² peruntukan yang ada bertanda. Tetapi, saya suka hendak menyebutkan di-sini mengikut apa yang telah di-tanda dalam buku itu dikatakan dalam bahasa Inggeris *suitable for foreign financing*. Bukan dia kata kita bergantung 100% daripada kewangan luar negeri. Dia kata *suitable for foreign financing*, ma'ana-nya jika sa-kira-nya kita telah berjaya mendapat pinjaman daripada luar negeri, maka

ini-lah item²-nya, perkara²-nya, yang harus akan mendapat pertolongan wang daripada luar negeri. Ini bukan berma'ana kalau kita tidak dapat bantuan daripada luar negeri maka ini tidak akan di-jalankan.

Banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan Kolej Islam. Oleh sebab itu rasa saya sangatlah molek bagi saya menjawab-nya sedikit sa-banyak. Saya suka mengumumkan bahawa majlis baru bagi mentadbirkan Kolej Islam itu telah pun di-lantek dan di-antara mereka yang akan berkhidmat sa-bagai ahli dalam Council atau Majlis Pentadbiran baru bagi Kolej Islam itu ia-lah termasuk Doktor Engku Omar, Doktor Rush dan Baba, Doktor Omar Din dan lain² lagi orang² yang ternama dalam bidang sains dan juga dalam bidang ilmu pelajaran ugama dan sa-bagainya. Oleh sebab itu saya perchaya dengan adanya mereka itu menduduki di-dalam Council baharu itu dan di-bantu pula dengan Jawatan-kuasa Syllabus yang sudah pun menjalankan tugas mereka itu telah beberapa lama dan di-sokong pula dengan Council yang baharu itu yang akan dapat memberi chadangan² yang baharu, saya perchaya tujuan dan hasrat Kerajaan ini untuk menjadikan College Islam itu sa-bagai Pusat Pelajaran Tinggi yang termashhor di-Tenggara Asia ini akan dapat di-jalankan.

Berkenaan dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok, apa-kah sebab-nya peruntukan bagi College Islam ini di-letakkan dibawah Special Expenditure. Jawab-nya senang sahaja, dengan sebab ini Special Institution kita letakkan dibawah Special Expenditure. Lain tahun barangkali kita masukkan dalam Budget yang biasa.

Dan banyak juga Ahli² Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ada chadangan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka patut mengadakan satu perchitakan-nya sendiri. Saya sendiri bersetuju di-atas shor ini dan baharu² ini, barangkali dalam sa-minggu lebih kurang, pihak Kementerian telah pun menyampaikan satu chek berharga

\$3 juta sa-bagai pinjaman yang tidak berfaedah atau pun free of interest loan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan boleh-lah pehak Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan wang itu untuk mengadakan satu press bagi mengeluarkan buku² dengan lebeh chepat lagi. Di-atas shor² yang telah di-sampaikan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya akan sampaikan pula kepada Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mereka itu bertindak sa-terus-nya.

Ada Ahli Yang Berhormat telah menchadangkan supaya pehak Dewan Bahasa dan Pustaka, sa-lain daripada mengeluarkan kamus dalam bahasa kebangsaan, patut juga mengadakan kamus dalam bahasa China ka-bahasa kebangsaan atau pun sa-balek-nya atau bahasa Tamil kepada bahasa kebangsaan atau sa-balek-nya. Saya sendiri bersetuju di-atas shor ini dan saya akan sampaikan pada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk timbangan mereka itu.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat telah menyebut berkenaan dengan istilah atau perkataan² yang bermacam² tetapi berma'ana-nya sa-macam—ma'ana-nya satu. Saya sendiri pun bersetuju juga dengan Yang Berhormat itu tetapi saya ingat ini pun ada baiknya juga kerana kalau lagi banyak perkataan untuk satu benda ini berma'ana-nya bahasa kita sa-makin kaya, macham bahasa Inggeris sa-kali pun ada juga banyak perkataan yang membawa ma'ana yang sa-macam yang kerap kali di-gunakan, tetapi sungguh pun begitu saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu kadang² ini boleh membawa salah faham kepada orang² yang baharu mempelajari bahasa kebangsaan dan saya akan sampaikan pendapat Ahli Yang Berhormat itu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Untuk penerangan sadikit, Tuan Pengerusi, tujuan saya meminta perkataan itu menjadi official—yang rasmi, yang tidak boleh di-ta'arifkan oleh orang² lain, lain perkataan. Jadi umpama-nya di-katakan bagi "caution" dalam bahasa Inggeris "Awat" dalam

bahasa Melayu—itu sahaja perkataan yang menjadi text Kerajaan—official. Itu tujuan saya yang sa-benar-nya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tetapi official itu pun boleh ada satu, dua, tidak sa-mesti-nya ada satu sahaja.

Sa-lain daripada itu banyak Ahli² Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan hal buku text. Saya telah pun berchakap dahulu atas buku text, saya ingat barangkali Ahli Yang Berhormat hendak chuti tentang hal textbook ini tetapi banyak juga nampak buku text ini satu subject yang sangat popular dan ada Ahli Yang Berhormat telah menchadangkan berkenaan dengan harga buku kita kurangkan sa-banyak 20% dan ada pula yang sa-tengah-nya sampai 80%, tetapi saya sangat gembira fasal tidak ada satu orang pun yang menchadangkan kita beri 100% free. Kalau ada chadangan macham itu saya chuma hendak jawab, macham saya pernah beri jawapan, sharat-nya semua budak² di-tukarkan nama binti atau pun bin mereka itu buboh bin Khir Johari atau binti Khir Johari, boleh beri free semua (*Ketawa*). Jadi sekarang ini kita telah memberi ruling ia-itu satu² buku text tidak boleh di-tukarkan melainkan sa-lepas tiga tahun dan kalau hendak tukar sa-belum daripada itu mesti-lah dapat kebenaran daripada Ketua Pegawai Pelajaran bagi negeri yang berkenaan.

Saya sendiri telah berfikir tentang hal ini oleh sebab barangkali di-sebabkan Ketua Pegawai Pelajaran, mereka itu tidak begitu hairan, saya barangkali berhajat, boleh jadi, saya tukarkan bukan sahaja untuk mendapat kebenaran daripada Ketua Pegawai Pelajaran Negeri bahkan untuk mendapat kebenaran daripada Menteri itu sendiri sa-belum dapat di-tukarkan buku² text dalam sekolah itu.

Ada juga chadangan supaya jangan tiga tahun, lima tahun—ikut juga Rancangan Lima Tahun kita pun tukar lima tahun. Tetapi kita suka hendak memberi tahu Ahli Yang Berhormat itu, ini rancangan lima tahun tidak boleh kita bandingkan dengan buku ini kerana apa, macham buku

science umpama-nya, kalau kita tetapkan lima tahun barangkali lepas dua tahun sudah out of date—sudah lapok pelajaran science ini. Kerana apa, pelajaran science ini memang di-ulang kaji sa-tiap² masa. Jadi ada technic² yang baharu yang terpaksa kita membaharukan buku itu untuk menyesuaikan dengan keadaan yang berlaku pada satu² masa, tetapi saya bersetuju buku² saperti Tawarikh atau pun Ilmu Alam dan sa-bagai-nya, maka patut kita tetapkan tarikh-nya yang lebih panjang lagi.

Ada sa-tengah² Ahli Yang Berhormat telah berchakap berkenaan dengan asrama pusat, atau centralised hostel—ini satu project yang baharu di-buat. Saya perchaya project ini akan dapat sambutan yang lebih baik lagi daripada masa yang dahulu kerana saya perchaya dengan ada-nya centralised hostel ini maka dapat kita menjimatkan wang dan juga dapat kita mengumpulkan lebih banyak lagi murid² yang berkehendakkan tempat dudok di-dalam asrama² tersebut.

Satu lagi perkara yang telah disebutkan berkenaan dengan rumah² guru di-luar bandar, saya bersetuju dengan apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan ada sa-tengah² rumah guru yang telah di-bena oleh Kementerian yang kosong dan saya telah pun membuat keputusan dalam enam bulan dahulu ia-itu tidak kita akan bena bangunan rumah² guru baharu melainkan kita berpuas hati bahawa rumah² guru yang di-bena itu akan di-dudoki oleh guru² yang berkenaan.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Melaka Selatan telah membawa satu perkara bersangkutan dengan sa-orang pelajar Melayu yang bernama Mat Riffin daripada Chung Hua School, Sungai Rambai, di-Melaka yang telah dapat peluang pergi belajar di-Cheng Chi Universiti di-Taipeh. Sa-benar-nya saya sendiri apabila membacha akhbar berkenaan dengan berita itu saya telah meminta sa-orang pegawai menulis surat kepada Guru Besar Sekolah Chung Hua bertanyakan kepada dia, ada-kah budak itu berkehendakkan bantuan

atau pun pertolongan daripada pehak Kementerian. Jika dia berkehendakkan bantuan, saya minta budak itu sendiri menulis surat kepada saya, tetapi malang-nya sa-lama ini belum lagi mendapat surat dan saya beri jaminan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Melaka Selatan, jika surat itu sampai kepada saya, saya akan beri scholarship kepada budak itu. (*Tepok*). Untuk pengetahuan Yang Berhormat bukan sahaja kali ini yang saya sendiri berusaha-lah untuk menghantar anak² Melayu terutama sa-kali belajar di-Taiwan, ada banyak terdahulu daripada ini yang telah menerima biasiswa, ada sa-tengah² itu kalau tidak dapat wang daripada lain tempat, wang pocket saya sendiri pun saya keluarkan kerana saya suka melihat anak² kita pergi belajar, di-luar negeri terutama sa-kali mempelajari bahasa China kerana keuntungan yang besar apabila mereka balek ka-tanah ayer kita sendiri.

Lain², saya ingat, tidak payah-lah menjawab chuma Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Utara telah menyebut untuk University College di-Pulau Pinang. Beliau bertanya, apakah sebab-nya tidak ada peruntukan walau pun Token Vote untuk pembenaan University College di-Penang itu. Saya suka menerangkan di-sini bahawa pehak Jawatan-kuasa Pelajaran Tinggi belum lagi mengeluarkan penyata-nya tetapi sunggoh pun bagitu sa-bagai Pengerusi Jawatan-kuasa itu saya boleh menerangkan bahawa memang ada recommendation yang tertentu berkenaan dengan pembenaan University College di-Pulau Pinang itu dan boleh-lah di-anggap bahawa perkara itu sudah ada di-dalam tangan, mesti berjaya.

Dan pehak Jawatan-kuasa University College di-Pulau Pinang telah menulis surat kepada saya mengeshorkan supaya di-adakan kelas² permulaan dalam bulan Mei tahun 1967 ini. Tetapi saya sendiri berpendapat, kalau kita hendak mula satu benda biar-lah lambat asalkan selamat, oleh kerana itu saya telah mengeshorkan bahawa kita patut mulakan kelas² tersebut di-dalam tahun 1968. Jadi boleh-lah Ahli Yang Berhormat daripada Pulau

Pinang Utara beri tahu kepada orang Pulau Pinang tunggu-lah sa-kejap sahaja tahun 1968 kita akan adakan University College itu di-Pulau Pinang.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Utara juga telah menyebutkan berkenaan dengan instrument of management bagi sekolah², dia minta untuk kesenangan kepada sekolah² China, khas-nya, dengan sebab instrument of management itu dikeluarkan sudah begitu lama chuma dalam bahasa Inggeris sahaja. Jadi, kita sudah pun menterjemahkan dalam bahasa kebangsaan, dia minta kita terjemahkan dalam bahasa China supaya Guru² Besar sekolah² China ta' bermain dengan instrument of management itu. Saya bersetuju dengan-nya dan saya akan ambil tindakan bagi menterjemahkan ka-dalam bahasa China.

Dan berkenaan dengan apa yang di-sebutkan ia-itu ada perkara² yang tidak puas hati yang berlaku di-dalam Lembaga² Sekolah. Saya bersetuju juga tetapi bukan semua board—bukan-lah semua Lembaga—saya tahu macham Sekolah² China banyak berlaku *song-lap*—perkara² yang tidak baik, tetapi saya kata kalau saya sendiri hendak menjaga sekolah itu tentu-lah lebih baik saya tidak adakan board itu. Dengan sebab itu-lah untuk merengankan pegawai² dalam Kementerian dan saya sendiri kita adakan Lembaga² Sekolah. Kalau Lembaga² Sekolah itu tidak boleh hendak menjaga sa-orang Guru Besar macham mana dia hendak jaga sa-buah negara kita? Jadi dia sendiri kena-lah ambil tahu, ada-kah Guru Besar itu menjalankan tugas-nya dengan baik fasal petty cash-kah, atau pun fasal menukar buku² text ini semua. Kalau dia sendiri tidak dapat jaga, macham mana pegawai² dalam Kementerian saya hendak menjaga tiap² buah sekolah? Dengan sebab itu, saya berpendapat patut di-ulang kaji untuk di-reviewkan pula berkenaan dengan kuasa² Lembaga² Sekolah. Dan ini sudah pun di-buat dan saya akan umumkan keputusan review itu berkenaan dengan Board of Management tidak berapa lama lagi.

Satu lagi perkara yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pulau

Pinang Utara berkenaan dengan Chung Ling High School. Saya suka memberi tahu ia-itu sekolah itu terlampau besar sekarang ini, kalau dia hendak buat satu bangunan—satu bangunan tambahan baharu kepada Chung Ling High School, kena-lah mereka itu chari tapak bangunan yang lain, supaya dengan jalan itu dapat-lah pehak Kementerian memberi sokongan bagi mendirikan sekolah tambahan kepada Sekolah Chung Ling High School itu.

Kemudian Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada bawa juga fasal Committee mengkaji—review policy kita. Kita sudah kata ta' usah review-lah, sudah chukup bagus, dia suroh review juga, saya telah jawab itu hari kalau kita banyak sangat tukang masak nanti lingkup sup² itu, dia kata sudah lingkup sup itu. Kalau sudah lingkup, apa hendak bagi lingkup lagi dengan U.D.P. hendak masuk sama. Jadi saya kata ta' usah-lah bagi jahanam, rosak langsung sup itu, biar-lah saya sa-orang menjadi tukang masak, saya pun ada dapat kelulusan berkenaan dengan perkara ini. Dan dia telah sebutkan juga berkenaan dengan medium of examination.

Berkenaan dengan medium of examination, ini saya suka sebutkan, bagaimana dasar yang kita jalankan sekarang ini kalau dia masuk dalam Sekolah Rendah China, kalau pepereksaan mesti-lah dalam bahasa China. Kita tidak suroh satu budak masuk sekolah China kita menuntut dia—paksa dia—mengambil pepereksaan dalam bahasa Inggeris atau pun bahasa kebangsaan, tidak begitu. Dalam sekolah rendah kalau dia ambil—mengajar dalam bahasa China dia ambil pepereksaan dalam bahasa China. Sekolah Menengah chuma ada dua pilihan bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan itu tidak boleh tolak ansor tentang hal ini.

Berkenaan dengan galakan yang kita patut beri kepada sekolah² private. Memang dasar Kerajaan kita tidak ada halangan bagi siapa untuk membuat sekolah² private, tetapi kita berkehendakkan sekolah² itu mesti-lah menjalankan segala syarat² yang tertentu

yang di-tentukan oleh pihak Kementerian. Dan untuk pengetahuan Dewan ini, baharu² ini saya telah meluluskan satu permintaan daripada sekolah private ia-itu Chong Hua High School, Seremban, yang telah meminta kita luluskan supaya dia hendak menjalankan Tingkatan VI di-sekolah-nya, saya telah pun menyampaikan kelulusan supaya sekolah itu dapat mengadakan Form VI mulai daripada bulan April tahun 1967 ini.

Yang lain²—saya ingat oleh sebab Ahli Yang Berhormat dari Batu tidak ada di-sini, biar-lah saya tidak usah jawab kepada dia, chuma satu perkara sahaja saya hendak jawabkan kepada dia, dia degil juga saya kata itu hari fasal pihak Jabatan Perdana Menteri ta' buat *vetting* berkenaan dengan Pensharah² tempatan yang hendak masuk ka-Universiti. Dia kata ada, saya kata tidak ada, dia kata ada. Jadi, sampai bila pun kita tidak boleh putusken benda ini melainkan saya perchaya Dewan ini akan perchaya lebeh kepada saya daripada Ahli Yang Berhormat itu, dan pihak Jabatan Perdana Menteri telah pun bagi tahu kepada saya, tidak ada arahan daripada mereka itu untuk mengadakan *vetting* kepada Pensharah² tempatan yang hendak masuk ka-Universiti of Malaya. Yang lain² saya ingat chukup-lah dengan sebab masa tidak chukup, saya ucapkan berbanyak terima kasih lagi sekali dan saya harap kepada tuan² semua akan memberi kerjasama kepada saya bagi menjalankan tugas yang penting dalam pelajaran, terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sedikit saya hendak bertanya dengan izin tuan, ia-itu saya tidak dengar penerangan berkenaan dengan Islamic Studies di-Universiti of Malaya, boleh jadi saya terlewat datang atau pun sengaja tidak dijawab.

Tuan Mohamed Khir bin Johari: Itu terlewat datang-lah, sebab tadi saya telah kata ada perkara² yang saya tidak payah jawab oleh kerana berkehendakkan penyelidekan lebeh dalam lagi. Jadi harap Ahli Yang

Berhormat datang awal sedikit-lah lain kali (*Ketawa*):

Question put, and agreed to.

The sum of \$85,000,000 for Head 122 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

Head 123—

The Parliamentary Secretary to the Minister of Health (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Kesihatan di-bawah Kepala 123—Perubatan dan Kesihatan, Malaysia.

Anggaran Perbelanjaan dalam tahun 1967 berjumlah \$48,652,340. Dari jumlah ini \$38,004,548 ia-lah untuk Malaysia Barat, \$3,317,000 bagi Sabah dan \$7,320,712 bagi Sarawak.

Ahli² Yang Berhormat maseh ingat kenyataan penoh yang telah di-buat di-Dewan ini sedikit masa dahulu mengenai chara² bagaimana Kementerian Kesihatan menjalankan dasar² tetap Kerajaan Perikatan bagi meluaskan dan memperbaiki perkhidmatan² perubatan dan kesihatan, lebeh² lagi di-kawasan² luar bandar. Peruntokan di-bawah Kepala 123 Anggaran Perbelanjaan, tahun 1967 menunjukkan keperluan² bagi tahun 1967, untuk membena satu Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang lebeh luas dan berma'ana bagi negara kita ini seluruhnya. Saya sedar ia-itu perjalanan-nya mungkin nampak-nya lambat, lebeh² lagi apabila memandang banyak lagi ranchangan yang patut di-jalankan. Bagaimana pun ranchangan pembangunan terpaksa di-sambungkan dengan keadaan kakitangan² yang terlateh yang ada masa sekarang terdiri daripada segala kategori² untuk berkhidmat dan juga dengan keadaan kewangan yang ada pada kita pada masa sekarang, dari segi perbelanjaan permulaan dan perbelanjaan yang berulang².

Jumlah peruntokan bagi tahun 1967 bagi Malaysia Barat di-bawah Kepala

123, Pechahan-kepala 1 sampai 13 ialah \$38,014,548. Peruntukan ini dijangka akan di-belanjakan pada tahun ini.

Setor Perubatan dan Ma'amal Kerajaan di-Petaling Jaya di-bawah Pechahan-kepala 1, sekarang mengeluarkan tiap² tahun 249 juta ubat biji², satu juta "ampul" ia-itu ubat suntekan champoran daripada segala jenis, 237,000 botol (500 c.c. tiap² satu botol) "perfusion fluids" sa-lain daripada banyak ubat² yang biasa di-gunakan di-Rumah² Sakit kita. Peruntukan sabanyak \$10,000 dalam Anggaran Perbelanjaan ini ia-lah bagi membeli kelengkapan² yang lain. Ada-lah di-chadangkan sa-chara beransor² memusatkan semua pengeluaran ubat suntak ka-Ma'amal² Kimia Ubat dan bukan lagi di-Pusat Penyelidikan Perubatan.

Kebanyakan daripada peruntukan yang berjumlah \$438,637 di-bawah Pechahan-kepala 2 akan di-gunakan untuk memenohi perbelanjaan projek² yang telah siap. Ranchangan² pembenaan ini termasuk tempat kediaman dan kemudahan² bagi Jururawat² pelateh dan Pembantu² Jururawat yang di-dalam latehan di-Rumah Sakit Otak, Tampoi dan Penempatan Penyakit Kusta, Sungei Buloh.

Melalui Pusat² Kesihatan, Pusat² Kesihatan Kechil dan Klinik² Bidan, langkah² positif untuk mengadakan satu keadaan kesihatan perkelilingan yang sehat maseh berjalan dan bergerak maju. Dalam tahun 1966, 13 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 21 buah Klinik Bidan di-bena. 5 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 2 buah Klinik Bidan lagi sedang di-bena. Untuk tahun 1967, jumlah peruntukan ia-lah \$3,310,000 di-bawah Pechahan-kepala 3 (i) dan (ii) ia-itu perbelanjaan bagi membena 18 buah Pusat Kesihatan dan 108 Klinik Bidan. Satu lagi peruntukan sa-banyak \$130,000 telah di-buat di-bawah Pechahan-kepala 3 (iii) untuk pembenaan sa-buah Klinik Ibu² Mengandung dan Kanak² di-Mentakab dan sa-buah dispensari orang-sakit-luar di-Perak Road, Pulau Pinang.

Banyak lagi usaha² yang patut di-buat untuk rawatan orang² sakit di-Rumah Sakit. Bagaimana pun kemudahan² bagi rawatan orang² sakit maseh bertambah baik disamping memperluaskan hampir² semua Rumah² Sakit di-negeri ini. Usaha² ini termasuk 19 projek² yang telah di-siapkan dalam tahun 1966—dari wad² baharu, membesarkan dan membaharu² wad²-nya yang sekarang, memperbaiki perbekalan ayer di-Rumah² Sakit dan jamban² terek, sa-buah jabatan orang-sakit-luar yang baharu, bilek² belah yang baharu, dapor² rumah sakit dan perkhidmatan dobi. Lagi 10 projek untuk merawat orang² sakit dengan chara yang lebeh baik lagi di-Rumah² Sakit ada-lah dalam pembenaan. Dalam tahun 1967, pekerjaan pembenaan 20 lagi projek akan bermula dan peruntukan sabanyak \$2,500,000 telah di-buat di-bawah Pechahan-kepala 4 untuk tujuan ini. Masa tidak mengizinkan bagi saya menyebutkan satu persatu Rumah² Sakit dan projek² yang tertentu, tetapi saya memberi akuan kepada Ahli² Yang Berhormat bahawa tiap² permohonan akan menerima perhatian sewajar-nya untuk memperbaiki mana² yang penting, mengikut keutamaan dan peruntukan kewangan yang ditentukan bagi Kementerian saya.

Rumah² Sakit baharu di-Kuala Lumpur dan di-Seremban ada-lah sedang di-bena dan kemajuan yang telah di-chapai ada-lah memuaskan. Peruntukan sa-banyak \$10,000,000 di-bawah Pechahan-kepala 5 (i) dan \$8,500,000 di-bawah Kepala 5 (ii) ia-lah untuk pembayaran² mengikut kemajuan pembenaan. Rumah Sakit Latehan di-Petaling Jaya tidak lama lagi akan menerima orang² sakit dengan ada-nya tambahan rumah sakit moden ini di-Kuala Lumpur tidak shak lagi akan mengurangkan keadaan penoh sesak dan perasaan serba kekurangan yang biasa di-dapati di-Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur. Peruntukan sa-banyak \$11,500,000 di-bawah Pechahan-kepala 5 (iv) ia-lah pembayaran² mengikut kemajuan bagi kelengkapan dan kerja pembenaan.

Rumah Sakit Luar Bandar di-Changkat Melintang akan mula di-bena pada tahun ini dan peruntokan sa-banyak \$10,000 di-bawah *Pechahan-kepala* 5 (vi) ia-lah untuk perbelanjaan permulaan sahaja.

Rumah² Sakit baharu di-Dungun dan Tanjong Karang telah siap dan telah pun menjalankan tugas. Peruntokan di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini ia-lah untuk pekerjaan² yang hendak di-habiskan dan membeli kelengkapan². Kementerian saya berchadang membena banyak lagi Rumah² Sakit baharu, tetapi oleh kerana keadaan kewangan yang terhad untuk Perbelanjaan Permulaan dan Berulang-ulang dan juga kerana masaalah mendapatkan kakitangan² yang terlatah dan berkelelahan maka chadangan² itu tak dapat di-teruskan.

Penyakit batok kering yang di-anggap sa-bagai satu masaalah kesihatan umum yang penting sekarang sedang di-basmikan di-bawah Rancangan Kebangsaan Mengawal Penyakit Batok kering dengan chara terator melalui kelinik² dan pusat² kawalan yang berselerak di-negeri kita ini. Peruntokan sa-banyak \$500,000 di-bawah *Pechahan-kepala* 6 ia-lah untuk menyatukan lagi kemudahan² di-kelinik² ini.

Sekarang terdapat lebeh daripada 322 kelinik perigian ada memberi perkhidmatan, dan tanggungan perkhidmatan ini ada-lah makin bertambah, lebeh² lagi daripada kumpulan kanak² yang belum bersekolah dan kanak² yang bersekolah. Dalam tahun 1960 kedatangan-nya ia-lah 635,140 dibandingkan dengan 1,032,040 sekarang. Peruntokan sa-banyak \$150,000 di-bawah *Pechahan-kepala* 7 ia-lah bagi meluaskan perkhidmatan perigian di-Kulim, Melaka, Kuala Trengganu dan Jerteh.

Dengan chara yang sama juga, satu ranchangan menghapuskan Penyakit Kusta yang menjadi masaalah kesihatan umum dan masharakat sedang di-lancharkan. Peruntokan sa-banyak \$112,500 di-bawah *Pechahan-kepala* 9 ia-lah untuk mendirikan Pusat Kawalan Kebangsaan di-Sungei Buloh.

Walau pun saya tidak membawa pandangan kapada aspek² Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang lain di-Malaysia Barat, tetapi saya suka memberi pengakuan kapada Ahli² Yang Berhormat bahawa perhatian akan di-berikan kapada semua aspek kesihatan dalam had² peruntokan kewangan yang di-tentukan bagi Kementerian ini.

Di-negeri Sabah ada peruntokan berjumlah \$3,317,000 di-bawah *Kepala* 123. *Pechahan-kepala* 31 sampai 39. Di-sini kerja² akan di-tumpukan untuk memperluas dan memperbaiki ranchangan² kesihatan bagi ra'ayat untuk menchehah penyakit².

Kawalan Penyakit T. B. di-Negeri Sabah, kempen mengawal penyakit Tibi telah sampai kapada perengkat seluruh Negeri dan peruntokan sa-banyak \$40,000 di-bawah *Pechahan-kepala* 31 ia-lah untuk kelengkapan² yang perlu berikut dengan usaha² yang telah di-jalankan dan untuk rawatan² orang-sakit-luar di-kawasan² luar bandar.

Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Di-bawah Rancangan Kesihatan Luar Bandar:

- (1) *Dispensari² Luar Bandar* di-Kuala Penyu dan Kiulu telah siap. Tiap² Dispensari Luar Bandar akan di-sediakan dengan 12 buah katil bagi orang² sakit dan di-jaga oleh 2 orang Pembantu Rumah Sakit, sa-orang Pembantu Laki² Kesihatan Luar Bandar dan sa-orang Jururawat Kesihatan Luar Bandar. Dalam tahun 1967 peruntokan sa-banyak \$350,000 di-bawah *Pechahan-kepala* 32 (iv) ia-lah untuk dispensari² luar bandar di-Sungei Bungai di-Daerah Sugut, di-Bandau, di-Selatan Telok Marudu, di-Daerah Kudat dan di-Sepulot di-Interior Residency.
- (2) *Pusat² Kechil Kesihatan Kumpulan Kampong* di-Indarasan dan Pimping di-Daerah Kudat telah siap. Pusat² Kechil Kumpulan kampong ini merupakan bangunan kelinik dan perumahan

bagi sa-orang Jururawat Kesihatan Luar Bandar, dan sa-orang Pembantu Laki², Kesihatan Luar Bandar. Pusat² Kechil saperti ini akan di-adakan di-sa-kurang²-nya 20 Daerah dalam tahun 1967. Tiap² kumpulan pusat kechil ini memberi layanan kapada lebeh kurang 2,000 penduduk² luar bandar. Peruntokan sa-banyak \$250,000 untuk Pusat Kechil ini di-buat di-bawah Pechahan-kepala 32 (iii).

Pusat Orang-Sakit-Luar Daerah Kudat telah juga siap. Dalam tahun 1967 di-bawah Pechahan-kepala 32 (i) sampai (iv) wang akan di-adakan bagi meluaskan dan memperbaiki pusat pergigian di-Jesselton dan juga bagi menyiapkan Pusat Kesihatan Daerah Kudat.

Tawaran² telah di-keluarkan bagi pembenaan sa-buah Rumah Sakit Kechil (Cottage Hospital) baharu mengandongi 70 buah katil di-Sempurna. Kemajuan yang memuaskan di-jangka terchapai pada tahun ini dan di-anggarkan bahawa Rumah Sakit ini akan menjalankan tugas-nya dengan penoh dalam tahun 1968. Rumah² bagi kakitangan² Rumah Sakit ini sedang di-bena dan peruntokan sa-banyak \$30,000 di-bawah Pechahan-kepala 33 (1) ia-lah untuk perbelanjaan ini dalam tahun 1967.

Bagi permulaan dalam tahun ini di-jangka akan di-bena sa-buah Rumah Sakit Kechil di-Ranau dan kerana itu peruntokan sa-banyak \$100,000 telah di-buat di-bawah Pechahan-kepala 33 (iv). Ini merupakan sa-buah rumah sakit bagi sa-orang doktor serta bangunan² lain yang mustahak supaya perkhidmatan sa-orang doktor akan dapat di-adakan sa-belum rumah sakit baharu itu siap.

Rumah Sakit baharu di-Tawau kechuali sa-tengkat rumah² kakitangan hampir siap dan akan di-buka pada awal tahun 1967. Peringkat ini ia-lah bagi 290 buah katil dan termasuklah sa-buah Jabatan Pergigian yang besar dan moden. Peruntokan sa-banyak \$1,000,000 di-bawah Pechahan-kepala 34 (i) ia-lah untuk pembayaran² kerja²

yang telah di-buat dalam tahun 1967. Ini ia-lah projek yang terbesar sa-kali di-negeri Sabah untuk memberi kemudahan² yang lebeh baik bagi faedah orang² sakit.

Jabatan Orang-Sakit-Luar dan Ma'amal dan Pusat Pergigian yang baharu di-Jesselton di-jangka akan siap pada tahun ini. Ini akan meluaskan lagi kemudahan² yang terdapat sekarang bagi rawatan orang sakit dengan chara yang lebeh baik. Perubahan² kechil untuk memperbaiki lagi rumah² sakit di-satengah² tempat akan di-jalankan dan kerana itu peruntokan sa-banyak \$200,000 di-sediakan di-bawah Pechahan-kepala 37.

Sa-buah asrama bagi sekolah Latehan Jururawat² dan Setor Pusat Perubatan akan di-bena di-Jesselton. Peruntokan² sa-banyak \$150,000 dan \$232,000 masing² telah di-sediakan dalam tahun 1967 di-bawah Pechahan²-kepala 36 dan 38 untuk bangunan² ini. Dengan ada-nya kemajuan pembenaan jalan raya, maka peluang untuk menggunakan dispensari² berkereta akan bertambah dan peruntokan sa-banyak \$85,000 kerana ini telah di-buat di-bawah Pechahan-kepala 39.

Bagi Negeri Sarawak peruntokan sa-jumlah \$7,320,792 telah di-sediakan di-bawah Kepala 123, Pechahan²-kepala 51 sampai 66 anggaran perbelanjaan tahun 1967.

Tugas yang terbesar sa-kali dalam memperbaiki keadaan kesihatan di-Negeri Sarawak ia-lah untuk menche-gah penyakit malaria, mengawal penyakit batok kering sa-bagai satu masalah kesihatan umum, memperbaiki kesihatan luar bandar dan memperbaiki perkhidmatan pergigian di-sekolah².

Rancangan Menche-gah Penyakit Malaria dengan bantuan Pertubohan Kesihatan sa-Dunia dan Kumpulan Wang Pendidekan Kanak² Antara Bangsa, Bangsa² Bersatu, telah bergerak dengan maju-nya pada tahun lepas walau pun terdapat kehindaran dengan kemasokan pembawa² penjangkit dari sa-belah sempadan, menepatkan samula penduduk² dari daerah² sempadan, pembukaan jalan² baharu dan

daerah² memotong kayu serta ranchangan² pembangunan malaria telah di-hapuskan dalam lebeh kurang 1/3 daripada Negeri itu dan di-1/3 yang lain itu angka kejadian² ada-lah sangat kurang. Di-daerah² yang lain di-mana penyakit ini maseh ada disebabkan oleh kemasokan-nya dari Daerah Kalimantan yang berdekatan. Kakitangan² projek² ini telah mengambil langkah² yang perlu untuk menchegeh dan mengawal keadaan ini. Pada penghujung tahun 1967, projek ini, di-bawah *Pechahan-kepala* 51, akan di-satukan ka-dalam perkhidmatan menchegeh yang biasa Jabatan Kesihatan.

Ranchangan memperbaiki kesihatan luar bandar telah bermula dalam tahun 1963 dengan melateh enam Penyelia Kesihatan luar bandar. Hingga hari ini 33 Penyelia telah di-lateh. Untuk menambah bilangan pelateh², sekolah latehan yang ada sekarang di-Tarat akan di-perbesarkan dalam tahun 1967 di-mana peruntokan sa-banyak \$189,918 telah di-sediakan di-bawah *Pechahan-kepala* 53.

Dua buah pusat pergigian telah ditubuhkan di-Simanggang dan Limbang dalam tahun 1966. Usaha² membena sa-buah lagi pusat pergigian di-Sibu sedang berjalan. Pada masa sekarang terdapat 17 buah kelinik pergigian sekolah. Dalam tahun 1966, empat lagi jururawat² gigi telah pulang sa-telah tamat latehan di-Sekolah Latehan Pergigian, Pulau Pinang. Pada masa sekarang 19 lagi jururawat sedang menjalani latehan di-Pulau Pinang. Kebanyakan daripada peruntokan dalam tahun 1967 yang berjumlah \$142,696 di-bawah *Pechahan-kepala* 54 ia-lah bagi menyiapkan Kelinik Pergigian di-Sibu.

Rumah² sakit baharu di-Lundu dan Marudi telah pun siap dan sudah pun menjalankan tugas-nya. Tender untuk membena dua lagi rumah sakit yang sa-suatu-nya mengandongi 25 buah katil telah pun di-keluarkan dan pekerjaan di-jangka akan siap dalam tahun ini. Di-samping itu, enam dispensari tetap dan dua dispensari berkereta telah di-sediakan. Tender untuk membena dua buah lagi dispensari² tetap

telah di-keluarkan. Peruntokan kerana pekerjaan ini dalam tahun 1967 ada-lah sa-banyak \$753,130 di-bawah *Pechahan-kepala* 55.

Butir utama di-dalam Ranchangan Pembangunan di-Negeri Sarawak ia-lah pembenaan sa-buah Rumah Sakit Umum di-Kuching. Usaha² membena sedang berjalan dan kemajuan-nya ada-lah memuaskan. Peringkat pertama projek ini di-jangka akan siap pada penghujung tahun 1968. Anggaran Perbelanjaan untuk pembayaran² mengikut kemajuan pekerjaan dalam tahun 1967 di-anggar berjumlah \$5,621,233 di-bawah *Pechahan-kepala* 57.

Baki daripada *Pechahan-kepala* yang ada ia-lah bagi perojek² yang di-utamakan bagi memperbaiki keadaan umum kesihatan ra'ayat jelata terutama sa-kali, di-kawasan² luar bandar. Sa-buah Setor Perubatan yang baharu telah di-ranchangkan bagi Bahagian Ketiga. Setor ini kelak akan membekalkan ubat² dan kelengkapan² bagi kesemua dispensari² luar bandar dan dispensari² berkereta dalam Bahagian itu. Ini sedang di-satukan dengan kilang *salt idozation plant*, ia-itu sa-jenis ubat yang menjaga sa-orang itu daripada penyakit bengkak leher yang baru telah pun di-buat untuk menggantikan yang ada sekarang yang di-tempatkan di-sa-buah gudang beras yang lama.

Di-bawah *Pechahan-kepala* 59 dan 61, peruntokan telah di-buat untuk perbelanjaan ini dalam tahun 1967, dan di-bawah *Pechahan-kepala* 56 sa-buah yunit kesihatan otak ada di-ranchangkan di-Sibu.

Ahli² Yang Berhormat, Ranchangan Pembangunan bagi Kementerian Kesihatan untuk tahun 1967 yang berjumlah \$48,652,340 ada-lah sangat sederhana. Bagaimana pun, ini ada-lah lebeh realistik dan menasabah, lebeh² lagi pada masa sekarang di-mana perhatian berat ada-lah di-tumpukan untuk berjimat chermat.

Tuan Yang di-Pertua, saya shorkan ia-itu peruntokan sa-banyak \$48,652,340 di-bawah *Kepala* 123 dalam Anggaran

Perbelanjaan, 1967 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Pengerusi, suka saya berchakap Head 123—Kementerian Kesihatan ia-itu Sub-head 5, Rumah² Sakit di-luar bandar. Di-sini saya meng-ucapkan terima kaseh kepada Kementerian Kesihatan yang telah meng-untukkan sa-banyak \$10,000 untuk memulakan rancangan hendak membena sa-buah rumah sakit luar bandar di-Changkat Melintang Perak. Apa yang saya hendak chakapkan di-sini ia-lah Changkat Melintang baru² ini masa banjir ayer bah, tidak kena karam. Jadi, tempat yang telah di-pilih di-Changkat Melintang ia-lah sesuai bagi sa-buah rumah sakit di-luar bandar di-antara kawasan Parit dan Hilir Perak. Tetapi, apabila saya lihat sa-banyak \$10,000 sahaja untuk permulaan dan jangka perbelanjaan hendak membena sa-buah rumah sakit di-kawasan itu lebeh kurang \$2 juta. Maka saya hendak tahu ada-kah \$10,000 ini permulaan tahun ini sahaja untuk hendak meratakan tanah di-situ atau pun ini sa-mata² untuk saya jangan berchakap supaya memberi puas hati kepada saya sahaja. Bagaimana pun saya berharap hendak beri tahu, Tuan Pengerusi, ia-itu rumah sakit Changkat Melintang itu telah beberapa kali saya bangkitkan dan juga di-sini bukan-lah 40,000 penduduk orang Melayu bahkan sa-banyak 100,000 penduduk orang Melayu di-kawasan ini. Di-sini baru² ini banyak juga penduduk di-luar daripada kawasan ini telah datang ka-kawasan ini kerana ia-itu kerana Trans-Perak Irrigation Scheme telah di-buka di-stage 4. Jadi, saya berharap benar² Kementerian ini bersungguh² hendak membena rumah sakit Changkat Melintang ini.

Perkara yang kedua, ia-itu saya hendak berchakap berkenaan dengan Rural Health Service, atau Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Apa yang saya hendak chakap di-sini, di-dalam kawasan saya banyak juga Pusat² Kesihatan telah di-dirikan, tetapi apa yang saya hendak chakap di-sini ia-lah masa hendak meranchangkan sa-

sa-buah Pusat Kesihatan hendak-lah di-hati²kan ia-itu memilih tempat-nya. Satu tempat yang telah saya berasa dukachita ia-lah tempat yang di-adakan Pusat Kesihatan di-Lambor Kiri ia-itu telah memakan belanja beribu² ringgit tetapi, Pusat ini, saya dapat tahu, sudah tujuh kali tenggelam oleh ayer, apabila Sungei Perak naik ayer-nya. Jadi, di-sini-lah kita nampak kalau kita hendak meranchangkan Pusat Kesihatan mahu-lah kita, Kementerian ini, menyiasat dahulu tempat² yang sesuai bagi sa-buah Pusat Kesihatan, jangan-lah sa-mata² kita hendak buat Pusat Kesihatan yang tidak dapat di-gunakan dan untuk memperbelanjakan kerana membaiki-nya apabila kena ayer bah sa-macam yang telah lalu. Jadi, hendak ubah Pusat Kesihatan ka-tempat lain saya ta' nampak ia-itu satu chadangan munasabah, tetapi saya ingat masa yang akan datang berhati²-lah memilih tempat hendak buat Pusat Kesihatan.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun terlebih dahulu memberi sokongan penoh di-atas Anggaran Pembangunan yang di-bentangkan oleh Menteri Kesihatan dan, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap hanya satu perkara sahaja ia-itu muka 23 berkenaan dengan hospital² baru.

Tuan Pengerusi, yang saya hendak chakap di-sini ia-lah Pechahan-kepala 58 ia-itu berkenaan dengan Hospital Daerah Kulim. Tuan Pengerusi, sejak tahun 1959 lagi perkara Hospital Kulim ini saya telah berchakap dalam Dewan yang lama dahulu sa-hingga sekarang ini terutama sa-kali ia-lah berkenaan dengan kedudukan-nya Hospital Daerah Kulim ini, Tuan Pengerusi, ia-lah sangat² tinggi ia-itu 100 anak tangga lebeh. Maka ini-lah yang menjadi kesan sangat terutama sa-kali kepada orang² sakit terok apabila orang² yang sakit terok hendak masok hospital itu terpaksa-lah kaki-tangan hospital ini membawa dengan menjalani 100 lebeh anak tangga itu dan kadang² sa-belum sampai ka-ward di-tempat di-bawa orang sakit ini mati di-tengah jalan sahaja. (Ketawa). Tuan

Pengerusi, maka dengan berkat selalunya saya berchakap di-dalam Dewan ini sejak tahun 1959 lagi, maka pada fikiran saya lebeh kurang tahun 1964 ada-lah telah di-anggarkan, telah dimasukkan di-dalam perbelanjaan ini sa-banyak \$12 juta.

Tetapi, Tuan Pengerusi, dalam tahun 1966 Anggaran Perbelanjaan ini chuma di-luchutkan, di-tinggalkan \$10 sahaja, bagitu juga dalam tahun ini di-tinggalkan \$10 sahaja, dan saya tengok di-dalam buku ini ia-lah sa-lepas tahun 1970. Baharu² ini, Tuan Pengerusi, kalau ta' salah saya di-dalam tahun 1966 dalam pertengahan tahun, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah pergi melawat Hospital Kulim, dan banyak-lah Wakil² Ra'ayat, termasuk saya sendiri yang bersama², maka pehak Yang Berhormat Menteri telah sanggup ia-itu tidak-lah dapat hendak menjalankan, hendak buat hospital baharu yang jauh-nya 2 batu lebeh kurang daripada hospital lama, kerana perbelanjaan-nya sa-banyak \$12 juta terlampau-lah banyak kata beliau itu, tetapi beliau sanggup hendak buat jalan di-hospital lama itu supaya dapat di-naiki dengan motokar² terus ka-ward² yang di-atas bukit itu dan juga hendak benakan dua buah bangunan yang bertingkat², barangkali dua tiga tingkat ia-itu dua buah bangunan hendak di-jadikan ward² baharu supaya chukup katil tempat tidor di-dalam ward hospital itu, tetapi itu-lah, Tuan Pengerusi, apabila saya tengok dan saya pandang ia-itu Anggaran Pembangunan yang di-bentangkan di-dalam Buku Pembangunan ini, maka di-dapati dalam tahun 1967 ini chuma di-tandakan sahaja ia-itu ada \$10 dan di-simpan sahaja ia-itu anggaran \$11,930,000 ini sa-lepas tahun 1970.

Jadi, itu-lah, Tuan Pengerusi, saya harap-lah dan merayu-lah kepada Menteri ini supaya dapat di-segerakan Hospital Daerah Kulim itu.

Tuan Pengerusi, Hospital Daerah Kulim ini bukan-lah sa-mata² di-gunakan bagi orang² sakit dan orang² yang hendak masuk dari daerah² Kulim sahaja, bahkan hospital ini boleh dikatakan ia-lah terpakai dalam Selatan

Kedah, termasuk-lah Utara Perak dan juga Seberang Prai Utara. Maka inilah harapan saya muga² dapat-lah diubah peruntokan Perbelanjaan Pembangunan ini di-dalam pertengahan tahun 1967 ini dan dapat di-jalankan dengan sa-berapa segera. Terima kasih.

Tuan Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasar Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian sedikit dalam masalah Kementerian Kesihatan dan Perubatan ini. Yang pertama sa-kali ia-lah masalah, Tuan Pengerusi, apa yang di-bangkitkan oleh sa-orang sakit dalam hospital—General Hospital, Kuala Lumpur baharu² ini, ia-itu sa-orang ibu yang bernama Siti Hawa Zain. Sudah-kah Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen ini, atau pun sudah-kah Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjalankan penyiasatan di-atas tuduhan² seperti yang tertulis dalam akhbar itu dan kalau sudah di-jalankan penyiasatan, apa-kah keputusan penyiasatan itu yang sa-patut-nya pehak Kementerian Kesihatan ini sudah pun memberitahu kepada orang ramai, atau pun di-beri jawapan kepada orang yang membangkitkan masalah itu.

Tuan Pengerusi, bukan sahaja ini soal yang timbul, tetapi dalam kelas dua dekat General Hospital Kuala Lumpur ini sa-buah bilek yang panjang-nya 15 kaki dan lebar-nya 10 kaki di-isikan dengan 3 katil dan kalau kita melihat keadaan yang berlaku di-tengah² Ibu Kota, Kuala Lumpur ini dalam keadaan hospital yang bagini, bilek hospital yang sa-bagini sempit, akan terasa-lah kita bagaimana keadaan-nya, kalau kita yang sihat ini pun berasa ta' sedap hendak masuk dalam bilek itu, apa-tah lagi orang yang sakit? Ini berlaku dalam General Hospital, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sa-patut-nya memang kita tidak menapikan dan memang banyak kejadian complaint² ini, atau rayuan² dan bantahan² yang di-keluarkan oleh orang ramai dan wakil² ra'ayat di-atas keadaan rumah² sakit yang tidak terator, pekerja²-nya yang berlaku tidak baik, ini semua ada-lah terjadi dalam di-mana² tempat pun

dalam keadaan orang ramai. Jadi kita tidak dapat-lah hendak menyatukan, atau pun hendak memperbaiki semua sa-kali, hanya yang dapat kita lakukan ia-lah memperbaiki sa-berapa boleh yang kita boleh, tetapi masalah General Hospital, Kuala Lumpur, ini sa-patutnya di-beri satu ranchangan priority. Saya sedar General Hospital sekarang ini sedang di-buat dan akan siap boleh jadi tidak lama lagi dan akan dapat-lah memperbaiki keadaan²-nya yang tidak baik itu dan saya minta pehak Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen ini menjalankan satu penyiasatan di atas tuduhan dan rayuan yang di-buat oleh Siti Hawa Zain ini, dan kalau tidak betul siasatan itu hendak-lah di-ishtiharkan dalam surat khabar supaya jangan orang lain, orang lain yang hendak datang berubat ini, dia bila tengok surat khabar itu, dia takut hendak datang lagi, dia takut layanan² yang burok sa-macam itu, dia tak mahu datang lagi.

Akhir-nya sa-kali, perbelanjaan yang kita buat, yang kita adakan untuk mengajak orang² kampung supaya meninggalkan nujum²-nya, supaya meninggalkan akar² kayu-nya dan datang berubat sa-chara science, sa-chara perubatan di-hospital² ini akan kechewa. Mereka bila membaca dalam surat khabar berkenaan berita² burok, ta' ada kelambu, ada nyamok, ta' ada ayer, makanan tidak baik—mereka tidak akan datang ka-hospital. Mereka akan lari. Ini-lah satu benda yang tidak di-ingini.

Tuan Pengerusi, masalah yang kedua, ia-itu Federal Dental School, Pulau Pinang. Pada tahun 1966 ada perbelanjaan itu, tetapi pada tahun 1967 saya tidak tahu mengapa-kah tidak ada langsung perbelanjaan itu, sedangkan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam membentangkan perbelanjaan bagi Kementerian-nya telah di-sebutkan bagi tahun ini akan di-adakan doktor² gigi yang banyak untuk menampung kekurangan² bagi seluroh daerah² luar bandar dan khas-nya Pantai Timor dan mengikut Yang Berhormat Menteri itu negeri Kelantan akan dapat doktor² gigi yang baharu, tetapi mengapa-kah pada tahun 1967 ini sudah tidak ada lagi

perbelanjaan bagi Federal Dental School, Penang? Ada-kah boleh jadi saya ini tidak benar, tetapi saya hendak bertanya, ada-kah pada fahaman Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen ini, atau Yang Berhormat Menteri Kesihatan, keadaan layanan gigi², doktor² gigi ini, sudah menchukupi sa-hingga tidak memerlukan kapada perbelanjaan bagi tahun ini?

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga, ia-itu masalah Rural Health Service, Rural Health Scheme, bagi tahun 1966 dalam soal yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat rakan saya dari Bachok rakan saya telah bertanya kapada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, berapa-kah jumlah Health² Centre yang telah di-dirikan dengan perbelanjaan yang di-minta dalam Dewan ini, dan mengikut jawapan yang bertulis yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan itu, dalam tahun 1966 hanya satu sahaja kelinik kesihatan—Health Clinic—yang di-dirikan di-seluruh Malaysia Barat—hanya satu sahaja. Jadi, kalau mengikut ucapan yang di-bentangkan, semua orang akan bergembira, saya pun menumpang bergembira, dan tiap² Ahli Dewan ini bila berchakap akan menguchapkan kapada Yang Berhormat itu dalam soal² kesihatan yang kita bersama² memikirkan kesihatan ini perlu, khas-nya dalam bandar dan lebeh² lagi di-luar bandar, tetapi bila memandang kapada ucapan-nya yang baik tetapi hasil dari ucapan itu hanya-lah satu sahaja—kelinik kesihatan yang di-dirikan sa-panjang tahun 1966 dalam sembilan buah negeri di-Malaysia Barat. Ini ada-lah satu perkara yang menyedihkan dan mena'ajubkan dan menjadi satu tanda-tanya, ucapan itu benar-kah atau pun perbuatan ini yang benar-kah?

Tuan Pengerusi, masalah yang akhir sa-kali yang saya hendak sentoh, ia-itu masalah Mental Hospital; walau pun Mental Hospital, Kota Bharu itu tidak ada di-sini, tetapi saya meminta kebenaran hendak menyentoh sedikit masalah Mental Hospital, Kota Bharu. Masalah Mental Hospital, Kota Bharu, ini bukan-lah untuk mengisikan orang² gila, tetapi untuk sementara waktu di-simpan orang² yang sakit otak

ini sa-hingga di-hantar ka-Tampoi Mental Hospital, Johore. Perbelanjaan yang di-berikan oleh Kementerian Kesihatan ini bagi tahun² yang lepas membolehkan menghantar orang² yang berpenyakit tidak sioman ini ka-Tampoi Hospital, Johore, tiap² satu bulan sa-kali. Jadi, dalam tempat observation dia di-Kota Bharu ini tidak-lah banyak sangat, hanya 10 atau pun 20 orang bagi tiap² bulan kemudian di-hantar ka-Johor, tetapi semenjak tahun² yang akhir ini, pehak Kementerian ini memberikan perbelanjaan yang berkurangan yang menyebabkan terpaksa pehak Pengurus Hospital Kota Bharu itu menghantar orang² penyakit otak ini dua atau tiga bulan sa-kali yang menyebabkan tempat² simpanannya ini berlebehan sa-hingga kadang² menyampai angka 30.

Tuan Pengerusi, Hospital Gila di-Kota Bharu ini ia-lah di-tengah² bandar Kota Bharu, di-kelilingi oleh rumah² orang kampung. Ada berlaku, saya pun duduk dekat situ, Tuan Pengerusi, ada berlaku beberapa kali orang² gila ini terlepas lari—terlepas lari dan masuk ka-kampung². Alang-kah dukachita-nya jikalau, sa-panjang masa ini tidak berlaku apa² lagi, tetapi alang-kah dukachita-nya kalau sa-suatu orang gila ini membuat, ma'alum-lah dia itu gila, kalau sudah gila itu macham² boleh jadi, kalau-lah dia melakukan sa-suatu kapada anak² orang kampung itu, ini ada-lah amat menyedehkan. Sa-patutnya saya minta pehak Kementerian ini menhadangkan supaya hospital orang gila yang ada di-Kota Bharu ini dipindahkan ka-satu kawasan yang tidak berdekatan dengan orang² yang tinggal.

Tuan Pengerusi, yang akhir sa-kali ia-itu masalaah Penyakit Cancer. Di-negara² lain, khas-nya di-negeri² barat, masalaah Penyakit Cancer ini, walau pun tidak sa-bagitu dapat menyenangkan, tetapi dapat-lah kita mendengar berita² yang khabar² yang baik, berita² yang menggembirakan, ia-itu ada sa-tengah²-nya sudah dapat di-chari chara² perubatan sains yang dapat mengubati dan menyembuhkan mereka² yang berpenyakit cancer ini. Tetapi, malang-nya di-Malaysia kita belum dan dalam sa-panjang ucapan Yang Ber-

hormat Menteri pun tidak ada di-sebut langsung masalaah Penyakit Cancer ini.

Saya mengharap biar-lah Perbelanjaan Khas di-gunakan, di-keluarkan oleh pehak Kerajaan Malaysia menyiasat dan, kalau perlu, membawa masok ubat² itu atau pun ahli² professor²-nya yang dapat mengubati Penyakit Cancer dan di-hapuskan daripada penyakit itu dalam Malaysia ini. Terima kasih.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka juga berchakap sedikit mengenai Kementerian Kesihatan ini. Yang Pertama, mengenai kenderaan untuk hospital² dan sub-centre. Saya berharap Kerajaan akan dapat mengadakan lebeh banyak lagi kenderaan² seperti land rover, ambulance dan lain² untuk General Hospital di-Kuala Trengganu, hospital di-jajahan dan juga di-sub-centre di-luar kawasan bandar. Saya telah mendapat banyak aduan yang mengatakan ia-itu sangat berkurangan kenderaan² di-negeri Trengganu untuk membawa orang² sakit di-sana.

Yang kedua, mengenai bangunan baru bagi hospital² di-dalam kawasan bandar. Tuan Pengerusi, apa yang saya nampak ia-lah Kerajaan telah membelanjakan wang yang banyak untuk mendirikan bangunan² yang besar dan moden serta mahal, luxurious building, bagi hospital² di-dalam kawasan bandar. Apa yang saya berharap kapada Kerajaan ia-lah jangan-lah mendirikan bangunan yang terlampau besar dan terlampau mahal bahkan kalau ada kelebehan wang maka elok-lah di-banyakkkan bilangan bangunan² hospital itu ka-seluruh negara kita ini.

Kadang², Tuan Pengerusi, kita dapati kita kekurangan wang untuk mendirikan bangunan yang tinggi. Maka barangkali buat sementara mithal-nya, kalau satu² bangunan itu patut lima tingkat maka buat sementara elok-lah di-dirikan tiga tingkat dahulu dan dikuatkan foundation atau pun tapak bangunan itu supaya kemudian kelak boleh di-tambah dua lapis lagi itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, ada-kah

Yang Berhormat itu setuju dengan hospital yang di-untukkan, mithal-nya, hospital di-Changkat Melintang yang hanya \$10,000 sahaja, chukup-kah untuk satu hospital?

Dato' Abdullah bin Abdulrahman: Tuan Pengerusi, apa yang saya mahu alumkan hospital yang besar²-lah. Yang saya sebutkan yang besar² bukan hospital yang kecil² itu.

Satu perkara lagi berkenaan dengan latehan untuk bidan² di-kampung. Apa yang saya berharap kepada Kerajaan ia-lah memberi satu latehan yang lebih lagi dan yang mendalam lagi kepada bidan² kampung, oleh kerana, Tuan Pengerusi, kita tahu kalau bidan² kampung ini tidak mendapat latehan yang sa-wajar maka akibat²-nya ia-lah merosakkan kesihatan ibu² yang baru bersalin dan juga anak² yang baru dilahirkan. Dan sa-kira-nya mereka ini tidak mahu menerima latehan² itu maka satu² ikhtiar dan usaha hendaklah di-jalankan oleh pihak Kerajaan supaya mendorong mereka² ini mengambil akan latehan itu.

Mengenai gigi kanak² sekolah di-luar kawasan bandar. Apa yang saya nampak, Tuan Pengerusi, pada masa ini sangat berkurangan perhatian diberikan kepada kesihatan gigi kanak² sekolah yang ada di-luar kawasan bandar. Saya shorkan kepada Kerajaan supaya menghantar lebih banyak nurse² dan doktor² gigi yang berkelulusan supaya menjaga dan mengubati gigi² kanak² yang ada di-luar kawasan bandar pada masa sekarang ini. Kerana kita semua tahu, Tuan Pengerusi, kesihatan gigi ada-lah mempunyai pertalian yang rapat dengan baik burok-nya pelajaran kanak² di-luar kawasan bandar itu.

Yang penghabisan-nya ia-lah bangunan hospital—Rural Hospital—di-luar kawasan bandar. Di-banyak tempat, Tuan Pengerusi, kita dapati orang² kampung terpaksa mengambil masa berjam² untuk sampai ka-hospital kerana mendapat rawatan. Ada sa-tengah² tempat susah hendak di-dapati kemudahan² bas dan lain². Maka terpaksa orang² kampung ini berjalan atau pun mengayoh basikal untuk pergi ka-hospital. Maka saya sunggoh berharap kepada pihak

Kerajaan mendirikan lebih banyak lagi Rural Hospital di-luar kawasan bandar ini. Sakian sahaja, terima kaseh.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Terima kaseh, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya menyentoh dalam Kepala 123 ini berkenaan dengan Pechahan-kepala 5, Hospital Baru, Pechahan (iii) General Hospital, Klang, yang di-adakan peruntukan sa-bagai token \$10 pada tahun ini.

Sebab yang saya suka menyentoh ia-lah di-kawasan saya, Kuala Langat ada-lah hanya bergantung keseluruhan penduduk yang sa-banyak 60,000 atau pun 70,000 di-waktu ini bergantung kepada hospital ini-lah. Tetapi, malang-nya apa yang saya lihat peruntukan pada tahun ini hanya merupakan token \$10 sahaja. Saya berasa kechewa dan ra'ayat Kuala Langat berasa kechewa, kerana keadaan hospital itu sendiri sudah tidak menyenangkan kalau di-lihat di-waktu ini di-dalam rumah sakit itu satu haluan, satu jalur ward berlapisan² tiga sa-hingga empat katil yang di-ireng.

Ada satu ketika katil² ini sudah tidak ada tempat, di-letakkan di-jalan pergi ka-tandas untuk di-tempatkan orang. Ini-lah kedudukan hospital di-Klang dan keadaan penduduk² yang mengharapkan kepada rumah sakit itu sangat²-lah kechewa, apa-tah lagi di-dalam kesulitan² yang tergepar, sakit² yang tidak di-sangka², apabila singah di-hospital Klang tidak ada tempat, maka terpaksa di-larikan ka-Kuala Lumpur, maka di-dalam perjalanan itu—antara 40, 50 batu itu—dengan takdir maka nyawa hilang di-tengah jalan.

Jadi, saya berharap selideki-lah dengan sa-benar²-nya keadaan dan kedudukan Hospital Klang kerana tapak hospital itu telah pun di-sediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya sangat hairan kerana apa-lah hanya peruntukan \$10—token vote—sahaja bagi tahun ini, dengan keadaan kedudukan tidak usahkan penduduk di-Klang, penduduk di-kawasan saya 70,000, kawasan Klang barangkali harus sampai 100,000 atau 100,000 lebih yang menumpukan segala²-nya

kapada hospital—itu satu sahaja—bahkan separoh daripada Kuala Selangor juga akan menumpu kapada hospital yang saya sebutkan ini. Jadi sa-patut-nya-lah sudah sewajar-nya-lah bagi pehak Kementerian Kesihatan ini mengambil perhatian yang cukup berat kerana keseluruh pantai barat Selangor menumpukan. kegunaan-nya di-dalam rumah sakit di-Klang itu dan pada keseluruhannya cukup mengertilah—Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pun bersemayam di-Klang juga.

Beraleh saya kapada perkara, Pechahan-kepala 3 (i)—Rural Health Services. Di-dalam mengatorkan ranchangan² membena rumah² Pusat Kesihatan Kechil ini saya suka-lah menarek perhatian sekarang pehak yang berkenaan supaya yang telah ada itu ditinggalkan sementara waktu, yang belum ada itu di-bena di-dalam kawasan² yang belum ada. Umpama-nya, saya telah dapat ketahui di-Tanjong Sepat memang telah ada Pusat Kesihatan Kechil tetapi mengapa-lah Pusat Kesihatan Kechil di-sana itu hendak diperbaiki bahkan tempat yang lain belum ada. Ini satu kesulitan yang besar kapada kita pada masa ini, bahkan tempat² yang belum ada itu berkehendakkan sangat²—sungguh²—kapada kesihatan supaya dapat kita menjamin kehidupan dan kemewahan mereka pada hari yang akan datang.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditanggohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 5.25 p.m.

Sitting resumed at 5.40 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

The House immediately resolved itself into Committee of the whole House.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh satu atau dua perkara dalam Peruntukan Pem-

bangunan ia-itu Kementerian Kesihatan ini.

Soal yang pertama ia-lah tentang Pechahan Kepala 3, Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Saya tidak tahu ada-kah termasuk di-dalam peruntukan yang di-minta sa-banyak \$3 juta lebeh ini bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar peruntukan bagi menentang penyakit malaria di-luar bandar. Menurut pengakuan Kementerian Kesihatan sendiri pada masa ini 67% kampong² di-luar bandar mempunyai kuman² penyakit malaria. Dan ini satu perkara yang sangat mengerikan dan kalau menurut laporan Menteri itu sendiri bahawa peruntukan bagi memerangi penyakit malaria ini tidak di-masokkan dalam peruntukan Pembangunan Malaysia Yang Pertama tetapi hanya beliau mengaku keadaannya sangat terok yang di-nyatakan ia-itu 67% kampong² mengandongi penyakit malaria kenapa-kah tidak di-masokkan dalam peruntukan pembangunan tahun ini sa-bahagian daripada peruntukan untuk menentang penyakit malaria itu.

Tuan Pengerusi, ini perkara yang sangat mustahak kerana untuk pembangunan luar bandar perkara kesihatan ini sangat penting jikalau Kerajaan membuat sekolah bagi kawasan luar bandar, membuat berbagai² pembangunan di-luar bandar, tetapi anak² di-luar bandar itu sendiri 67% mengandongi penyakit malaria, bagaimana anak² itu dapat hendak menerima pelajaran yang baik? Bagaimana dapat menggunakan segala kemudahan² yang di-berikan di-bawah ranchangan² pembangunan luar bandar ini? Jadi, untuk menjayakan ranchangan luar bandar, peperangan ka-atas malaria ini mesti di-lancarkan lebeh dahulu dengan jaya, supaya segala hasil yang akan di-jangka daripada ranchangan pembangunan luar bandar itu dapat di-chapai dengan sa-penoh-nya.

Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): \$5.5 juta telah pun di-untokkan dalam Supply Bill. \$5.5 juta lebeh kurang di-untokkan untuk menchegeh malaria dalam Supply Bill, tidak termasuk dalam pembangunan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail:

Jikalau ada sa-banyak \$5 juta untuk memerangi malaria tetapi saya merasa, menengok kapada hebat-nya suasana itu, peruntokan \$5 juta itu belum lagi cukup. Saya merasa, Tuan Pengerusi, kita ini kadang² terlalu banyak tergantung kapada pakar² dari luar. Kadang² kita sendiri yang menerima padah-nya. Umpama-nya dalam perkara penyakit malaria ini dalam masa lima tahun yang lalu \$25 juta telah di-belanjakan oleh Kerajaan kerana penyakit malaria. Dengan pengakuan daripada jawapan² bertulis Menteri Kesihatan sendiri hanya 10% daripada \$25 juta itu yang di-belanjakan untuk menchegeh malaria di-luar bandar, 90% di-kawasan bandar. Sedang di-kawasan bandar hanya sedikit penyakit yang ada. Ini di-sebabkan timbul oleh kerana Institute of Medical Research pada masa dahulu yang menjalankan penyiasatan perkara ini dan yang mengarahkan usaha² untuk ini di-arahkan oleh sa-orang pegawai dagang dan berdasarkan arahan-nya itu-lah barangkali maka usaha untuk memerangi malaria ini di-tumpukan lebeh banyak di-kawasan bandar yang tidak ada malaria.

Saya bawa angka-nya, Tuan Pengerusi. Pada tahun 1964 Kerajaan berbelanja \$6 juta untuk menchegeh malaria. 91% daripada peruntokan itu di-belanjakan dalam bandar, hanya 9% di-belanjakan di-luar bandar. Tengok pula kapada pegawai² yang di-gunakan untuk menchegeh malaria, dalam tahun 1964 pegawai yang ada sa-ramai 4,099 orang. Daripada angka ini 3,835 orang di-tempatkan di-bandar, di-tempat yang tidak ada malaria. Hanya 294 orang yang di-tempatkan di-dalam kawasan luar bandar. Ini pada saya merupakan satu sabotage oleh pegawai² dagang yang menjalankan tanggung-jawab itu kapada negara kita dan pembangunan kesihatan negara kita pada masa itu. Alhamdulillah, shukur kapada masa ini sa-telah Institute of Medical Research ini di-pegang oleh anak negeri kita sendiri, dan sa-telah dapat laporan² yang sa-benar-nya tentang perkara ini baharulah hendak di-buat satu rancangan yang memakan belanja kata-nya \$118

juta untuk memerangi malaria ini dalam masa lima tahun yang akan datang.

Jadi, saya merasa terutama dalam lapangan kesihatan ini, jawatan² penting harus kita berjaga² jangan-lah banyak di-pegang oleh pegawai² dagang atau pakar² luar. Pakar² luar ini boleh di-ambil nasehat tetapi di-serahkan memegang jawatan yang penting—key post. Ini-lah jadi-nya sa-bagai kita mengalami satu trajidi yang besar dalam soal malaria ini sendiri.

Saya harap pehak Kementerian ini akan memberi kepercayaan yang lebeh kapada anak negeri sendiri dalam mengendalikan soal² besar mengenai pembangunan kesihatan bagi negeri kita ini. Dan saya harap pada masa ini sa-telah Kementerian sedar akan kedudukan hal ini, akan mengubah sa-mula penempatan pegawai² ini untuk di-arahkan 70% daripada 4,000 lebeh pegawai ini ka-dalam kawasan luar bandar. Saya tidak tahu ada-kah sekarang ini pegawai² yang pada masa dahulu 3,800 daripada 4,000 itu yang di-tempatkan di-bandar itu pada masa ini maseh tinggal bersenang lenang di-bandar memerangi musoh yang tidak ada. Bayang² musoh sahaja yang ada di-bandar. Dan musoh yang sa-benar-nya ada di-luar bandar.

Saya berharap penempatan pegawai² ini akan di-ator kembali sa-bagitu rupa sa-hingga 70% dan sa-kurang²-nya daripada 4,000 orang lebeh yang bekerja dalam bahagian menchegeh malaria ini akan di-tempatkan di-kawasan luar bandar. Dan saya harap perkara ini tidak akan di-lakukan dengan berlengah² lagi bahkan di-lakukan dengan masa yang segera juga.

Tuan Pengerusi, pada masa ini, mulai tahun ini, barangkali pehak rumah sakit ada mengenakan bayaran kapada orang yang hendak datang meminta ubat sa-banyak 50 sen pada satu orang. Saya mengambil kesempatan ini untuk menchadangkan bagi menggalakkan orang² menderma darah—kita ini kurang darah, Bank Darah pun barangkali kita hendak supaya bertambah dan tetap ada simpanan darah itu dengan banyak—maka harus di-beri

galakan kepada penderma² darah ini dan saya suka mengshorkan supaya penderma² darah ini yang ada certificate di-bawa bila pergi hospital untuk mendapat rawatan di-bebaskan daripada bayaran sa-banyak 50 sen dan sa-bagai-nya itu. Ini sa-bagai satu tanda penghargaan, galakan, daripada pehak Kerajaan di-atas pendermaan darah yang begitu mahal itu daripada mereka kepada bank darah atau tabong darah. Dan bila di-jalankan ini, saya perchaya maka akan banyak lagi-lah darah² yang akan di-dermakan dengan begitu sukarela oleh penderma² darah daripada warga negara kita.

Setia-usaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya bagi pehak Menteri Kesihatan menguchapkan berbanyak² terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang banyak telah mengeluarkan fikiran² dan tegoran² yang membena. Saya ta' dapat menjawab sa-chara detail (satu per satu). Walau bagaimana pun segala tegoran dan pandangan² Ahli² Yang Berhormat itu akan di-ambil perhatian. Ahli Yang Berhormat daripada Parit bertanya, \$10,000 itu ia-lah permulaan untuk meratakan tempat itu dan pada tahun 1968 insha' Allah kita akan buat peruntokan dan sa-terus-nya sa-hingga rumah sakit itu siap.

Dan berkenaan dengan tempat² yang hendak di-dirikan klinik² sama ada pusat² kesihatan atau pun klinik² bidan, ini bukan-lah di-buat oleh Kementerian Kesihatan, tetapi semua plan² dan pandangan² tempat² itu adalah di-buat oleh Ketua Pegawai Perubatan di-tiap² Negeri, sa-telah berunding dengan pehak jawatan-kuasa Kemajuan Kampong, Jawatan-kuasa Pembangunan Daerah dan sa-terus-nya Jawatan-kuasa di-peringkat negeri ia-itu Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar peringkat Negeri.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat daripada Kulim Utara, ia-itu tentang rumah sakit di-Kulim—beliau bertanya kenapa-kah \$12 juta telah di-untokkan pada tahun 1964 tetapi pada tahun ini hanya \$10 sa-bagai token vote sahaja. Untuk menjawab-

nya, Tuan Pengerusi, bukan-lah berma'ana-nya Kementerian ini ta' berchadang hendak membuat, tetapi pada tahun ini, dalam ucapan saya tadi saya telah bagi tahu, ia-itu satu klinik pergisian yang berharga \$40,000 akan di-buat di-Kulim. Jadi ini ada-lah satu daripada permulaan.

Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas Hulu telah bertanya berkenaan dengan aduan yang di-buat oleh Che' Siti Hawa Zain. Jadi, saya juga berasa dukachita berkenaan dengan statement yang di-buat kepada wartawan—saya rasa Che' Siti Hawa Zain sa-bagai sa-orang pegawai kanan Kerajaan, ta' patut-lah Che' Siti itu membuat kenyataan di-surat² khabar kerana di-rumah² sakit ada Penguasa Perubatan—Medical Superintendent, Matron dan Sister—atau pun kepada Yang Berhormat Menteri sendiri atau kepada saya sendiri; kami sedia mengambil tindakan. Tetapi, walau bagaimana pun saya memberi jaminan ia-itu—saya ta' mengatakan ia-itu semua pegawai² dan kaki-tangan rumah sakit itu semua-nya mala'ikat belaka. Dan juga saya perchaya Che' Siti dan juga Ahli Yang Berhormat daripada PAS dan kita semua bukan-lah keramat. Walau bagaimana pun satu jawatan-kuasa telah pun di-lantek untuk menyiasat aduan yang di-buat oleh Che' Siti Hawa Zain itu.

Berkenaan dengan kekurangan doktor² gigi, ini telah pun di-terangkan dalam Supply Bill oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi perkara ini akan di-atasi apabila kita dapat chukup kaki-tangan atau pegawai².

Beliau juga telah berchakap berkenaan dengan orang² sakit otak di-rumah sakit Kota Bharu. Sa-benarnya orang² sakit otak di-rumah² sakit dalam negeri ini, ia-itu lebeh daripada 60 rumah sakit—bukan-lah di-semua rumah² sakit ini ada tempat khas untuk orang² sakit otak. Orang² sakit otak, tempat khas-nya ia-lah di-Tampoi dan di-Tanjong Rambutan. Jadi, di-Kota Bharu, hanya orang² itu barangkali bukan gila betul, tetapi mereng sahaja (*Ketawa*). Jadi kalau mereng hanya doktor di-situ sahaja

akan berikhtiar supaya orang² itu baik. Tetapi jika di-dapati orang yang sakit otak itu bertambah berat atau pun kuat sakit-nya, maka baharu-lah orang² sakit itu di-pindahkan ka-Tampoi atau pun Tanjong Rambutan.

Yang Berhormat itu telah juga berchakap berkenaan dengan penyakit cancer. Yang Berhormat itu berkata ia-itu Malaysia ini jauh kebelakangan daripada negara² yang lain. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ia-itu sa-telah rumah sakit yang baharu ini siap, satu alat yang paling moden sa-kali akan di-tempatkan di-General Hospital. Ini akan di-siapkan dengan segala alat untuk mengubat penyakit cancer bulan July tahun 1967, ia-itu tahun ini.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, on a point of clarification. Is the Honourable Parliamentary Secretary telling this House that the new hospital at Kuala Lumpur will be ready by 1967 to house the new Radiotherapy Unit?

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: It is scheduled to be completed by July, 1967.

Dr Tan Chee Khoon: Then, there is a vast difference between "scheduled to be completed" and what the Honourable Parliamentary Secretary is telling us!

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: It is scheduled to be completed by July, 1967, and I think the modern unit for the treatment of cancer will also be placed there.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Selatan telah pun berchakap berkenaan dengan Perkhidmatan Rumah Sakit Luar Bandar. Kementerian Kesihatan memang sedar ia-itu daripada penjajahan dahulu penduduk² yang tinggal di-luar bandar ada-lah terbiar dan tertinggal, maka oleh sebab itu-lah maka Kementerian Kesihatan sekarang sedang giat membanyakkan pusat² kesihatan yang besar, pusat² kesihatan yang kecil dan kelinik² bidan. Kalau saya ta' salah tadi, Ahli Yang Berhormat dari-

pada Pasir Mas Hulu telah mengatakan kenapa-kah tahun 1966 hanya satu sahaja Pusat Kesihatan di-buat. Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, ia-itu tahun 1966, 18 buah pusat kesihatan telah pun disediakan, bukan-nya satu.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Selatan menchadangkan supaya bidan² kampong itu di-beri latehan supaya kesihatan pendudok² di-luar bandar itu tidak terganggu. Ini memang kita telah buat, dan saya percaya Ahli Yang Berhormat itu sendiri maseh ingat ia-itu satu undang² telah di-luluskan dalam Parlimen ini berkenaan dengan bidan² atau pun Bill berkenaan dengan bidan², ia-itu di-kehendaki semua bidan² termasuk bidan² kampong mendaftarkan dengan Kerajaan supaya mereka itu dapat di-beri latehan yang sa-wajar-nya.

Berkenaan dengan kekurangan kenderaan di-Kuala Trengganu, ini memang-lah bukan sahaja di-Trengganu, banyak di-negeri² lain juga kekurangan kenderaan saperti ambulance dan lain². Tetapi pada tahun 1967 ini Kementerian Kesihatan telah pun membuat peruntokan sa-banyak \$800,000 untuk membeli beberapa buah kenderaan untuk di-bahagi²kan di-mana² tempat yang perlu mengikut keutamaan.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Langat telah berchakap berkenaan dengan rumah sakit Klang yang hanya di-untokkan \$10 sahaja. Sa-benar-nya satu wad baharu sedang di-bena di-Klang.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara telah pun berchakap berkenaan dengan penche-gah malaria. Memang Kementerian Kesihatan sedar yang 90% di-belanjakan di-dalam bandar dan 10% di-belanjakan di-luar bandar. Maka oleh sebab itu Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu Jawatan-kuasa yang di-pengerusikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Perubatan—Institute of Medical Research—ia-itu Doktor Engku Umar. Satu report yang lengkap telah pun di-kemukakan kepada

pehak Kementerian dan akan dibentangkan kepada Cabinet ta' lama lagi. Ini akan memakan belanja sebanyak \$118,000,000 untuk menghapuskan malaria di-seluruh Malaysia Barat ini dalam tempoh 10 tahun dan sa-bahagian daripada wang \$5.5 juta itu akan di-gunakan untuk perbelanjaan ini.

Berkenaan dengan penderma darah juga satu Jawatan-kuasa telah pun ditubuhkan untuk mengadakan satu Pusat di-Kuala Lumpur ini dan di-adakan chawangan² di-peringkat negeri dan daerah, kerana pada hari ini, penderma² darah hanya dapat di-jalankan dengan pertolongan St. John atau pun Red Cross dan lain badan² sukarela. Maka oleh sebab itu satu Jawatan-kuasa telah di-tuboh dan ta' lama lagi kita akan dapat jalankan dengan lebeh pesat lagi. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Question put, and agreed to.

The sum of \$48,652,340 for Head 123 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

Head 124—

The Parliamentary Secretary to the Minister of Labour (Tuan Lee San Choon): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the sum of \$710,000 under Head 124 of the Development Estimates, 1967, relating to my Ministry be approved.

Of this sum \$180,000 is to meet the cost of a new Labour Officers building in Ipoh. Tender specifications for the building are now being worked out by the Public Works Department, and it is estimated that work on the ground should begin some time in July this year. This is a continuation project, the construction of which should have begun in 1966 itself, but because of the need to re-examine the plan and to cut down in line with the austerity drive in Government expenditure, this delay has become inevitable.

Under Sub-head 3, \$30,000 is entered to meet part of the cost of the Building Unit project. This project has been in the Estimates since 1965, but its

implementation has not been possible due to difficulties and delay in recruitment of the necessary staff for the Unit. This matter is now being resolved. The amount provided for 1967 will be utilised to purchase materials for putting up hostels for apprentices and training under the scheme. Briefly, this scheme seeks to upgrade and augment the pool of skilled labour in the building industry, both to meet present needs and future requirements and also to improve the racial composition of labour force in the building industry.

For industrial training, the sum of \$400,000 entered under Sub-head 4 will be used to meet part of the cost of the new workshop block and two additional hostel blocks that will be constructed under the plan and to expand industrial training.

The project envisages fuller utilisation and extension of the existing facilities in the Industrial Training Institute in Kuala Lumpur by the construction of a new workshop block to provide more space for the electrical and motor mechanic trades and for the new trades of tool and dye making and constructing plant machinery mechanics. With this extension, it is hoped to take in approximately an additional 500 to 600 trainees under the National Apprenticeship and Industrial Training Scheme per year. I have already referred to the Plan in this respect I mean the Honourable Minister of Labour has already referred to the plan in this respect in moving the estimates of Ordinary Expenditure for this Ministry. Land is available at the present Industrial Training Institute, Kuala Lumpur, and plans for the building are also ready.

Under Sub-head 5, \$100,000 has been entered as loan to the Port Labour Board, Penang, to enable it to put up its own building. The total estimated cost of the building and land is \$500,000.

The Port Labour Board in Penang was established in July, 1965, to secure greater regularity of employment

for Port workers and to ensure that an adequate number of Port workers is available for the efficient performance of port work at Penang. This scheme was launched with the Government grant of \$158,000 to cover the expenses of the first twelve months of its operation. For this scheme to work satisfactorily, it is essential that the Board should have its own administrative premises in the vicinity of the Penang Port Commission in Weld Quay. These premises should, in addition to office accommodation, provide a covered assembly place for workers. Provisions will also have to be made for accommodation of medical, canteen and washing facilities. The \$100,000 provisions provided for 1967 will meet the cost of the land of approximately \$30,000 and the cost of piling required on the site of approximately \$60,000. The balance of the provisions for the actual construction of the building will be provided next year.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap di-bawah Kepala 124 berhubung dengan Kementerian Buroh, dan saya menarek perhatian di-bawah Pechahan-kepala 4 ia-lah berkenaan dengan Industrial Training.

Tuan Pengerusi, perburohan ini adalah satu masaalah yang besar dan buroh ini ada terbahagi dua. Ada buroh tetap yang mendapat gaji daripada pehak Kerajaan dan daripada pehak majikan² dan ada buroh sementara. Ada pun buroh sementara ini terdiri daripada kaum² nelayan dan ahli tani yang membuat perkerjaan sementara seperti kalau ada-nya kawasan pembukaan tanah maka pehak contractor memberi peluang kepada mereka itu bekerja di-kawasan demikian.

Apa yang saya ingin menarek perhatian Kementerian Buroh ini, nasib buroh sementara ini mengikut apa yang saya tahu dan apa yang telah berlaku, amat-lah tidak terjamin, Tuan Pengerusi. Mereka bekerja, tetapi kadang² gaji mereka itu tidak dapat sa-penoh-nya sa-bagaimana apa yang

telah di-janjikan dan apakala mereka mengadu kepada pegawai buroh maka jarang² sangat mendapat perhatian. Jadi, di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua ini saya perchaya banyak rancangan yang akan di-jalankan dan akan di-gunakan buroh kekal dan buroh sementara ini.

Tuan Pengerusi, ada pun buroh kekal, mereka akan dapat mengadakan mogok tetapi buroh sementara ini hanya-lah mereka dapat mengadu kepada Pegawai Buroh sahaja. Jadi, kalau pehak Pegawai Buroh tidak mengambil satu langkah yang tegas bagi mengatasi nasib mereka itu, maka nasib mereka tidak berubah walau pun rancangan pembangunan telah di-jalankan. Tuan Pengerusi, saya sukachita menarek perhatian ia-lah berhubung dengan perkara Persatuan Pekerja Pelombong, Pantai Timor, Bukit Besi, Dungun.

Mr Chairman: Itu masuk dalam Pechahan-kepala berapa?

Tuan Lee San Choon: Apa yang di-chakapkan oleh Yang Berhormat Ahli daripada Tumpat ini tidak ada sangkut paut dengan apa yang kita sedang bincangkan.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, untuk membetulkan, yang sa-benar-nya saya bukan ahli daripada Tumpat ini tidak ada sangkut Besut dan apa yang saya hendak chakap ini saya telah sebutkan tadi ia-lah di-bawah Pechahan-kepala 4 ia-itu berhubung dengan Industrial Training dan ini ada dengan saya ini "Rule of the East-Coast Mining Industry Workers Union, Dungun". Jadi, saya memahamkan bahawa perkara ini dapat-lah di-chakapkan di-dalam ini. Dan saya minta izin Tuan Pengerusi meneruskan ucapan saya.

Mr Chairman: Industrial Training ini di-dalam latehan sahaja. Industrial Training mana dalam latehan Industry—Itu boleh di-chakapkan. Tidak hendak berchakap lagi?

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya fahamkan tujuan mengadakan latehan ini ia-lah hendak

menggalakkan mana² pekerjaan didalam mana² Industry untuk menjalankan kesatuan-nya. Jadi, Tuan Pengerusi, itu-lah saya menarek perhatian pada apa yang saya telah chakapkan. Dan ini ada Rule of East-Coast Mining Industry Workers Union, Dungun.

Dan apa yang saya hendak sebutkan, Tuan Pengerusi, ia-lah berhubung dengan rule 24, Tuan Pengerusi, butiran (5) ia-lah berhubung dengan pertikaian di-antara buruh sa-sama buruh. Maka telah berlaku-lah, Tuan Pengerusi, pertikaian yang berpanjangan di-Bukit Besi itu sa-sudah kesatuan itu menjalankan meshuarat agong-nya dari . . .

The Minister of Labour (Tuan V. Manickavasagam): Sir, on a point of order, I think the Honourable Member is speaking out of context. Sir, we are debating on Development Estimates, and he is talking about trade unions, which has no connection whatsoever with what is required in this House. He could have spoken all these when we were debating on the general policy statement—he could have spoken on the Supply Bill.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri Buruh ini, bila saya berchakap dia mengatakan bahawa tidak ada hubungan-nya dengan Persatuan Buruh ini. Jadi, apa-kah tujuan-nya mengadakan Industrial Training ini. Untuk apa?

Tuan V. Manickavasagam: Mr Speaker, Sir, I am afraid the Honourable Member does not understand the functions of the Industrial Training Institute. That has got nothing to do with Trade Union. That is separate; it is training for workers and has nothing to do with Trade Union activity.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Workers itu bukan-kah pehak Kementerian Buruh sendiri menggalak di-adakan Trade Union? Erti-nya ada hubungan dengan itu. Bukan saya tidak faham tetapi saya nampak pehak Kementerian Buruh chuba hendak

mengelakkan perkara ini berjalan berlarutan tidak dapat penyelesaian.

Tuan Lee San Choon: Tuan Pengerusi, patut-lah di-binchangkan dalam general debate bukan sekarang pula (*Ketawa*).

Mr Chairman: Saya fikir Industrial Training tidak termasuk di-dalam perkara 4 itu bagaimana di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh. Chakap lain-lah kalau ada.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Terima kaseh, Tuan Pengerusi, kalau sudah memberi ruling begitu, saya berhenti.

Tuan Lee San Choon: Tuan Pengerusi, oleh sebab saya fikir apa yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut tidak ada sangkut-paut dengan perkara item² yang kita bawa ini, jadi, saya pun tidak ada apa² hendak jawab. Saya ingat boleh-lah jikalau Ahli Yang Berhormat itu hendak bawa perkara ini di-lain tempat, boleh-lah kita bagi jawapan. Terima kaseh.

Question put, and agreed to.

The sum of \$710,000 for Head 124 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

Head 125—

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Pengerusi, saya memohon izin menchadangkan supaya perbelanjaan di-bawah Kepala 125, Kebajikan Masharakat, berjumlah \$1,761,000 di-luluskan.

Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 1 (i); Rumah Orang² Tua Selangor, wang sa-banyak \$9,597 ada-lah di-kehendaki untuk menemui bayaran² konterek mengenai ranchangan ini yang sudah pun siap. Pembinaan Rumah Orang Tua, Johor Bahru, di-bawah Pechahan-kepala 1 (ii) akan di-mulakan pada awal tahun ini dan wang sa-banyak \$400,000 akan di-kehendaki untuk membayar belanja² kerja bagi tahun ini. Ranchangan ini di-jangka akan siap dalam tahun 1968.

Mengenai wang sa-banyak \$57,671 di-bawah Kepala-kecil 1 (iii), Pusat Pemulihan Bagi Orang² Chachat—wang ini di-kehendaki untuk menemui bayaran² konterek dan lain² belanja mengenai ranchangan ini yang telah pun siap.

Wang sa-banyak \$10,000 dan \$5,000 di-minta untuk ranchangan² di-bawah Pechahan-kepala 1, 4 dan 5 Rumah Pesakit² Tenat Pulau Pinang dan Selangor di-kehendaki untuk menemui belanja tanah dan kerja² permulaan. Pembinaan-nya yang sa-benar²-nya di-anggar akan di-mulakan dalam tahun 1968.

Mengenai Pechahan-kepala 2 (i) Sekolah Akhlak, Pahang, (ii) Rumah Tumpangan Sementara/Asrama Pulau Pinang dan (iii) Rumah Tumpangan/Asrama Kuala Trengganu. Ketiga² ini ada-lah ranchangan² lanjutan dan wang di-minta di-bawah Kepala² ini ada-lah di-kehendaki untuk menemui bayaran² konterek dan bayaran² yang lain mengenai kerja² permulaan. Rumah tumpangan sementara/asrama Pulau Pinang telah pun siap dan kerja mengenai ranchangan yang dua lagi boleh-lah di-lancarkan apabila wang di-perolehi kelak. Ranchangan² di-bawah Pechahan-kepala 3 ia-itu Rumah² Perlindungan Gadis² dan Wanita—ada-lah ranchangan² lanjutan dan wang sa-banyak \$19,852 di-kehendaki untuk menemui bayaran² konterek mengenai rumah di-Kuala Lumpur dan wang sa-banyak \$70,000 mengenai rumah di-Kuala Trengganu untuk menemui belanja kerja² yang akan di-jalankan dalam tahun ini.

Pechahan-kepala 4 dan 5, Rumah Kanak², Pulau Pinang dan Selangor. Pusat Latehan berasrama ada-lah juga ranchangan² lanjutan. Wang sa-banyak \$10,000 di-kehendaki untuk menemui belanja kerja permulaan mengenai rumah kanak² Pulau Pinang \$4,554 mengenai rumah kanak² Selangor untuk membayar baki harga tanah sa-telah tamat penyiasatan. Pembangunan Pusat Latehan Berasrama bagi kakitangan Kebajikan Masyarakat di-anggar akan mula tidak lama lagi. Dan wang sa-banyak \$579,000 di-kehendaki

untuk membayar belanja kerja² yang akan di-jalankan dalam tahun ini.

Mengenai Pechahan-kepala 6, wang sa-banyak \$196,580 di-kehendaki untuk menemui bayaran konterek mengenai ranchangan² tambahan termasuk rumah² kakitangan yang telah di-jalankan dalam tahun 1966.

Mengenai Pechahan-kepala 21, yang sa-benar-nya ia-lah ranchangan lanjutan. Kerajaan Sabah berkehendakkan baki dari pinjaman sa-banyak \$76,000 untuk menyiapkan rumah orang tua di-Beaufort.

Mengenai Pechahan-kepala 22, rumah tumpangan sementara/asrama, wang sa-banyak \$100,000 di-kehendaki untuk melancarkan ranchangan ini.

Pechahan-kepala 31 juga ia-lah ranchangan lanjutan dan wang sa-banyak \$85,000 di-kehendaki untuk menyiapkan rumah orang² tua di-Kuching.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin menchadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini dan kepada Menteri-nya oleh kerana kerja² yang di-jalankan oleh Kementerian ini ada-lah samata² untuk kebajikan atau pun welfare services kepada ra'ayat kita ia-itu satu Kementerian yang saya tidak fikir siapa pun memandang sa-bagai controversial.

Tetapi, Tuan Pengerusi, saya suka merayu kepada Kementerian ini berkenaan dengan Sub-head 3 di-bawah Head 125. Kita dapati protection of women and girls. Ada satu perkara, Tuan Pengerusi, yang berlaku di-dalam negeri kita ini yang kita selalu membaca dalam akhbar² ia-itu keputusan mahkamah terhadap orang² melakukan unnatural—kesalahan² luar tabi'i. Amat-lah tidak baik sa-kira-nya negara kita ini tidak dapat membuat satu undang² untuk menchegeh akhlak² yang sa-macam itu.

Ada pun kita hendak mengawal orang² perempuan, wanita² dan gadis² ini itu ada-lah masaalah yang sudah berlaku atau pun perkara yang kita lakukan. Tetapi bagaimana pula orang²

ini apabila kita dapat menangkap mereka itu dan mereka di-dapati sabit melakukan kesalahan-nya. Di-manakah kita hendak meletakkan orang² ini. Kalau kita champorkan dengan women and girls, saya bimbang pula menjadi satu masaalah di-situ. Atau pun adakah Menteri kita ini suka supaya Parlimen ini mengikut jejak langkah Parlimen British yang meluluskan satu Rang Undang² supaya kesalahan itu di-benarkan juga. Jikalau tidak, saya mengharapkan-lah Kementerian kita ini mengemukakan satu Rang Undang² supaya apabila di-luluskan dapat-lah kita menghukumkan orang² yang melakukan kesalahan itu lain daripada undang² yang ada sekarang ia-itu yang memandang kelakuan itu sa-bagai kelakuan yang tidak senonoh ia-itu sa-bagai satu minor offence, tidak major offence.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, dan yang terakhir sa-kali, saya melawat banyak juga di-negeri² di-Tanah Melayu ini saya dapati kerja² yang dilakukan oleh Kementerian ini nampak-nya sama ada dengan sengaja atau pun tidak benaan² yang di-buat itu nampak-nya mementingkan keindahan—beauty—lebeh daripada utility. Saya boleh tunjok tempat-nya itu tetapi dengan rengkas-nya saya tidak mahu menyebut kerana saya perchaya Menteri kita sedar dan saya minta-lah dasar daripada Kementerian ini bahawa untuk hendak membelanjakan tahun ini mesti-lah di-utamakan utility atau pun kegunaan-nya daripada kita memandang kepada beauty. Sebab kalau kita tengok satu chontoh, di-Kuala Kangsar sendiri, tidak munasabah rumah itu chantek-nya sa-olah² istana. Sedang yang kita hendak beri ia-lah khidmat kepada orang itu tidak rumah yang chantek itu, tetapi pembenaan terhadap orang itu. Itu yang saya minta dasar kepada Kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Sakhawat Ali Khan: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada sahabat saya daripada Bachok di-atas pandangan yang di-beri oleh beliau itu. Jadi, beliau berkehendak

supaya kita menimbangkan, mengadakan satu Rang Undang² bagi orang laki² yang berpura² menjadi orang perempuan. Saya sendiri tidak bersetuju di-adakan satu Undang²—meluluskan orang² ini membuat yang tidak senonoh ini. Ini satu kerja yang di-kutok. Jadi, saya sendiri jikalau satu Undang² perlu di-adakan insha'Allah saya akan jalankan supaya di-adakan satu Undang² jikalau undang² yang ada sekarang ini tidak boleh meliputi orang² yang sa-umpama ini.

Berkenaan dengan pembenan rumah² yang telah sudah itu kita tidak boleh buat apa-lah. Dan sa-bagaimana saya sendiri, saya sangat bersetuju ia-itu umpama-nya yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini rumah kanak² di-Kuala Kangsar. Jadi, saya sendiri tidak bersetuju rumah yang bagitu. Kerana saya berfaham ia-itu anak² yang di-didek dalam rumah sa-bagai satu mahlilai tentu apabila dia orang keluar besok dia hendak duduk dalam rumah yang sa-umpama itu juga. Dan saya telah memberi arahan kepada Kementerian saya. Saya tidak mahu lagi rumah sa-umpama itu dan rumah² orang tua juga sa-bagaimana orang chachat di-Cheras di-sana itu pun saya telah bagi arahan, saya tidak berkehendakkan—saya mahu apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat itu nampak-nya dia pun boleh membacha apa dalam fikiran saya ia-itu utility lebeh daripada beauty.

Question put, and agreed to.

The sum of \$1,685,000 for Head 125 agreed to stand part of the Development Estimates, 1967.

House resumed.

Mr Deputy Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1967 telah sampai kepada Kepala 125 jadi sa-bahagian dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan, 1967, ini.

Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 10.00 pagi besok.

Adjourned at 6.30 p.m.